




**SHEIKH ABDULLAH FAHIM
PENENTU TARIKH
KEMERDEKAAN
NEGARA 31 OGOS '57**



**SHEIKH ABDULLAH FAHIM
PENENTU TARIKH
KEMERDEKAAN
NEGARA 31 OGOS '57**

MOKHTAR PETAH



Pustaka Antara Sdn. Bhd.
Kuala Lumpur

diterbitkan oleh

PUSTAKA ANTARA SDN. BHD.

Lot UG 10-13, Upper Ground Floor,

Kompleks Wilayah,

2, Jalan Munshi Abdullah,

50100 Kuala Lumpur

Tel: 03-2980044

© **MOKHTAR PETAH**

– Hak Pengarang Terpelihara –

Cetakan Pertama ... 1997

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara pun, sama ada dengan cara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman dan lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada PUSTAKA ANTARA SDN. BHD. terlebih dahulu.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan–dalam–Penerbitan

Mokhtar Petah, 1934–

Sheikh Abdullah Fahim: penentu tarikh kemerdekaan negara 31 Ogos '57 / Mokhtar Petah.

ISBN 967-937-388-6

1. Sheikh Abdullah Fahim – Biography. 2. Ulama -- Malaysia -- Biography. 3. Politicians -- Malaysia -- Biography. 4. Independence Day (Malaysia)–History. 5. Nationalists -- Malaya. 6. Malaya -- Politics and government. 1. Judul.

959.51092

Anggota Persatuan Penerbit Buku Malaysia

No. Ahli: 7001

Editor: Idrus Jamhari

Rekabentuk: Ahmad Jailani & Salmah


dicetak oleh:

PERCETAKAN PUTRAJAYA

M
953084

JUL 1998


Perpustakaan Negara
Malaysia



"Bila kita dah merdeka, jangan pula ada pemimpin-pemimpin kita mengaut kekayaan di atas belakang rakyat."

"Orang Melayu mesti berjuang kerana Allah, berjuang untuk memerdekakan tanahair kerana Allah. Kita bangsa Melayu, Islam menerima kebangsaan, kebangsaan tak boleh tolak Islam."

Sheikh Abdullah Fahim



Kandungan

Kata-kata Aluan	ix
Mukadimah	xi

BAHAGIAN


1

• Ulama Besar	3
• Ucapan Terakhir	23
• Raja Papa	37
• Ahli Politik	47
• Fitnah Inggeris	53
• Keckeramatan	63

BAHAGIAN

2

• Ulama dan Ahli Politik	81
• Pejuang Tanahair	87
Penutup	113
Lampiran	117



Kata-kata Aluan

ALHAMDULILLAH segala puji bagi Allah, Tuhan Maha Pencipta, selawat dan salam kepada junjungan besar Nabi kita, Muhammad s.a.w. Rasul pilihan Allah untuk menyampaikan petunjuk kepada manusia seluruh alam.

Setelah menjalani proses penulisan buku ini yang telah diusahakan oleh saudara Mokhtar Petah (Dato'), pihak kami merancang bahawa buku ini akan siap untuk diedarkan pada 31hb. Ogos 1997 iaitu hari ulangtahun kemerdekaan negara kita yang ke-40. Tetapi oleh kerana beberapa sebab yang tidak diduga, maka penerbitannya tertunda.

Buat saya buku ini sangat penting diterbitkan kerana beberapa sebab terutama pemilihan tarikh 31hb. Ogos 1957. Kenapa '57?

Sejarah menunjukkan bahawa kemerdekaan tidak datang begitu sahaja. Kemerdekaan itu dapat dinikmati hanya melalui perjuangan yang panjang dari generasi ke generasi. Perjuangan kemerdekaan negara kita bermula daripada timbulnya rasa kesedaran di kalangan pemimpin rakyat yang tertindas oleh penjajah, dan kesedaran ini timbul dan dikembangkan secara meluas oleh pejuang-pejuang kebangsaan yang berterusan sambung-menyambung. Semangat inilah yang ditiupkan oleh pemimpin-pemimpin yang lalu, didorong oleh cita-cita untuk membangun masyarakat yang sentiasa bernasib buruk ditimpa oleh penderitaan dan terus-menerus dirundung malang.

Dengan proklamasi yang diisytiharkan pada 31hb. Ogos '57 oleh Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman bererti bebaslah kita daripada penjajahan maka lahirlah satu bangsa dan negara yang merdeka dan berdaulat.

Tetapi kenapa 31hb. Ogos '57 yang dipilih dan terpilih?

31hb. Ogos 1957 itu telah diilhamkan oleh seorang ulama besar tanahair iaitu Tuan Sheikh Abdullah Fahim, ayahanda kepada Ahmad (Badawi) dan datuk kepada Yang Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Ahmad (Badawi) bin Abdullah Fahim.

Sheikh Abdullah Fahim ialah seorang ulama besar tanahair dari zaman penjajahan Inggeris, Jepun dan Inggeris kembali menjajah. Beliau ialah bekas guru saya sewaktu belajar di Daratul Maarif al-Wataniah, Kepala Batas pada tahun 30-an, dan ramai murid-murid beliau yang menjadi ulama dan pemimpin. Antaranya Allahyarham Haji Yang Ghazali (Dato') bekas Imam Besar Masjid Negara, dan kemudian menjadi Mufti Negeri Selangor dan bersara. Allahyarham Haji Ahmad Maliki dan Allahyarham Haji Ahmad Badawi pemimpin UMNO Pulau Pinang serta ramai lagi yang lain. Mereka adalah antara sahabat-sahabat saya yang sama-sama menuntut dan berguru dengan Allahyarham Sheikh Abdullah Fahim.

Kami di sekolah pada masa itu selalu ditekankan oleh Sheikh Abdullah Fahim kepada *Hubbul watan minal iman* - Cinta tanahair sebahagian daripada iman. Malah beliau sendiri selalu mengadakan syarahan-syarahan mengenai cinta tanahair.

Dan yang memproklamasikan kemerdekaan pada 31hb. Ogos 1957 itu juga ialah sahabat saya Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj.

Semoga buku ini akan menambah lagi khazanah perpustakaan kita.

Datuk Abdul Aziz Ahmad

Mukadimah

DENGAN nama Allah yang Maha Pemurah dan Maha Pengasih.

Saya bersyukur kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala, kerana cita-cita saya yang dianugerahkan oleh Allah kira-kira 43 tahun yang silam untuk menulis sebuah buku tentang Sheikh Abdullah Fahim, kini telah menjadi kenyataan, iaitu buku yang kini berada di tengah-tengah kekuatan perjuangan dan kemewahan rakyat negara ini amnya dan bangsa Melayu khususnya.

Allahyarham Sheikh Abdullah Fahim adalah seorang ulama besar yang dihormati oleh umat Islam dan kebanyakan orang-orang bukan Islam di tanahair kita ini.

Allahyarham Sheikh Abdullah Fahim adalah seorang ulama besar yang dihormati oleh sultan-sultan Melayu masa itu, antaranya, Sultan Perak, Sultan Pahang, Sultan Selangor, Sultan Kedah dan Sultan Kelantan serta Raja Perlis.

Allahyarham Abdullah Fahim adalah seorang ahli politik Islam yang dihormati oleh para pejuang kemerdekaan tanahair. Antara mereka itu ialah Allahyarham Ustaz Abu Bakar al-Baqir, Yang Dipertua Parti Islam - Hizbul Muslimin, Allahyarham Dr. Burhanuddin Helmy, Yang Dipertua Parti Kebangsaan Melayu Malaya - PKMM, pemimpin-pemimpin Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu - UMNO, iaitu Allahyarham Dato' Onn bin Jaafar, Tunku Abdul Rahman

Putra, Tun Abdul Razak bin Dato' Hussein dan Tun Hussein Onn.

Begitu juga Yang Dipertua pertama Persatuan Islam Se-Tanah Melayu - PAS, Allahyarham Haji Ahmad Fuad bin Hassan.

Sama ada sultan-sultan mahupun pejuang-pejuang kemerdekaan tanahair, mereka sering datang menemui Allahyarham Sheikh Abdullah Fahim di Kepala Batas, Seberang Prai (kini Pulau Pinang).

Sebahagian besar alim ulama di negara ini termasuk dua orang ulama di Indonesia, iaitu Allahyarham Hassan Bandung dan Haji Abdul Malik Karim Amrullah - HAMKA, dalam apa juga majlis muzakarah, seminar dan seumpamanya telah mengambil Allahyarham Sheikh Abdullah Fahim sebagai pakar rujuk atau tempat punca fatwa dan pendapat berhubungan dengan kemusykilan hukum-hukum dalam agama Islam, terutama hukum-hukum yang tidak termaktub di dalam al-Qur'an dan al-Hadith seperti pendapat daripada para ulama dan mazhab-mazhab atau ijtihad.

Allahyarham menasihatkan sultan-sultan yang datang meminta ilmu daripadanya itu, supaya menjadi pemerintah yang adil dan tidak melupakan Allah.

Khusus kepada para pejuang tanahair, Allahyarham menasihatkan mereka supaya berjuang dengan jujur, tidak menggunakan kuasa untuk menindas rakyat dan membina kekayaan untuk diri sendiri dan keluarga.

Manakala kepada alim ulama pula, Allahyarham sering mengingatkan mereka akan amanat Imam al-Ghazali, iaitu "**Ulama yang fasik sering berada di istana raja**". Mereka juga dinasihatkan supaya berkata benar walaupun pahit, iaitu akibat daripada kata-kata itu orang marah dan mereka dihukum.

Tidak ramai orang - termasuk ahli-ahli UMNO dahulu dan kini - **yang mengetahui bahawa tarikh kemerdekaan tanahair, Malaya, iaitu 31 Ogos 1957 telah ditentukan oleh Allahyarham Sheikh Abdullah Fahim.**

UMNO yang dipimpin oleh Tunku Abdul Rahman Putra

dan Tun Abdul Razak sentiasa merujuk kepada Allahyarham Sheikh Abdullah Fahim sebelum melakukan sesuatu program yang ada hubung kaitnya dengan agama Islam.

Oleh kerana UMNO yang telah ditubuhkan pada tahun 1946 dengan UMNO yang ditubuhkan pada tahun 1988 adalah sama, maka setiap ahlinya tidaklah boleh melupakan jasa ulama yang telah berjasa kepada perjuangan parti politik orang Melayu itu, sekurang-kurangnya dapat menghadihkan bacaan al-Fatihah kepadanya sekali dalam sehari.

Allahyarham Sheikh Abdullah Fahim telah tiada lagi di kalangan kita. Dia tidak akan pulang lagi.

Seperti peribahasa Melayu, "Bahawa benih yang baik itu akan menghasilkan pokok yang baik", maka demikian juga Allah telah menganugerahkan kepada Allahyarham, bahawa puteranya, Allahyarham Datuk Haji Ahmad Badawi menjadi seorang ulama, Naib Ketua Pemuda UMNO Malaya, Ahli Dewan Undangan Negeri dan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri-Exco, Pulau Pinang. Allahyarham juga pernah memegang jawatan Pemangku Ketua Menteri, Pulau Pinang.

Seorang daripada cucu lelaki Allahyarham Sheikh Abdullah Fahim dan putera kepada Allahyarham Datuk Haji Ahmad Badawi, iaitu Datuk Seri Abdullah Badawi, Menteri Luar Malaysia, telah menjadi penyambung perjuangan mereka.

Sesuai dengan salah satu ilmu yang ada pada Allahyarham Sheikh Abdullah Fahim, iaitu ilmu falak dan Allahyarham telah menggunakan ilmu tersebut untuk menentukan tarikh kemerdekaan tanahair, maka saya kira amat baik kalau Kerajaan Malaysia menubuhkan sebuah universiti atau fakulti ilmu falak atau yang meliputi ilmu kaji cuaca dan sebagainya menggunakan nama Allahyarham. Misalnya "Universiti Sheikh Abdullah Fahim" atau sekurang-kurangnya "Fakulti Falak Sheikh Abdullah Fahim".

Sekali lagi saya bersyukur kepada Allah, kerana pada masa saya menuntut di sekolah agama - Daeratul Maarif al-Wataniyah, Kepala Batas, Pulau Pinang sekitar tahun 1953 - 1955, saya adalah seorang penuntut yang nakal, suka

menyelidik dan suka berbahas dengan guru-guru, maka secara diam-diam saya masuk menuntut kepada Allahyarham Sheikh Abdullah Fahim di dalam masjid Kepala Batas pada waktu malam. Hasilnya saya mendapat ilmu pengetahuan daripada beliau.

Sebagai seorang ulama, Allahyarham Sheikh Abdullah Fahim dan puteranya, Allahyarham Datuk Haji Ahmad Badawi telah meninggalkan ramai murid di seluruh tanahair, Indonesia dan Pattani. Antara mereka ada yang berkedudukan sebagai pemimpin politik, tokoh korporat, pengarang atau penulis dan alim ulama.

Allahyarham Sheikh Abdullah Fahim dan puteranya, Datuk Haji Ahmad Badawi telah tiada. Sekurang-kurangnya setahun sekali, iaitu pada 31 Ogos kita patut mengenang jasa mereka supaya kita sentiasa dikenali sebagai orang yang mengenang budi dan tahu membalas jasa. Mengenang budi dengan cara meneruskan perjuangan membela tanahair, bangsa dan agama dan membalas jasa ialah berjuang dengan jujur atau ikhlas dan tidak mementingkan diri sendiri dan keluarga, sebaliknya mementingkan orang-orang yang dipimpin.

Kepada mereka kita hadiahkan "**al-Fatihah**" dan kepada diri kita sendiri sama-sama kita berpesan supaya menjadi orang-orang yang Siddiq, amanah, dan fatanah serta sentiasa berada dalam keredaan Allah.

Kuala Lumpur

Mokhtar Petab

BAHAGIAN

1





Ulama Besar

BANGSA Melayu dan rakyat Persekutuan Tanah Melayu telah mengisytiharkan kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Tanggal keramat itu menandakan telah wujud kembali satu bangsa, iaitu bangsa Melayu yang telah dijajah hampir empat setengah abad oleh penjajah-penjajah, iaitu Portugis, Belanda, Inggeris, Jepun dan Inggeris semula (menjajah kali yang kedua selepas perang dunia yang kedua).

Tarikh keramat 31 Ogos 1957 itu sebenarnya adalah hasil perjuangan bangsa Melayu yang menuntut kebebasan atau kemerdekaan daripada penjajah-penjajah dari zaman permulaan Portugis menjajah Melaka, diikuti dengan perjuangan bangsa Melayu pada zaman Dol Said, Tok Gajah, Mat Kilau, Dato' Bahaman, Dato' Sagor dan Dato' Maharaja Lela hingga kepada zaman Ibrahim Yaakob, Ishak Haji Muhammad, Dr. Burhanuddin Helmy*, Ustaz Abu Bakar al-Baqir, Ahmad Boestaman, Dato' Onn bin Jaafar, Dato' Panglima Gantang, Tunku Abdul Rahman Putra dan Dato' Abdul Razak.

Telah menjadi tradisi bagi bangsa Melayu, bahawa dalam apa jua pekerjaan dan urusan masyarakat dan bangsa mereka tidak mengeneipikan alim ulama. Perjuangan bangsa Melayu menuntut kemerdekaan diri dan tanahair mereka

* Lihat Mokhtar Petah, *Dr. Burhanuddin al-Helmy*, Mingguana Tempo, 20 Mac 1993.

selama lebih empat abad mereka menggunakan ulama sebagai tempat mendapat nasihat atau dijadikan sumber ilmu dan hukum. Pemimpin-pemimpin UMNO di bawah pimpinan Tunku Abdul Rahman Putra telah mengambil seorang ulama besar pada zaman itu sebagai penasihat, iaitu Allahyarham Sheikh Abdullah Fahim (Pa'him) atau Sheikh Haji Abdullah bin Haji Ibrahim. Tinggal di Kepala Batas, Seberang Prai.

Sheikh Abdullah Fahim ialah ulama yang telah menentukan tarikh kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957. Tanggal itu adalah tanggal keramat bagi perjuangan bangsa Melayu. Kalau pada tanggal itu Tanah Melayu tidak mencapai kemerdekaan, maka ia terpaksa menunggu lagi selama lima tahun untuk mengisytiharkan kemerdekaan, iaitu tahun 1962.

PEJUANG

Sebagai seorang ulama yang mewarisi ajaran dan syariat Nabi Muhammad s.a.w., Allahyarham Sheikh Abdullah Fahim telah menanamkan semangat kemerdekaan ke dalam diri tiap-tiap muridnya, sama ada murid sepenuh masa mahupun murid sambilan.

Mereka sentiasa ditanamkan semangat bahawa setiap manusia dilahirkan ke dunia oleh ibu mereka adalah dalam keadaan merdeka. Manusia tidak boleh menjadi hamba manusia dan tidak boleh memperhambakan manusia. Menjajah manusia sama dengan memperhambakan manusia. Manusia yang dijajah dan diperhambakan wajib berjuang melepaskan diri mereka daripada penjajahan dan perhambaan tersebut.

Kebanyakan murid-murid Sheikh Abdullah Fahim di seluruh Tanah Melayu telah bangun berjuang menuntut kemerdekaan. Ada yang telah berjuang dengan memanggul senjata dan terkorban. Nama mereka tidak terbilang hingga kini. Mereka itu telah dibunuh oleh tentera atau polis Inggeris, tentera Jepun dan orang-orang upahan Jepun dan pegganas-pegganas Komunis.

Salah seorang daripada beribu-ribu muridnya ialah Abdullah bin Lebai Saleh atau Dolah Kuak, meninggal dunia kerana dibunuh oleh penganas Komunis di Lenggong Perak.

MALAYAN UNION

Pada tahun 1945 penjajah Inggeris telah mengemukakan gagasan **Malayan Union**. Seluruh bangsa Melayu telah bangun menentang gagasan yang akan menenggelamkan bangsa Melayu itu. Mereka telah menghantar wakil-wakil dan pemerhati-pemerhati dalam satu kongres bangsa Melayu di Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru, Kuala Lumpur pada 1 hingga 4 Mac 1946 kerana membantah gagasan **Malayan Union**. Dan kongres telah menubuhkan **Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (PEKEMBAR)** atau **United Malay National Organisation (UMNO)** di Istana Besar, Johor Bahru, Johor pada 11 dan 12 Mei pada tahun yang sama.

Ramai daripada orang-orang yang menghadiri kedua-dua kongres tersebut adalah murid sepenuh masa dan sambilan Sheikh Abdullah Fahim. Sebelum mereka menyertai kongres itu, mereka telah meminta fikiran dan restu daripada ulama tersebut.

Antara murid-murid Sheikh Abdullah Fahim ialah:

1. Dr. Burhanuddin Helmy.
2. Baharuddin Tahir.
3. Hashim Salim.

Mereka adalah daripada **Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM)**.

4. Haji Abdul Mohd Nor.
5. Haji Mohd Nur Bakri.

Mereka daripada organisasi **Pembantu Indonesia Merdeka (PIM)**.

6. Syed Alwi bin Syed Sheikh al-Hadi.

Daripada **Persatuan Melayu Semenanjung Johor**.

7. Haji Husain Chek Dol.
 8. Haji Mohd Rejab bin Haji Darus.
 9. Haji Saleh bin Shamsuddin.
- Mereka daripada **Kesatuan Melayu Kedah.**

10. Mohammad bin Jamil Binjal.
 11. Haji Omar Saleh.
- Mereka daripada **SEBERKAS Kedah.**

12. Haji Fadhlullah Shuhaimi.
- Daripada **Persekutuan Persetiaan Melayu Kelantan.**

13. Sheikh Ahmad bin Sheikh Mustafa.
- Daripada **Persekutuan Melayu Negeri Sembilan.**

14. Hashim bin Awang.
 15. Haji Ahmad bin Abdul Malik (Maliki).
 16. Zakaria bin Haji Saleh.
 17. Abdul Hamid bin Said.
- Mereka daripada **Persatuan Melayu Seberang Prai.**

18. Abu Hassan bin Omar.
- Daripada **Kesatuan Melayu Pulau Pinang.**

19. Haji Taha Ali.
 20. Mohd Zain bin Ahmad.
- Mereka daripada **Persatuan Melayu Pulau Pinang.**

21. Raja Kamaruzaman bin Raja Mansor.
 22. Haji Ismail Hamzah (Mufti Perak).
 23. Haji Raja Shahar Shah bin Raja Harun.
- Mereka daripada **Perikatan Melayu Perak.**

24. Sheikh Hamzah bin Mu'ti.
 25. Mohd Tahir bin Setia Raja.
- Mereka daripada **Persatuan Melayu Perak.**

Dua orang murid Sheikh Abdullah Fahim, iaitu Ustaz Abu Bakar al-Baqir*, Gunung Semanggul, Perak dan Haji Hassan Yunus, Johor tidak menyertai kedua-dua kongres itu kerana mereka telah menubuhkan parti Islam, iaitu **Hizbul Muslimin** pada tahun 1945, iaitu sebelum ditubuhkan Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM).

Walaupun Parti Hizbul Muslimin telah ditubuhkan pada tahun 1945 tetapi oleh kerana kerajaan Inggeris mengenenpikan permohonan untuk didaftarkan sebagai sebuah pertubuhan yang sah, maka pada 14 Mei 1948 barulah para penyokong parti itu bergerak semula dengan melancarkan tiga hala pergerakan, iaitu politik, ekonomi dan sosial.*

Dalam buku-buku sejarah terdapat catatan parti Hizbul Muslimin telah ditubuhkan setelah tertubuhnya UMNO.

PESERTA KONGRES

Kongres bangsa Melayu menentang Malayan Union di Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru pada 1 hingga 4 Mac 1946 itu telah dirasmikan oleh Sultan Selangor, Almarhum Sultan Hishamuddin Alam Shah. Dalam titahnya, Almarhum menasihatkan sidang kongres itu, bahawa dalam usaha mereka hendak menubuhkan sebuah pertubuhan yang besar, maka mereka hendaklah tidak melupakan tiga perkara penting, iaitu:

- * ***Bangsa Melayu.***
- * ***Tanah Melayu.***
- * ***Agama Islam.***

Tiga orang darat - Orang Asli - telah mewakili Kaum Darat (Sakai) Selangor, iaitu Abu anak Busu, Lena anak Kamis dan Chinawa anak Saleh.

* Lihat Mokhtar Petah, *Abu Bakar al-Baqir*, Minggu-an Tempo, 14 Mei 1993.
 * Di terangkan oleh Allahyarham Ustaz Abu Bakar al-Baqir kepada penulis, di rumahnya, di Gunung Semanggul, Perak, pada 12 Mei 1970.

Sebanyak 37 buah persatuan kebajikan dan politik orang Melayu yang menyertai kongres itu, ialah:

Johor

I. Pergerakan Melayu Semenanjung Johor, Johor Bahru dan Persatuan Melayu Segamat, Johor.

1. Dato' Onn bin Jaafar (ketua).
2. Tuan Syed Isa bin Alwi Shahab.
3. Tuan Syed Abdul Kadir bin Mohammad bin Yahya.
4. Tuan Syed Alwi bin Sheikh al-Hadi.
5. Encik Mohammad Manaf.
6. Encik Wan Ibrahim bin Hitam dan 29 orang pemerhati.

II. Persekutuan Melayu Keluang, Johor.

1. Encik Manaf bin Buhong.
2. Kapten Ahmad bin Mohammad Don.
3. Encik Abdul Rahman bin Jaafar.
4. Tuan Haji Ismail Hassan.
5. Encik Saadon bin Haji Zubir.
6. Encik Alwi bin Haji Jamal.

III. Kesatuan Melayu Johor, Muar.

1. Tuan Dr. Hamzah bin Haji Taib.
2. Tuan Haji Mohammad bin Haji Hassan.

Kedah

I. Kesatuan Melayu Kedah.

1. Tuan Haji Husain Cik Dol (ketua).
2. Encik Ayob bin Abdullah.
3. Encik Abdul Hamid bin Abdullah.
4. Encik Senu bin Abdul Rahman.
5. Encik Omar bin Din.
6. Tuan Haji Mohammad Rejab bin Haji Darus (pemerhati).
7. Tuan Haji Saleh bin Shamsuddin (pemerhati).

II. Seberkas.

1. Encik Mohammad bin Jamil Binjal (ketua).
2. Tuan Haji Mas'ud Thaba.
3. Encik Azhari Taib.
4. Tuan Haji Omar Saleh (pemerhati).

Kelantan**I. Persekutuan Persetiaan Melayu Kelantan.**

1. Tuan Haji Fadhlullah Shuhaimi (ketua).
2. Encik Mohammad bin Yusof.
3. Tuan Haji Ishak Lutfi bin Omar.

II. Persatuan Melayu Kelantan.

1. Dato' Nik Ahmad Kamil Mahmud (ketua).
2. Tuan Haji Ahmad Masis Ismail.
3. Encik Ismail bin Ibrahim.

Melaka**I. Pergerakan Melayu Semenanjung Melaka.**

1. Encik Mohammad Ali bin Mohammad.

II. Kesatuan Melayu Melaka.

1. Encik Mohammad bin Mohd Saleh (ketua).
2. Encik Mohd Yusuff bin Harun.
3. Tuan Haji Talib bin Abdul Karim.
4. Encik Jaafar bin Alang.

Negeri Sembilan**I. Persekutuan Melayu Negeri Sembilan.**

1. Tengku Mohammad bin Tengku Besar Burhanuddin.
2. Tengku Hussain bin Tengku Yahya.
3. Raja Mohd Noordin bin Raja Deli.
4. Tuan Sheikh Ahmad bin Sheikh Mustafa.
5. Yang Berhormat Puba Othman.
6. Encik Mohd Idris bin Mat Sil.

Pahang**I. Persatuan Melayu Pahang.**

1. Encik Mohd Yasin bin Mohd Saleh (ketua).
2. Encik Sharif bin Daud.
3. Encik Abdul Rahman bin Talib.
4. Encik Mokhtar bin Haji Daud.
5. Encik Jaafar bin Haji Mohd Noor.
6. Encik Yahya bin Mat Shah.

II. Wataniah.

1. Encik Nordin bin Ibrahim.

III. Persekutuan Guru-guru Melayu Pahang.

1. Encik Abdul Razak bin Haji Hussain.

Seberang Prai**I. Persatuan Melayu Seberang Prai.**

1. Encik Hashim bin Awang (ketua).
2. Tuan Haji Ahmad bin Haji Abdul Malik.
3. Encik Zakaria bin Haji Saleh.
4. Encik Mohd Sopiee bin Sheikh Ibrahim.
5. Encik Abdul Hamid bin Said (pemerhati).

Pulau Pinang**I. Kesatuan Melayu Pulau Pinang.**

1. Encik Ibrahim Mahmood (ketua).
2. Encik Abdul Majid Abdul Hamid.
3. Encik Mohammad bin Zainol (pemerhati).
4. Encik Abu Hassan bin Omar (pemerhati).

II. Persatuan Melayu Pulau Pinang.

1. Encik A. M. Yusuf Izuddin (ketua).
2. Tuan Haji Taha Ali.
3. Encik Mohammad Zain bin Ahmad.

Perak**I. Perikatan Melayu Perak.**

1. Tuan Haji Abdul Wahab (Datuk Panglima Bukit Gantang - ketua).
2. Yang Mulia Raja Kamaruzaman bin Raja Mansor (Raja Kecil Tengah).
3. Encik Zainol Abidin bin Haji Abas.
4. Tuan Haji Ismail Hamzah (Mufi Perak).
5. Yang Mulia Raja Haji Shahar Shah bin Raja Harun.
6. Encik Sulaiman bin Darus.
7. Encik Wan Mohd Yusof (Datuk Panglima Kinta - pemerhati).
8. Encik Wan Mohd Nur bin Wan Mohd Nasir - Datuk Muda Orang Kaya Menteri (pemerhati).
9. Yang Mulia Raja Azam bin Raja Kamaruzzaman (pemerhati).
10. Encik Tajuddin bin Uda Isa (pemerhati).
11. Encik Mohd Tengah bin Haji Mohd Nur (pemerhati).
12. Encik Chik Mohd Yusof bin Sheikh Abdul Rahman (pemerhati).
13. Encik Wahi bin Haji Mohd Ali (pemerhati).
14. Encik Megat Yunus bin Megat Haji Mohd Isa (pemerhati).
15. Cik Putih Mariah binti Ibrahim Rashid (pemerhati).

II. Persatuan Melayu Perak.

1. Encik Mohd Tahir bin Setia Raja (ketua).
2. Tuan Sheikh Hamzah bin Mu'ti.
3. Cik Maneh binti Mahmud (pemerhati).

III. Persetiaan Muslim Telok Anson.

1. Encik Bahrum bin Muhaiddin (ketua).
2. Encik Mohd Shahabuddin bin Mohd Yusof.

IV. Persetiaan Melayu Chendering.

1. Yang Mulia Raja Lop Shahrudin.
2. Encik Othman bin Haji Mahmuddin.

V. Persekutuan Muhibbah Malim Nawar.

1. Encik Ahmad bin Haji Abdullah.

Perlis**I. Persatuan Melayu Perlis.**

1. Encik Wan Ahmad bin Wan Daud.
2. Encik Saleh Othman.
3. Encik Mohd Tahrim bin Haji Ibrahim.

Selangor**I. Persatuan Melayu Selangor.****II. Pergerakan Kebangsaan Melayu Selangor.**

1. Yang Berhormat Datuk Hamzah bin Abdullah (ketua).
2. Encik Kamaruddin bin Haji Sulaiman.
3. Encik Mohd Arus bin Othman.
4. Tuan Haji Mohd Sidin.

III. Ikatan Peranakan Baharu.

1. Encik Abdul Hamid bin Hassan.
2. Encik Samin bin Bondak.

IV. Penang Peranakan Club.

1. Encik Baginda Buyong.
2. Encik Lop Ahmad.

V. Dewan Perniagaan Melayu Malaya.

1. Encik Burhanuddin bin Datuk Ganjil (ketua).
2. Encik Idris Hakim.
3. Encik Sidek Mohammad.

VI. Persatuan Penghulu-penghulu Selangor.

1. Yang Mulia Raja Othman (ketua).
2. Encik Mohammad Zakaria.
3. Yang Mulia Raja Abdul Rahman.

VII. Persekutuan Guru-guru Melayu Selangor.

1. Encik Mohd Yasin bin Ma'mur.
2. Encik Mohd Nur bin Jamlus.

VIII. Darul Ihsan Club, Jeram.

1. Encik Omar bin Haji Hassan (pemerhati).
2. Encik Ishak bin Bulat (pemerhati).

IX. Persatuan Kaum Ibu Selangor.

1. Cik Zahrah Tamin.
2. Cik Kamsiah Ibrahim.

X. Persekutuan Bawean Selangor.

1. Encik Mohd Said bin Abdul Rahman.
2. Encik Ahmad Mohammaddin bin Hassan.

XI. Persekutuan Melayu Ulu Selangor.

1. Encik Yahya bin Mohd Sani.
2. Encik Shahrum bin Haji Abdul Rahman.

XII. Persatuan Melayu Daerah Sabak Bernam.

1. Encik Mohammad Din bin Ali.
2. Encik Lop Saleh bin Haji Long.

XIII. Kaum Darat (Sakai) Selangor.

1. Encik Abu bin Busu (ketua).
2. Encik Lena bin Kamis.
3. Encik Chinawa bin Saleh.

XIV. Persatuan Melayu Jawatan Rendah Selangor.

1. Encik Mahmud bin Idris.
2. Encik Abu Bakar bin Haji Arshad.

XV. Kesatuan Melayu Singapura.

1. Encik Abdul Rahim Ibrahim (ketua).
2. Tuan Haji Embok Solo.

Terengganu

I. Persatuan Melayu Terengganu.

1. Yang Berhormat Datuk Nara.
2. Encik Ibrahim bin Mohammad.

Se-Tanah Melayu

I. Parti Kebangsaan Melayu Malaya.

1. Dr. Burhanuddin (ketua).
2. Encik Zulkifli Auni.
3. Encik Hashimi Tahir.
4. Encik M. Maza.
5. Encik Haludin Hamzah.
6. Encik Ahmad Boestamam.
7. Encik Baharuddin Tahir (pemerhati).
8. Tuan Haji Omar (pemerhati).
9. Encik Ahmad Daud (pemerhati).
10. Encik Jaafar Tan (pemerhati).
11. Encik Tan Chik (pemerhati).
12. Encik Abdul Razak (pemerhati).
13. Encik Nong (pemerhati).
14. Encik Saleh (pemerhati).
15. Ustaz Kasim (pemerhati).
16. Encik Arshad Ashari (pemerhati).
17. Encik Dahri Ali (pemerhati).
18. Encik Musa Ahmad (pemerhati).
19. Encik Zahdar (pemerhati).
20. Encik Hashim Salim (pemerhati).
21. Encik Selamat bin Abdul Kadir (pemerhati).
22. Encik Abdul Rahman al-Ayubi (wartawan).

II. Pembantu Indonesia Merdeka Se-Melayu.

1. Abdul Hadi Nur (pemerhati).
2. Rihan Majid (pemerhati).
3. Tuan Haji Mohd Nur Bakri (pemerhati).

KONGRES KEDUA

Setelah kongres bangsa Melayu diadakan di Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru, Kuala Lumpur pada 1 hingga 4 Mac 1946, maka kongres kedua telah diadakan di Istana Besar, Johor Bahru pada 11 dan 12 Mei 1946. Kongres itu dirasmikan oleh Pemangku Sultan Johor, Tengku Mahkota Raja Ismail.

Dalam kongres itulah ditubuh dengan rasminya **Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (PEKEMBAR)** atau **United Malay National Organisation (UMNO)**. Kongres Melayu pada 1 hingga 4 Mac dimansuhkan dan tugas perjuangannya diambil alih oleh UMNO.

Badan-badan dan persatuan-persatuan orang Melayu yang menjadi pengasas penubuhan UMNO terdiri daripada 29 buah dan ada yang memberi wakilan (*proxy*) kepada pertubuhan-pertubuhan lain, iaitu:

1. **Seberkas, Kedah.**
 - I. Encik Senu Abdul Rahman (wakil).
 - II. Encik Mohammad Jamil Binjai.
2. **Kesatuan Melayu Kedah.**
 - I. Tuan Haji Rejab bin Haji Darus.
 - II. Tuan Haji Ahmad bin Haji Abdullah.
3. **Kesatuan Melayu Singapura.**
 - I. Encik Abdul Rahim Ibrahim.
 - II. Encik Abdul Hamid Jumat.
4. **Persatuan Melayu Pahang.**
 - I. Encik Mohd Nur bin Sulaiman.
5. **Pergerakan Melayu Semenanjung Melaka.**
 - I. Encik Ahmad bin Jamal.
 - II. Encik Ali bin Mohammad.

6. **Kesatuan Melayu Pulau Pinang.**
 - I. Encik Ibrahim Mahmood.
 - II. Encik Pakcik Ahmad.
7. **Persatuan Melayu Seberang Prai.**
 - I. Tuan Haji Ahmad Maliki.
 - II. Encik Hashim bin Awang.
8. **Persekutuan Persetiaan Melayu Kelantan.**
 - I. Diwakili (proxy) oleh Datuk Panglima Bukit Gantang.
9. **Persatuan Melayu Perlis.**
 - I. Encik Tahrir bin Haji Ibrahim.
 - II. Encik Saleh Othman.
10. **Persekutuan Melayu Negeri Sembilan.**
 - I. Yang Mulia Tengku Hussain bin Yahya.
 - II. Yang Mulia Raja Nurdin bin Raja Deli.
11. **Perikatan Melayu Perak.**
 - I. Datuk Panglima Bukit Gantang.
 - II. Encik Zainol Abidin bin Haji Abas.
12. **Persatuan Melayu Perak.**
 - I. Datuk Muda Wan Mohd Nur bin Nasir.
 - II. Encik Mohd Tahir bin Setia Raja.
13. **Persetiaan Muslim Telok Anson.**
 - I. Encik Shahrum bin Muhidin.
14. **Persatuan Melayu Chendering.**
 - I. Yang Mulia Raja Lop Shahrudin bin Mohammad.
15. **Persekutuan Muhibbah Malim Nawar.**
 - I. Encik Ahmad bin Abdullah.
 - II. Tuan Haji Mokhtar bin Sutan Lidin.

16. Parti Kebangsaan Melayu Malaya.

- I. Dr. Burhanuddin bin Mohd Nur.
- II. Encik Zulkifli Auni.

17. Pergerakan Melayu Semenanjung Johor.

- I. Dato' Onn bin Jaafar.
- II. Tuan Syed Abdul Kadir bin Mohammad.
- III. Encik Abdul Manaf bin Buyong.

18. Persatuan Melayu Keluang.

- I. Kapt. Ahmad bin Mohd Don.
- II. Encik Abu Bakar bin Abdul Majid.

19. Persatuan Melayu Selangor.

- I. Encik Mohd Yunus Hamidi.
- II. Encik Ismail Samad Ahmad.

20. Pergerakan Kebangsaan Melayu Selangor.

- I. Datuk Hamzah bin Abdullah.
- II. Encik Ismail bin Mohd Shah.

21. Ikatan Setia Kampung Bharu, Selangor.

- I. Encik Zainol Abidin bin Othman.
- II. Cik Saleha binti Ali.

22. Penang Peranakan Club.

- I. Encik Baginda Buyong.
- II. Encik Lop Ahmad.

23. Dewan Perniagaan Melayu Selangor.

- I. Encik Ramli bin Haji Tahir.
- II. Encik Ali bin Haji Arshad.

24. Persatuan Penghulu-penghulu Selangor.

- I. Yang Mulia Raja Abdul Rahman bin Yusof.
- II. Yang Mulia Raja Ismail bin Ibrahim.

25. Darul Ihsan Club, Jeram.

- I. Encik Othman bin Haji Mohd Shariff.
- II. Encik Omar bin Haji Hassan.

26. Persatuan Kaum Ibu Selangor.

- I. Cik Fatimah binti Musa.
- II. Cik Zahrah binti Tamin.

27. Persekutuan Bawean Selangor.

- I. Encik Ahmad Mohammad bin Hassan.
- II. Encik Masood bin Zubir.

28. Persekutuan Melayu Ulu Selangor.

- I. Encik Nurdin bin Nawi.
- II. Encik Yahya bin Mohd Sani.

29. Persekutuan Melayu Daerah Sabak Bernam.

- I. Encik Mahmud bin Ali.
- II. Encik Lop Saleh bin Haji Long.

Yang Tidak Hadir

Persekutuan-persekutuan yang tidak menghantar wakilnya ialah:

1. Wataniah - Pahang.
2. Persekutuan Guru-guru Melayu Pahang.
3. Kesatuan Melayu Melaka.
4. Persatuan Melayu Pulau Pinang.
5. Persatuan Melayu Terengganu.
6. Kesatuan Melayu Johor, Muar.
7. Persekutuan Guru-guru Melayu Selangor.
8. Kaum Darat (Sakai).
9. Persatuan Melayu Kelantan.
10. Persatuan Melayu Segamat.
11. Persatuan Melayu Jawatan Rendah Selangor.

AHLI UMNO

Beberapa hari setelah UMNO didaftarkan sebagai sebuah pertubuhan yang sah oleh Kerajaan Inggeris, maka Yang Dipertua parti itu, Dato' Onn bin Jaafar telah datang menemui Sheikh Abdullah Fahim di rumahnya di Kepala Batas. Dalam pertemuan itulah Sheikh Abdullah Fahim mendaftarkan dirinya menjadi ahli UMNO kepada Dato' Onn. Allahyarham adalah **ahli UMNO yang pertama di Seberang Prai**.

LENCANA UMNO

Lencana UMNO telah disematkan oleh Dato' Onn pada baju - *over coat*, Sheikh Abdullah Fahim. Waktu Dato' Onn menyematkan lencana pada baju yang dipakainya itu, Allahyarham berkali-kali mengucapkan, "*Masya Allah*". Ucapan itu sentiasa bermain di bibirnya dalam apa keadaan sekalipun.

Anaknya, Allahyarham Datuk Haji Ahmad Badawi telah menceritakan kepada saya, bahawa baju dan lencana itu dipakai atau dibawa ke mana-mana oleh bapanya hinggalah Allahyarham meninggal dunia. Tetapi setelah Allahyarham meninggal, baju dan lencana itu telah hilang.

AGAMA ISLAM

Ketika UMNO baru ditubuhkan, iaitu pada zaman di bawah pimpinan Dato' Onn, alim ulama mempunyai pengaruh dalam parti politik itu. Sesuatu yang hendak dilaksanakan oleh para pemimpin UMNO, maka alim ulamalah menjadi tempat meminta nasihat, lebih-lebih lagi yang ada hubung kaitnya dengan agama Islam.

Sesuai dengan undang-undang tubuh UMNO - Fasal 2 ceraihan (j): "**Mengutamakan Agama Islam dan menjalankan segala ikhtiar bagi mengembangkan agama yang maha suci itu**", maka Jawatankuasa Kerja Agung UMNO dalam mesyuaratnya di Kuala Lumpur pada 16 Julai, 1949 telah menubuhkan sebuah jawatankuasa khas (tetap) untuk menjadi penasihat kepadanya berhubung dengan hal-ehwal agama Islam.

Jawatankuasa Khas Agama Islam itu dianggotai oleh lapan orang yang terdiri daripada alim ulama, iaitu:

1. **Pengerusi** : **Sheikh Abdullah Fahim, Seberang Prai.**
2. **Setiausaha** : **Sheikh Abdul Jalil Hassan, Johor.**
3. **AJK** : **Ustaz Salleh Osman, Perlis.**
4. **AJK** : **Haji Mohammad bin Haji Hitam, Negeri Sembilan.**
5. **AJK** : **Haji Ahmad Mahir, Kelantan.**
6. **AJK** : **Haji Abdul Rahman Merbok, Kedah.**
7. **AJK** : **Haji Mohammad Sidin, Selangor.**
8. **AJK** : **Haji Abdul Aziz bin Abdul Salam, Perak.**

Satu perjumpaan alim ulama anjuran Jawatankuasa Agama dalam UMNO ini telah diadakan di Muar, Johor pada bulan Februari, 1950. Perjumpaan yang dipengerusikan oleh Yang Dipertua Jabatan Agama Islam, Johor, Haji Mohd Noh bin Omar itu telah dihadiri oleh alim ulama dalam UMNO dan yang tidak berparti politik.

Antara keputusan yang dicapai dalam perjumpaan itu ialah:

- * ***Menyokong rancangan mendirikan Kolej Islam Malaya.***
- * ***Menubuhkan sebuah badan alim ulama di bawah UMNO.***
- * ***Menyelaraskan sukatan pelajaran agama Islam.***
- * ***Mengadakan Pusat Pentadbiran Agama Islam bagi seluruh Persekutuan Tanah Melayu.***
- * ***Mengkaji memberi kuasa kepada Raja-raja Melayu menjadi ketua bal-ebwal agama Islam di negeri masing-masing.***

PAS BIBIT UMNO

Perjumpaan alim ulama anjuran Jawatankuasa Khas Agama Islam (dalam UMNO) kali yang kedua telah diadakan di Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru, Kuala Lumpur pada bulan Julai 1951. Dalam perjumpaan tersebut, Haji Ahmad Fuad Hassan* seorang ulama muda dari Kuala Kangsar telah dipilih mengetuai sebuah jawatankuasa menggubal undang-undang tubuh Persatuan Ulama UMNO yang telah dipersetujui penubuhannya dalam perjumpaan itu.

Beberapa bulan kemudian satu perjumpaan alim ulama anjuran UMNO telah diadakan di Kelab Melayu, Butterworth, Seberang Prai. Dalam perjumpaan kali inilah lahirnya **Persatuan Islam Se-Tanah Melayu (PAS)**. Haji Ahmad Fuad bin Hassan telah dipilih menjadi Yang Dipertua parti Islam tersebut.

Sungguhpun telah berlaku perpecahan alim ulama dalam UMNO - satu pihak tinggal dalam UMNO dan satu pihak lagi menyertai PAS, tetapi mereka tetap berkumpul di sebuah pejabat kecil di sekolah agama - Daeratul Maarif al-Wataniyah, Kepala Batas.

* Mokhtar Petah, *Haji Ahmad Fuad*, Kuala Lumpur, Minggu Tempo, 17 Jan 1993.



Ucapan Terakhir

OLEH sebab ideanya tidak diterima oleh kalangan UMNO, Allahyarham Dato' Onn bin Jaafar yang telah memimpin UMNO semenjak parti politik Melayu itu ditubuhkan pada tahun 1946, telah menolak daripada dicalon semula untuk menjadi Yang Dipertua UMNO dalam Persidangan Agung UMNO pada bulan Ogos 1951. Persidangan itu telah memilih Tunku Abdul Rahman Putra menggantikan tempat Dato' Onn. Pada akhir persidangan itu Dato' Onn telah memberi ucapan terakhirnya dengan penuh perasaan. Di bawah ini adalah sedutan daripada ucapan Dato' Onn:

"Tuan Pengerusi, Yang Amat Mulia Tunku dan wakil-wakil sekalian."

"Pada hari ini telah sampai masanya saya menyerahkan teraju pimpinan serta ketuanan UMNO ini kepada tangan pengganti saya, Yang Amat Mulia Tunku Abdul Rahman yang baharu dilantik sebentar tadi. Dengan menyerahkan teraju itu maka saya mengambil peluang ini mengucapkan bagi pihak ahli-ahli Jawatankuasa Kerja dan khususnya bagi diri saya sendiri yang disertakan dengan ucap selamat bekerja dan menjayakan UMNO ini selagi ia memegang jawatan Yang Dipertua UMNO itu dan juga dengan jawatan itu menjadi penganjur Melayu di Semenanjung ini. Begitu juga saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Abdul Razak bin Hussain yang telah dilantik dengan tidak ada musuhnya, menjadi Timbalan Yang Dipertua UMNO

ini dan juga kepada Yang Berhormat Encik C.M. Mohammad Yusof yang dilantik menjadi Naib Yang Dipertua UMNO dan begitu juga kepada Encik Saadon bin Haji Zubir yang telah dilantik menjadi Ketua Perikatan Pemuda yang disertakan dengan menjadi Naib Yang Dipertua UMNO dan juga Hajjah Zain yang telah dilantik menjadi Ketua Kaum Ibu bagi kali yang kedua yang disertakan dengan menjadi Naib Yang Dipertua UMNO."

"Kepada Tuan Pengerusi sendiri, saya mengucapkan tahniah oleh kerana dengan sebulat suara telah dilantik menjadi Pengerusi bagi tahun yang akan datang bagi Majlis Mesyuarat ini. Sungguhpun Tuan Pengerusi sendiri telah berbuat berbagai helah nak menakutkan wakil-wakil yang ada, susah hati saya tidak dapat nak memberi tahniah kepada ahli-ahli Jawatankuasa Kerja yang baharu, kepada tiap-tiap seorang, memadamilah diucapkan selamat sekaliannya barang siapa juga yang terpilih."

"Dengan suka hati ahli-ahli Jawatankuasa Kerja menyerahkan panduan dan pimpinan UMNO ini kepada Yang Amat Mulia, iaitu UMNO yang masih subur dan kuat pendiriannya dan UMNO yang diharapkan akan menjadi lebih subur dan lebih kuat di dalam masa dipandu dan diterajukan oleh Yang Mulia Tunku Yang Dipertua."

DARAH RAJA

"Inilah kalinya yang akhir sekali, saya bangun bercakap di hadapan wakil-wakil majlis ini sebagai Yang Dipertua UMNO iaitu suatu jawatan yang saya telah pegang daripada mulanya dijadikan UMNO ini, dikecualikan sedikit bulan pada tahun yang lepas."

"Wakil-wakil sekalian tentulah ingat iaitu UMNO ini telah diangan-angankan di dalam masa persidangan Pertubuhan Melayu yang diadakan di Kelab Sultan Sulaiman di Kuala Lumpur ini pada 1, 2, 3 dan 4 haribulan Mac 1946 yang dihadiri oleh wakil-wakil daripada berbagai pertubuhan di seluruh Tanah Melayu ini. Persidangan itu telah dihimpunkan supaya mencari ikhtiar pada membantah

akan Malayan Union yang didatangkan oleh pihak Kerajaan British pada bulan Oktober 1945, maka terbit daripada persidangan itu telah lahirlah Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu yang diperanakkan di Istana Besar Johor Bahru pada 11 haribulan Mei 1946 itu lahirnya di sebuah Istana Raja maka dengan itu telah berpadanan pula Yang Dipertua ini keturunan daripada darah raja."

"Saya telah dilantik menjadi Yang Dipertua yang pertama bagi Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu itu dan bagaimana saya telah berkata, telah memegang jawatan itu hinggalah sebentar ini tadi, dikecualikan sedikit masa pada tahun yang lepas. Di dalam masa 5 tahun yang lepas itu, telah dapat dibangunkan sebuah pertubuhan yang ada, hati ini teraku menjadi pertubuhan yang pertama yang dipunyai oleh orang-orang Melayu."

"Pada awalnya, Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu ini, ialah mengandungi beberapa persekutuan-persekutuan yang bergabung kepadanya akan tetapi pada tahun 1949 maka UMNO itu telah menyusun semula pendiriannya dan telah mengadakan ahli-ahli yang berdaftar terus sama ada yang biasa ataupun yang bersekutu, berserta dengan ahli-ahli yang bergabung yang hanyalah tinggal pada hari ini tiga buah sahaja daripada yang asal, iaitu Kesatuan Melayu Singapura, Persatuan Melayu Sabak Bernam dan Seberkas, Kedah. Patutlah di sini, di dalam ucapan saya yang akhir ini, saya menyebut darihal Persatuan Melayu Sabak Bernam, ialah diangan-angankan hinggalah kepada hari ini, persatuan yang tidak pernah mungkir membayar yuran persatuan itu dan persatuan yang tidak pernah tidak dapat menghantarkan wakil-wakilnya ke dalam persidangan ini. Ini suatu teladan yang patut dicontohi oleh lain-lain persekutuan yang bergabung dan terutama sekali oleh tiap-tiap bahagian yang ada di dalam golongan UMNO ini."

ATAS PAGAR

"Semenjak dari 1949 itu maka UMNO telah mendirikan beberapa buah bahagian dalam tiap-tiap sebuah negeri di

Semenanjung Tanah Melayu ini dan tiap-tiap bahagian itu pula telah mendirikan cawangan-cawangannya dan pada hari ini dengan adanya perdirian bahagian-bahagian dan cawangan-cawangannya itu maka jumlah ahli-ahli UMNO yang berdaftar terus itu telah sampai kepada angka lebih daripada 110,000 orang."

"Satu daripada perubahan yang diadakan pada tahun 1948, ialah bagi pihak UMNO ini melapangkan pintunya kepada orang-orang yang bukannya daripada bangsa Melayu atau orang-orang yang tidak boleh melayakkan dirinya menjadi ahli biasa di dalam UMNO ini supaya masuk pula menjadi ahli bersekutu."

"Kepada diri saya sendiri, telah menjadi suatu dukacita iaitu Majlis Mesyuarat ini tatkala dibawa ke hadapannya bagi dibukakan pintu UMNO ini kepada barang siapa yang berkehendak menjadi ahlinya, dengan syaratnya menerima tujuan-tujuan UMNO itu serta menerima Undang-undang Tubuhnya maka telah jadi dukacita kepada diri saya sendiri iaitu cadangan itu telah tidak diterima oleh majlis ini melainkan telah dibukakan sekerat sahaja pintu UMNO itu kepada ahli-ahli yang bersekutu yang tidak mempunyai hak pun dalam pertubuhan itu. Saya telah berasa dan saya masih lagi berasa iaitu sekatan itu ialah suatu langkah yang kelak di belakang hari akan mencatatkan pendirian UMNO sendiri dan saya dukacita pula iaitu pada sebelah pagi tadi Majlis Mesyuarat ini telah menolak suatu cadangan supaya dihapuskan sekali ahli-ahli bersekutu itu."

"Sungguhpun UMNO ini telah menerima bebanan, berbagai teguran dan cercaan daripada orang-orang yang hanyalah pandai menegur dan mencerca akan tetapi yang dirinya sendiri tidak sedia atau berkehendak mencampurkan dirinya mengambil bahagian pada membinakan UMNO ini. Sungguhpun adanya pandangan orang-orang daripada bangsa-bangsa Melayu sendiri yang suka bertenggek di atas pagar dan melihat lain-lain orang memikul pekerjaan yang berat-berat itu, sungguhpun ada beberapa halangan daripada beberapa pihak di negeri-negeri Melayu akan tetapi pekerjaan

UMNO itu telah berjalan, pendirian UMNO itu telah semakin tetap dan susunannya itu telah dapat diperkembangkan."

KECICIRAN

"Saya suka pula mengambil peluang ini menyebut atas jasa-jasa dan pekerjaan pegawai-pegawai UMNO dan juga ahli-ahli Jawatankuasa Kerja UMNO Bahagian Perak dan juga pegawai-pegawai dan ahli-ahli Jawatankuasa Cawangan-cawangan Perak itu yang telah dapat menambahkan bilangan ahli-ahli sekali ganda lagi di dalam masa setahun yang lepas. Kejayaan itu telah didapati dengan sebab ada panduan yang sempurna dan juga ada pakaran di antara pegawai-pegawai dan ahli-ahlinya. Saya akan menyebut juga akan nama bahagian Kedah yang telah dapat menambah bilangan ahlinya sekali ganda lagi banyaknya di dalam masa setahun yang lepas ini. Sungguhpun menerima berbagai-bagai halangan dan gendala di negerinya itu, perbuatan itu dapat dengan sebab kuat semangat serta hati pegawai-pegawai dan ahli-ahli di Bahagian Kedah itu. Sekiranya wakil-wakil menyelak Penyata Tahun UMNO ini pada lembaran yang pertama akan didapati iaitu lebih daripada 60 peratus bilangan ahli-ahli UMNO adalah penduduknya di dalam tiga buah negeri sahaja iaitu di Perak, Johor dan di Kedah. Sekiranya pula dibandingkan bilangan penduduk-penduduk Melayu maka barang mustahil sekiranya dikerjakan dengan sebenarnya, lain-lain negeri yang keciciran itu tidak boleh dapat ahli sebanyak ataupun sekurang-kurangnya dekat banyak yang didapati oleh Perak atau Johor atau Kedah itu."

"Di dalam sebuah negeri dalam mana jalan-jalan sangatlah kurang bagaimana kita sendiri telah mendengar rayuan daripada wakil-wakil UMNO dari negeri itu, di mana penduduk di pekan-pekan dan di kampung-kampung adalah dan bolehlah dikatakan kebelakangan daripada lain-lain penduduk-penduduk di lain-lain negeri, di mana orang-orang negeri itu boleh juga dikatakan ada kurang sekali mengambil bahagian atau campuran di dalam pemerintahan

kampungnya sendiri apatah lagi negerinya. Maka di dalam negeri yang seumpama itu, iaitu negeri Pahang, UMNO telah dapat menjalankan pekerjaannya serta mengadakan bahagian dan cawangan-cawangannya. Sungguhpun tidak mendapat sokongan yang penuh atau yang sepatut didapatinya daripada pihak yang patut menolong di dalam negeri itu dan kepada pegawai-pegawai, ahli-ahli Jawatankuasa dan ahli UMNO di negeri Pahang, bagi pihak Jawatankuasa yang akan menyerahkan kerja-kerjanya pada hari ini maka saya ucapkan tahniah dan selamat."

SURATKHABAR

"Dari satu masa ke satu masa maka ada juga orang-orang Melayu kita sendiri tidak kecuali suratkhobar-suratkhobar Melayu tidak memperhargakan jasa atau perbuatan UMNO itu dalam lapangan siasah, dalam lapangan pergaulan, dalam lapangan iktisad dan lain-lain. Melainkan golongan itu termasuklah juga — lagi sekali — saya katakan suratkhobar-suratkhobar Melayu kerap kali suka menidak-nidak atau mengecil-ngecilkan perbuatan UMNO itu. Diri saya sendiri pula tidak begitu mengambil berat di atas teguran atau cercaan yang datang daripada pihak yang memangnya suka memperbesarkan perkara yang kecil dan mengecil-ngecilkan perkara yang besar, pihak yang hanyalah tahu memuji perbuatannya sendiri tetapi tidak dapat mencari suatu keelokannya daripada perbuatan lain-lain orang, bagaimana pepatah Melayu, kuman di seberang nampak kepada matanya, gajah di tepi matanya sendiri tidak kelihatan. Bagi menunjukkan bagaimana luasnya pandangan pihak ahli-ahli Jawatankuasa Kerja UMNO maka beberapa orang daripada penegur-pengurnya yang kuat sekali telah disokong supaya diletakkan pula di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Persekutuan Kerajaan Negeri-negeri Melayu dan juga beberapa buah teguran yang didatangkan ke atas UMNO, teguran menuduhkan kelainan UMNO, teguran yang menunjukkan kekurangan UMNO maka orang-orang yang seumpama ini akan dapat pula membuktikan usahanya di

dalam Majlis-majlis Mesyuarat Kerajaan itu, supaya tidaklah pula Yang Amat Mulia Yang Dipertua baharu ini pun terpaksa menempelak bagaimana diri saya pada hari ini."

"Sebelum saya mengarahkan percakapan ini kepada perkara yang lain-lain, saya mengambil peluang ini mengucapkan terima kasih kepada ahli-ahli Jawatankuasa Kerja UMNO atas sokongannya di dalam masa saya memegang jawatan Yang Dipertua UMNO itu di dalam tahun yang lepas ataupun semenjak terdirinya UMNO ini dan dengan mengucap terima kasih itu saya suka juga mengambil peluang menyebut khas kepada pegawai-pegawai dan ahli-ahli anggota Ibu Pejabat UMNO yang telah bekerja dengan ikhlas hatinya dengan bersungguh-sungguh mengelolakan berbagai-bagai pekerjaan yang ditanggungkan Pejabat Setiausaha Agung itu dengan dapat pula mengemaskan segala pekerjaannya hingga teratur kerja-kerja di dalam pejabat itu."

KESELAMATAN

"Kepada Yang Amat Berhormat Haji Abdul Wahab, Datuk Panglima Bukit Gantang, saya mengucapkan terima kasih atas pekerjaannya semasa menjadi Setiausaha Agung UMNO yang pertama. Begitu juga kepada Yang Berhormat Datuk Zainal Abidin bin Haji Abas yang menjadi Setiausaha Agung yang kedua dan kepada Yang Berhormat Kapten Hussain yang menjadi Setiausaha Agung ketiga dan khususnya kepada Encik Shamlan bin Mohammad Yusof yang telah bekerja di dalam pejabat UMNO daripada asal didirikan."

"Ibu Pejabat UMNO itu telah menanggung beberapa banyak pekerjaan bukan sahaja berkenaan dengan pejabatnya sendiri akan tetapi berkenaan dengan urusannya dengan bahagian-bahagian dan cawangan-cawangan UMNO."

"Demikianlah saya menyatakan darihal UMNO itu dengan sangat ringkasnya di dalam masa saya memegang jawatan Yang Dipertua UMNO tetapi saya tidak akan meninggalkan daripada menyebut darihal Perikatan Pemuda UMNO yang berdiri dengan kuatnya di belakang saya sendiri

dan khasnya di belakang UMNO itu yang telah menjaga di atas keselamatan diri saya sendiri di dalam masa-masa perlawanan yang jarang-jarang yang saya dapat adakan kepada bahagian-bahagian UMNO dan juga daripada menyebut darihal Kaum Ibu UMNO yang rasa saya telah menyokong UMNO dan diri saya sendiri lebih kuat dan lebih teguh daripada segala golongan yang ada di dalam UMNO."

"Oleh kerana majlis ini ada banyak pekerjaan lagi, saya sekarang akan berkata-kata sedikit darihal diri saya berkaitan dengan UMNO dan juga berkaitan dengan pertubuhan baharu yang saya mencadangkan berikhtiar hendak membangunkan tiada berapa lama lagi supaya bekerja dengan barang siapa yang berkehendak bagi faedah negeri-negeri ini dan faedah penduduk-penduduknya dengan tujuan yang pertama, iaitu berkehendak mendirikan kemerdekaan di Tanah Melayu ini."

"Saya telah ditegurkan oleh kerana setelah menyatakan iaitu saya berkehendak dan akan berikhtiar hendak menubuhkan sebuah parti yang baharu itu maka saya masih juga tidak melepaskan jawatan Yang Dipertua UMNO ini sebabnya saya tidak melepaskan jawatan itu ialah pertamanya oleh memandangkan kepada dekatnya masa hendak diadakan Majlis Mesyuarat ini dan oleh kerana saya berfikir mustahak dan wajib bagi diri saya, berdiri di hadapan tuantuan menerima apa juga teguran atau tikaman yang dikehendakkan didatangkan kepada diri saya sendiri. Peluang itu saya telah bukakan daripada semalam dan hari ini, saya juga telah dituduhkan di dalam Majlis ini hendak lari daripada UMNO. Sekiranya saya benar-benarnya meletakkan jawatan Yang Dipertua UMNO tiga bulan dahulu maka sepatutnya juga boleh dituduhkan saya hendak melarikan diri daripada UMNO. Akan tetapi saya masih menunggu juga sehingga memberi peluang kepada wakil-wakil UMNO menegur atas apa juga perbuatan saya yang difikirkan tidak disukai olehnya. Sebagai seorang yang ada mempunyai di dalam badan saya sendiri darah daripada baka Melayu dan Turki

dan yang tidak tahu lari, barang mustahil saya nak melarikan diri, bimbang hendak menentang sama ada kepada orang yang hendak menentang kepada saya ataupun hendak bersahabat dengan saya."

SEKEJI-KEJINYA

"Saya telah dituduhkan menderhaka kepada bangsa Melayu dan kepada negeri ini. Tuduhan yang seumpama itu saya pandang dengan sekeji-kejinya. Selama di dalam kehidupan saya ini, saya telah bekerja kerana bangsa saya sendiri dan kerana penduduk-penduduk di negeri tempat kediaman saya. Sepanjang-panjang umur saya, saya telah menentang beberapa perbuatan yang pada fikiran saya tidak sesuai dengan cara pemerintahan sebuah negeri."

"Saya juga telah dituduh berkehendak menjadi seorang diktator di dalam UMNO ini akan tetapi sekiranya wakil-wakil sekalian memperhatikan cara bawaan dan pekerjaan di dalam majlis ini, sekiranya wakil-wakil membaca dengan halusnyanya syarat-syarat yang terkandung di dalam Undang-undang Tubuh UMNO itu dan sekiranya wakil-wakil memandang kepada susunan UMNO itu sendiri barang mustahil boleh didatangkan satu tuduhan seumpama itu ke atas diri saya."

"Saya juga telah dituduh berkehendak dengan sebab mengambil satu langkah kepada satu langkah, berkehendak mengambil atau mencari faedah bagi diri saya sendiri ataupun kesenangan saya sendiri. Maka tuduhan ini pun saya sifatkan dengan sekeji-kejinya. Oleh kerana perbuatan saya di dalam masa yang lepas dan di dalam masa yang ada ini adalah berlawanan sekali dengan tuduhan yang seumpama itu, saya menentang kepada raja saya sendiri oleh kerana perbuatannya kepada anak negeri, saya telah diberhentikan daripada jawatan kerajaan dan dibuang daripada negeri Johor itu oleh kerana kemudian daripada itu saya membantah lagi kepada raja saya sendiri di atas kezalimannya membuat rakyatnya maka lagi sekali saya sendiri tidak dapat hendak menerima syarat-syarat yang didatangkan oleh Duli Yang

Maha Mulia Sultan Johor ke atas saya menyekat pekerjaan dan perjalanan saya semasa menjadi Yang Dipertua UMNO ini maka saya telah meletakkan jawatan Menteri Besar itu. Adakah langkahan yang semacam itu, langkahan seorang yang semata-mata mengejar kepada kesenangan atau yang semata-mata berkehendak mencari kebesaran dirinya?"

KEMERDEKAAN

"Saya telah dituduhkan lagi menjalan pekerjaan dan gerak langkah yang mencatatkan kepada faedah-faedah UMNO dan dari itu dengan sindiran itu mencatatlah juga kepada penduduk-penduduk Melayu negeri ini. Tetapi cuba kita semak baik-baik apa yang ada tersebut di dalam Undang-undang Tubuh UMNO itu, iaitu tujuannya ialah hendak mendirikan sebuah kerajaan yang merdeka di dalam Malaya. Itulah juga tujuan yang dicadangkan oleh Parti Kemerdekaan Malaya itu. Cubalah lihat kepada tujuan yang ketiga di dalam Undang-undang Tubuh UMNO itu iaitu memajukan faedah-faedah orang-orang negeri dan khasnya ahli-ahli UMNO di dalam hal yang berkenaan dengan perkara-perkara siasah dan kebajikan hidupnya serta kebudayaannya dan iktisadnya maka tujuan Parti Kemerdekaan Malaya itu ialah hendak bekerja bagi keselamatan dan kemajuan penduduk negeri dan khasnya keselamatan dan kemajuan orang-orang yang bekerja dengan titik peluhnya ataupun dengan menggunakan akal fikirannya bagi mencari dan mengikhtiarkan nafkah kehidupannya. Tujuan Parti Kemerdekaan Malaya itu ialah berkehendak mendirikan sebuah negara yang merdeka yang akan memberi timbangan yang sekata kepada penduduk-penduduknya bagaimana yang dikehendaki oleh agama kita sendiri. Segala tujuan Parti Kemerdekaan Malaya itu adalah seakan-akan dengan tujuan yang ada kepada UMNO dan sekiranya saya menubuhkan atau hendak menubuhkan sebuah pertubuhan yang sempurna itu yang barangkali boleh lebih sempurna dan lebih derasnya menghasilkan tujuan-tujuan UMNO itu, adakah perbuatan saya itu perbuatan seorang yang menderhaka?"

PEMERINTAHAN

"UMNO ini ialah sebuah Pertubuhan Kebangsaan Melayu iaitu sebuah pertubuhan orang-orang Melayu, bolehkah dengan sebenar-benarnya kita katakan UMNO ini pertubuhan kebangsaan orang-orang di Malaya? Saya tahu saya mengerti, iaitu apakala saya sebutkan demikian itu, wakil-wakil sekalian tidak menerima fikiran saya itu. Tetapi biarlah kita memandang kepada keadaan yang ada di Tanah Melayu ini dengan menggunakan cermin yang boleh nampakkan barang yang benar ada dan bukannya cermin yang nampakkan mimpi-mimpian barang-barang yang lazat-lazat masa-masa yang telah sudah. Biarlah kita sedar iaitu di Tanah Melayu ini telah berubah, fikiran orang Melayu sendiri telah berubah. Biar kita sedar iaitu di Tanah Melayu ini ada orang-orang yang bukannya keturunan orang-orang Melayu tetapi yang kasih sayang kepada Tanah Melayu - barangkali lebih - daripada ada juga orang-orang Melayu. Biarlah kita sedar iaitu orang-orang Melayu sendiri telah menuntut supaya dijalankan kemerdekaan dengan secara demokrasi dan berkehendak suatu cara pemerintahan yang berdasarkan di atas demokrasi itu dan biarlah kita sedar iaitu suatu pemerintahan atau suatu negeri yang berdasarkan di atas demokrasi itu tidak boleh hendak memelihara hak negeri-negeri itu bagi kepunyaan satu pihak sahaja rakyatnya. Barang siapa yang telah mengambil berat menyiasat akan hal-hal dan perubahan-perubahan yang berlaku di dalam negeri ini, barang siapa ada menyiasat hal-hal itu, janganlah seseorang itu berkehendak memperdayakan dirinya dengan berfikir iaitu tujuan UMNO yang kedua iaitu akan tercapai setelah didapatkan persatuan di antara penduduk-penduduk yang ada di Tanah Melayu ini yang sanggup menumpukan segala taat setianya kepada negeri ini."

UNIVERSITI

"Semalam saya telah berkata iaitu peta yang dipandang oleh kita sekalian ialah peta Tanah Melayu sekadarkan perbezaan di antara peta yang dinampak oleh kebanyakan

orang di Tanah Melayu ini, barangkali ada berlainan sedikit atau sebanyak daripada peta yang terbentuk di hadapan mata saya sendiri, oleh kerana saya mempunyai beberapa peluang dapat melihat suatu gerak-langkah, suatu perbuatan atau cadangan yang hendak dijalankan di Tanah Melayu ini, langkah-langkah dan perbuatan yang mendatangkan kebimbangan kepada diri saya sendiri. Peluang itu bukannya saya dapati dengan sebab ada kelebihan ilmu saya ataupun dengan sebab saya ada kelulusan daripada universiti di mana-mana pun. Saya ini sekadar murid daripada sekolah atap sahaja. Saya bukan ada mempunyai kepandaian yang terbit daripada ilmu yang seumpama itu melainkan saya dapat peluang itu oleh kerana dapat melihat di tempat-tempat yang tidak dapat dimasuki oleh kebanyakan orang, melihat gerak-langkah dan cadangan-cadangan yang hendak didatangkan ke atas Tanah Melayu ini."

"Malangnya mulut saya tertutup, malang saya berkata - mulut saya ini tertutup tidak dapat lahirkan kepada umat Melayu di Semenanjung ini apa yang diketahui oleh saya, di dalam masa menyempurnakan pekerjaan-pekerjaan dan tanggungan saya itu, oleh kerana sekiranya dapat saya lahirkan, saya percaya tiap-tiap seorang akan bersama-sama dengan saya berdiri menuntut kemerdekaan Malaya itu."


"Inilah sebabnya maka saya telah berfikir dengan sehabis-habisnya iaitu sekiranya Tanah Melayu ini berkehendak menyaingi negeri-negeri yang berjiran dengannya seumpama Indonesia di sebelah selatan, Burma di sebelah utara, Filipina di sebelah timur, Ceylon, India dan lain-lain di sebelah barat, sekiranya Tanah Melayu ini berkehendak menyaingi negeri-negeri yang telah bebas itu maka hanyalah satu jalan sahaja yang terbuka kepada pandangan saya, iaitu menuntut kemerdekaan itu dengan beramai-ramai, satu kaum dengan satu kaum menyokong dan bekerjasama, lain jalan tidak ada."

NASIONAL

"Saya juga telah berkata semakan, sokong yang diharap, sokong itu membawa rebah, pagar yang diharap, pagar itu memakan padi, perkataan itu satu tidak mengubahnya."

"UMNO sebagai sebuah pertubuhan Melayu, semoleknya berjalan selagi ada pertubuhan-pertubuhan yang berkaum-kaum di Tanah Melayu ini, menjaga di atas faedah-faedah yang menepati kepada kaumnya itu akan tetapi faedah-faedah yang menepati kepada kaumnya itu akan tetapi saya berharap atas perkara yang bersangkutan-paut dengan kebangsaan negeri - bukan makna kebangsaan itu diambil daripada baka - iaitu kepada negeri. Sekiranya UMNO ini sebenarnya bertujuan dan berkehendak mendirikan negara merdeka di dalam Malaya ini maka saya berharap juga pihak UMNO ini akan memandang kepada pandangan yang luas, pandangan yang dikatakan Nasional atau kebangsaan itu dan jangan semata-mata menghadapkan pandangan itu kepada pandangan yang sempit semata-mata, iaitu hidup hanyalah di bawah tempurungnya sendiri dengan tidak menghiraukan iaitu ada lain-lain tempurung yang terletak di sebelah."

"Dengan ucapan ini maka saya tamatkan pekerjaan saya dan saya menyerahkan tanggungan saya yang saya sertakan dengan ucapan selamat kepada tiap-tiap seorang wakil, kepada bahagian-bahagian dan cawangan-cawangan. Oleh kerana dengan sebab keyakinan hati saya sendiri dengan sebab saya kuat berpegang kepada tujuan yang dikehendakkan oleh UMNO itu maka saya percaya gerak langkah yang saya tujukan ini, UMNO dan Parti Kemerdekaan Malaya akan bertemu setelah kita mencapai kemerdekaan Malaya itu."



Raja Papa

"... Saya ni Pak Lah, Raja papa," demikian sepotong percakapan Tunku Abdul Rahman Putra dengan Sheikh Abdullah Fahim di rumah ulama itu di Kepala Batas.

"*Masya Allah*, apa yang Tunku terima, cubaan daripada Allah," sahut Sheikh Abdullah Fahim.

Tunku Abdul Rahman Putra yang telah menerima jawatan Yang Dipertua Agung UMNO pada 26 Ogos 1951 sering menemui Sheikh Abdullah Fahim. Mereka berdua berkeadaan seperti bapa dengan anak atau guru dengan murid.

Dari tarikh Tunku Abdul Rahman Putra menerima jawatan Yang Dipertua UMNO, Tunku telah dimurkai oleh kakandanya, Sultan Kedah, Almarhum Sultan Badli Shah Ibni Sultan Abdul Hamid Shah (1943-1958). Tunku telah dihalau dari istana peninggalan ayahandanya di Alor Setar pada waktu malam.

Tunku bersama isterinya, Syarifah Radziah hanya membawa barang-barang kemas ala kadar, beberapa helai pakaian dan sedikit wang. Mereka meredah malam menuju ke **Bagan Belat, Teluk Ayer Tawar** kira-kira 13 kilometer dari Kepala Batas, Seberang Prai.

Di Bagan Belat, Tunku dan isterinya menumpang di rumah tua kepunyaan Raja Ahmad keturunan Almarhum Sultan Abdullah, Perak. Hari demi hari Tunku dan isterinya

tinggal di rumah itu. Mereka menjadi keluarga tuan rumah yang baik hati yang telah lama menjadi kenalan Tunku Abdul Rahman Putra.

Mereka suami isteri keluar membeli makanan setiap hari di pekan Kepala Batas. Bila mereka kehabisan wang, Tunku meminta Raja Ahmad membawa barang kemas Syarifah Radziah ke kedai pajak gadai di pekan Kepala Batas.

Tunku bukan sahaja dihalau oleh kakandanya, bahkan wang saraan anak raja yang diterima tiap-tiap bulan dan wang sewa rumah-rumah ayahandanya di Pulau Pinang telah dibekukan oleh kakandanya. Pendeknya pada masa itu Tunku dan isterinya menjadi anak raja yang papa. Tetapi Tunku sentiasa berhati cekal memimpin UMNO.

Dua sebab Bagan Belat menjadi pilihan Tunku Abdul Rahman Putra. **Pertama** kerana rumah yang Tunku dan isterinya tumpangi itu adalah kepunyaan kenalannya dan yang **kedua** Bagan Belat tidak jauh dari rumah ulama yang pernah ditemuinya di Alor Setar beberapa tahun sebelum itu dan bapa kepada rakan seperjuangannya Haji Ahmad Badawi, iaitu Sheikh Abdullah Fahim.*

Di Kepala Batas, Butterworth, Pulau Pinang dan Bukit Mertajam ramai pejuang-pejuang dalam UMNO. Antara mereka itu ialah Haji Ahmad Maliki, Haji Sulaiman Palestin, Hashim Awang, Mohd Sopic, Haji Taha Ali dan ramai lagi. Merekalah yang sering menemui Tunku Abdul Rahman Putra ketika UMNO dalam keadaan terumbang-ambing kerana ramai ahli-ahlinya mengikut Dato' Onn, ahli-ahli lemah semangat dan berbagai-bagai lagi.

Setiap kali Tunku Abdul Rahman Putra menemui Sheikh Abdullah Fahim sama ada secara pertemuan empat biji mata, mahupun disertai oleh orang-orang lain, Tunku telah didatangi kekuatan dan mendapat hidayah daripada Allah untuk menghidupkan semula UMNO yang kian lemah pada masa itu.

* Diceritakan oleh Tunku Abdul Rahman Putra kepada penulis.

Semangat Tunku Abdul Rahman Putra dikuatkan pula oleh Ketua Pemuda UMNO, Haji Ahmad Badawi yang menggantikan tempat Kapten Hussein Onn yang telah meletakkan jawatan.

Kemudian jawatan Ketua Pemuda UMNO Malaya itu disandang oleh seorang peguam, Sardon Jubir (Saadon bin Haji Zubir) dan Haji Ahmad Badawi memegang jawatan Naib Ketua UMNO Malaya.

Tunku Abdul Rahman Putra memberitahu, bahawa Sheikh Abdullah Fahim sentiasa mengingatkannya dan orang-orang UMNO yang datang menemuinya, iaitu dengan kata-kata:

“Bila kita dah merdeka, jangan pula ada pemimpin-pemimpin kita yang mengaut kekayaan di atas belakang rakyat.”

“Sesiapa yang berjuang dengan nama Allah dan niat baik, sentiasa dalam keredaan Allah, tapi siapa yang lupakan niat, khianat dan tamak akan dimurkai oleh Allah, akhirnya menjadi hina.”

“Kalau orang Melayu beragama Islam mengkhianati bangsa, negara dan agama, Allah akan gantikan bangsa lain yang beragama Islam menjaga tanahair kita.”

Sheikh Abdullah Fahim sering berkata kepada Tunku Abdul Rahman Putra, Haji Sulaiman Palestin, Haji Ahmad Maliki, Ahli Majlis Kerja Tertinggi UMNO, ahli-ahli UMNO dan PAS yang datang menemuinya, bahawa bangsa Melayu dan Indonesia saudara kandung, kedua-duanya jangan berpecah.

Tunku Abdul Rahman Putra pernah menceritakan kepada penulis, bahawa pada masa UMNO menuntut kemerdekaan daripada kerajaan Inggeris, pihak penduduk-penduduk yang mendatang di negara ini tidak bersatu dengan bangsa Melayu. Kerajaan Inggeris telah memberi syarat, bahawa kemerdekaan Tanah Melayu tidak akan diberi selagi tiga bangsa di negara ini - Melayu, Cina dan India

- tidak bersatu, kerana kerajaan Inggeris kkuatir sekiranya kemerdekaan diberi atas tuntutan bangsa Melayu sahaja kemungkinan huru-hara akan berlaku akibat daripada percakaran antara tiga bangsa itu.

Dalam menghadapi keadaan yang kusut itu, kerana kebanyakan ahli-ahli UMNO mahu kemerdekaan Tanah Melayu diberi kepada bangsa Melayu sahaja dengan alasan orang-orang Cina dan India adalah orang-orang yang mendatang, maka Tunku Abdul Rahman Putra, Dato' Abdul Razak, Haji Ahmad Maliki, Haji Sulaiman Palestin dan beberapa orang lagi telah menemui Sheikh Abdullah Fahim di rumahnya, di Kepala Batas pada suatu petang.

Setelah Tunku Abdul Rahman Putra menerangkan kehendak atau syarat kerajaan Inggeris, maka Sheikh Abdullah Fahim mengucapkan kata-kata "*Masya Allah*" tiga kali dan Allahyarham mengangkat tangan kanannya ke atas dan menegakkan jari telunjuk, jari hantu, jari manis dan jari kelingking. Manakala ibu jarinya dibengkokkan. Allahyarham telah berkata, bahawa jari telunjuk ibarat kerajaan Inggeris, jari hantu ibarat bangsa Melayu, jari manis ibarat bangsa Cina dan jari kelingking ibarat bangsa India dan bangsa-bangsa lain di Tanah Melayu.

Menurut Tunku Abdul Rahman Putra, bahawa Sheikh Abdullah Fahim memberitahu, sekiranya tiga puntung jari tidak bersatu, jari telunjuk (kerajaan Inggeris) akan menggunakan jari manis (Cina) dan jari kelingking (India dan lain bangsa) untuk menggagalkan tuntutan bangsa Melayu. Sheikh Abdullah Fahim memberitahu Tunku Abdul Rahman Putra, jalan yang paling baik ketiga-tiga jari di tangannya itu bersatu.

Waktu Sheikh Abdullah Fahim menunjukkan tangan dan jari-jemarnya itu, anaknya, Haji Ahmad Badawi telah melukiskannya atas sehelai kertas dan mencatat keterangan-keterangan orang tuanya itu.

Haji Sulaiman Palestin memberitahu penulis yang telah menemuinya di rumahnya di Kampung Sirih, Bukit Mertajam pada 9 April 1996, bahawa Tunku Abdul Rahman Putra

sentiasa mendampingi dirinya dengan Sheikh Abdullah Fahim dan selalu meminta nasihat ulama itu untuk Allahyarham gunakan dalam memimpin UMNO dan menuntut kemerdekaan.

"Pada suatu hari, Tunku, saya, Haji Ahmad Badawi dan beberapa orang UMNO telah menemui Allahyarham Sheikh Abdullah Fahim. Dalam pertemuan itu Tunku meminta Allahyarham melihat mengikut *firasat* dan *kasysyaf* nya akan tarikh yang baik bagi kemerdekaan Tanah Melayu," kata Haji Sulaiman Palestin.

"Sheikh Abdullah Fahim telah menentukan, bahawa tarikh yang baik untuk diisytiharkan kemerdekaan Tanah Melayu, iaitu pada 31 Ogos 1957."

Bekas Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang dan Setiausaha UMNO Bahagian Kepala Batas, Haji Md Noor Ahmad yang telah ditemui oleh penulis di rumahnya di Permatang Manggis, Kepala Batas pada 8 April 1996 memberitahu, bahawa Sheikh Abdullah Fahim telah memberitahu Tunku Abdul Rahman, sekiranya kerajaan Inggeris tidak memberi kemerdekaan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957, maka terpaksa menunggu lima tahun lagi, iaitu pada 31 Ogos 1962.

Menurut Haji Md Noor, Sheikh Abdullah Fahim berpendapat kalau tarikh pengisytiharan kemerdekaan Tanah Melayu tidak pada 31 Ogos 1957, maka pada tahun-tahun berikut sebelum tahun 1962 adalah tidak baik bagi orang Melayu mengisytiharkan kemerdekaannya.

"Pihak Pemuda UMNO bertanya, bagaimana jika British tidak beri tarikh 31 Ogos 1957, pemuda-pemuda UMNO akan memberontak dan merampas kuasa daripada kerajaan British, Sheikh Abdullah Fahim melarang mereka merampas kuasa," kata Haji Md Noor.

"Orang tua itu beritahu, kalau pada 31 Ogos 1962 British tak beri kemerdekaan juga, barulah Pemuda UMNO boleh rampas kuasa," terangnya lagi.

Pemuda-pemuda UMNO yang diketuai oleh Sardon bin Haji Zubir telah menemui Sheikh Abdullah Fahim sebelum

Pemuda UMNO Utara Malaya mengadakan perhimpunan di Pulau Pinang pada bulan Oktober 1954. Kemudiannya Pemuda UMNO Utara Malaya mengambil keputusan akan berkabung 40 hari sekiranya rombongan Tunku Abdul Rahman yang merundingkan tuntutan kemerdekaan mengalami kegagalan.

Sebelum Tunku Abdul Rahman Putra mengetuai rombongannya ke London untuk berunding tentang tuntutan kemerdekaan dengan kerajaan Inggeris pada bulan Januari 1956, Tunku telah meminta nasihat daripada Sheikh Abdullah Fahim.

Rancangan awal rombongan Tunku Abdul Rahman Putra itu akan berangkat ke London dengan kapal terbang, tetapi terpaksa diubah rancangan itu, kerana Sheikh Abdullah Fahim telah menasihatkan Tunku Abdul Rahman Putra supaya berangkat dengan kapal laut.

Rombongan Tunku Abdul Rahman Putra yang telah berangkat ke London untuk menghadiri persidangan antara pihak Kerajaan Perikatan dengan Kerajaan Inggeris itu terdiri daripada empat orang daripada Perikatan dan empat orang wakil-wakil daripada raja-raja Melayu, iaitu:

- **Tunku Abdul Rahman (Ketua Menteri dan Menteri Dalam Negeri) - Ketua.**
- **Dato' Abdul Razak bin Dato' Hussein (Menteri Pelajaran).**
- **Col. H.S. Lee (Menteri Pengangkutan).**
- **Dr. Ismail bin Datuk Abdul Rahman (Menteri Hasil Bumi).**
- **T.H. Tan - Setiausaha.**
- **Dato' Panglima Bukit Gantang, Haji Abdul Wahab (Menteri Besar Perak) - wakil raja dan ketua.**
- **Abdul Aziz bin Abdul Majid (Menteri Besar Selangor).**
- **Dato' Nik Ahmad Kamil bin Haji Mahmood (Bekas Menteri Besar Kelantan).**
- **Abdul Kadir Shamsuddin - Setiausaha.**

Pada masa (sekitar tahun 1952-1955) Kerajaan Siam melancarkan penindasan - menganiaya, menculik dan membunuh pejuang-pejuang kemerdekaan umat Islam Pattani - di Selatan Thailand dan alim ulama ramai dibunuh, maka ramai alim ulama pejuang-pejuang Islam Pattani datang mendapatkan nasihat daripada Sheikh Abdullah Fahim.

Antara ulama-ulama itu ialah Haji Sulung*. Ulama tersebut sering datang ke Kepala Batas dan menghadiri majlis-majlis muzakarah Islam dan sebagainya.

Di Pattani ramai bekas murid Sheikh Abdullah Fahim yang menjadi alim ulama dan bergerak dalam politik untuk membebaskan Pattani daripada penjajahan Siam.

Pada suatu malam pada tahun 1953, Sheikh Abdullah Fahim berkata kepada saya, "... Kalau Pattani tidak bebas, tak merdeka, sampai bila pun Siam tak boleh aman."

Allahyarham telah meramalkan, Pattani akhirnya akan merdeka juga.

* * *

Sheikh Abdullah Fahim pernah dua kali melawat India pada tahun 1921 dan 1925. Pemergiannya ke sana kerana diundang oleh alim ulama di Karalla. Allahyarham pergi ke India dan pulang dengan menumpang kapal laut yang bernama "Rajula" yang berulang-alik di antara Madras ke Pulau Pinang. Di atas kapal "Rajula" itulah Allahyarham telah berkenalan dengan seorang ahli perniagaan yang menetap di Pulau Pinang.

Daripada perkenalan itu mereka berdua bersahabat rapat kemudiannya. Ahli perniagaan itu telah menuntut ilmu tarekat secara sambilan daripada Sheikh Abdullah Fahim. Kemudiannya anak lelaki ahli perniagaan itu, seorang guru sekolah kerajaan, di Alor Setar telah mengikuti bapanya menuntut ilmu tarekat daripada ulama itu.

* Mokhtar Petah, *Haji Sulung bin Haji Abdul Kadir*. Kuala Lumpur, Mingguan Tempo, 22 November 1992.

Kemudiannya cucu lelaki ahli perniagaan itu iaitu Dr. Mahathir, telah menjadi rakan seperjuangan kepada anak lelaki Sheikh Abdullah Fahim, iaitu Allahyarham Datuk Haji Ahmad Badawi* cergas dalam politik bersama UMNO.

Sheikh Abdullah Fahim adalah salah seorang daripada beberapa orang alim ulama di Tanah Semenanjung ini yang kuat berpegang kepada mazhab Sunni atau Ahlus Sunnah wal Jamaah.

Allahyarham pernah menulis dalam satu risalah kuliah tentang pentingnya bangsa Melayu berpegang kepada mazhab Imam Shaf'i iaitu mazhab Ahlus Sunnah wal Jamaah yang dipelopori oleh imam-imam yang empat, iaitu Imam Malik, Imam Shaf'i, Imam Hanafi dan Imam Hambali.

Dalam satu khutbah Jumaat Sheikh Abdullah Fahim telah menulis, iaitu:

Bismillabir Rahmanir Rahim itu suatu ayat awal dan "Ijma'an". Siapa sembahyang dengan tidak membaca *Bismillabir Rahmanir Rahim*, maka tidak sah sembahyangnya dan jika dia imam (sembahyang) tidak membaca *Bismillah*, wajib makmum *mufaraqah*.

Umat Islam jangan berpecah belah. Bangsa Melayu jangan berpecah belah disebabkan sekarang di Malaya ini telah timbul mazhab "Khawarij", iaitu mazhab yang keluar daripada mazhab Ahlus Sunnah wal Jamaah. Orang-orang "Khawarij" itu bermaksud hendak mengelirukan fahaman awam yang sehati dan hendak merobohkan pakatan bangsa Melayu yang jati dan menyalahkan kebanyakan orang Melayu.

* Diceritakan kepada penulis oleh Allahyarham Ustaz Haji Ahmad Scor Pajak Song, Seberang Perai, Haji Ahmad Maliki Kepala Batas, Haji Hussein Che Dol Kedah, Ustaz Haji Ahmad bin Haji Hashim Mufti, Pulau Pinang dan Datuk Haji Ahmad Badawi dan Ustaz Abu Bakar al-Baqr pada tahun 1954, 1966 dan 1981.

Dalam khutbahnya, Sheikh Abdullah Fahim telah mengecam pemimpin kaum "Khawarij", iaitu Ibnul Qayyim al-Kharaji:

Hukum-hukum mereka telah diambil dari kitab *Hudud Rasul* yang mukhtasar (ringkasan) dan pada kitab *Hudud Ibaad* dikarang oleh Ibnul Qayyim. Dan semua kitabnya telah ditolak oleh ulama Ahlus Sunnah wal Jamaah.

Bangsa Melayu jangan tertipu daya dengan hasutan mereka yang mengeluarkan hukum-hukum yang tidak terpakai dalam mazhab Shafi'i (Ahlus Sunnah wal Jamaah) dan fatwa mereka itu akan masalah yang buruk-buruk, sudah terdengar kepada awam. Harapan (saya) bangsa Melayu jangan berpecah belah sesama sendiri.

Kandungan khutbah seterusnya:

Jika ada sesiapa atau golongan yang cuba memecahkan persatuan bangsa Melayu (Ummah), hendaklah mereka itu dibunuh sebagai penjenayah besar.

Siapa yang datang kepada kamu dan menyuruh kamu semua supaya taat kepada orang tertentu untuk memecah belahkan persatuan kamu (Ummah) maka buruhlah dia.

Umat Islam hendaklah mencari jalan menyelesaikan perselisihan mereka dan berdamai, supaya perpaduan umat Islam menjadi kuat*.

Dalam beberapa majlis muzakarah (seminar) alim ulama di seluruh Tanah Melayu, Sheikh Abdullah Fahim telah mempertahankan fatwa-fatwanya dan disokong oleh alim ulama terkenal seperti Sheikh Fadhlullah Shuhaimi, Datuk Abdul Jalil Hassan, Sheikh Haji Nawawi bin Mohammad, Sheikh Haji Zubir bin Ahmad, Haji Ahmad Fuad, Ustaz Haji Mat Saman Kati dan para mufti di negeri-negeri di seluruh Persekutuan Tanah Melayu. Antara fatwa-fatwanya, ialah:

* Dari Perpustakaan Daeratul Maarif al-Wataniyah.

- * ***Wang loteri termasuk loteri Lembaga Kebajikan Masyarakat haram digunakan oleh individu Islam dan untuk kepentingan umum.***
- * ***Nikah cara "Cina buta" haram dan tidak sah.***
- * ***Bapa dan wali yang mengahwinkan anak perempuan mereka sama ada gadis mahupun janda dengan paksa, maka nikah itu tidak sah.***
- * ***Wang apa jua basil daripada jalan rasuah, haram dimakan dan digunakan oleh orang yang beriman.***

Ahli Politik

SHEIKH Abdullah Fahim atau Sheikh Haji Abdullah bin Ibrahim adalah seorang ulama besar dan warak. Ahli ilmu **falak**, ilmu syariah, ilmu usuluddin, tasawuf dan tarekat, ilmu tafsir al-Qur'an, al-Hadith dan sekaligus ahli politik yang pintar.

Ada pada dirinya dan sukar berada pada diri orang lain, ialah ilmu *kasyshaf* dan *ladunni* serta *karamah* anugerah daripada Allah. Sesiapa yang pernah berguru dengannya, sentiasa mendekatinya dan menerima ilmu batin daripadanya tentu mengetahui akan keistimewaaninya.

Bacalah dan Tuhan anda itu Maha Pemurah.

Yang mengajar dengan pena (tulis baca).

Mengajar manusia sesuatu yang tidak diketabui.

Surah al-'Alaq: 3-5

Sheikh Abdullah Fahim telah dilahirkan di sebuah perkampungan yang bernama Sha'ab Ali yang letaknya tidak jauh dari Masjid al-Haram kira-kira pada tahun 1869. Bapanya Sheikh Ibrahim bin Haji Tahir berasal dari Kampung Kubur Panjang, Kedah. Allahyarham Sheikh Ibrahim bermastautin di Makkah al-Mukarramah dan menjadi guru agama di Masjid al-Haram. Allahyarham telah meninggal dunia di sana.

Tentang tempat kelahiran Sheikh Abdullah Fahim ini ada dua pendapat: ada yang mengatakan Allahyarham telah

dilahirkan di Makkah al-Mukarramah dan ada yang mengatakan Allahyarham telah dilahirkan di Kampung Kubur Panjang, Kedah dan masa kanak-kanak Allahyarham telah dibawa oleh bapanya ke Makkah al-Mukarramah.

Zaman kelahiran Sheikh Abdullah Fahim, negara Hijaz yang meliputi Haramain - dua bumi haram - iaitu Makkah al-Mukarramah dan Madinah al-Munawwarah terletak di bawah Amir Asysyariff Aun al-Rafiq bin Muhammad bin Aun, iaitu selepas Amir Muhammad bin Talhah bin Abd dan sebelum pemerintahan Asysyarif Ali Basha bin Abdullah bin Aun.

Dalam sejarah Masjid al-Haram, bahawa Sheikh Ibrahim dan anaknya Sheikh Abdullah pernah menjadi Anggota Lembaga Masjid al-Haram (1378-1385 Hijrah). Tetapi mereka dikenali dengan keturunan Jawa dan Pattani.*

Daripada satu sumber di Makkah al-Mukarramah penulis dapati, bahawa telah menjadi tradisi pemerintahan Hijaz, bahawa setiap guru agama yang mengajar di Masjid al-Haram termasuk imam masjid tersebut, dihadiahkan sebuah rumah dengan sebidang tanah di Syuqul Lail dekat Mina, Makkah al-Mukarramah.

Ketika menuntut di Makkah al-Mukarramah, Sheikh Abdullah Fahim telah mempelajari ilmu politik Islam dan antarabangsa. Kemudian menyertai gerakan Islam di negara Arab menentang penjajahan Yahudi, Inggeris, Perancis, Amerika dan bangsa-bangsa lain.

Sheikh Abdullah Fahim telah berkahwin dengan seorang gadis Jawi yang tinggal di sana. Hasil perkongsian hidup mereka Allah menganugerahkan kepada mereka dua orang anak lelaki, iaitu Ahmad Ghazali dan Ahmad. Kemudiannya Ahmad bin Abdullah dikenal oleh umat Islam di negara ini dengan nama Haji Ahmad Badawi. Ibu mereka telah meninggal dunia di Makkah al-Mukarramah.

Seperti juga bapanya, Sheikh Abdullah Fahim menjadi

* Fuad Abdul Hamid 'Anqawi, *Makkah, al-Haj wat Tauwaf*, jilid (1), Berut, Darul Hudhur, 1410H, 1994M.

guru ilmu falak, usuluddin, tafsir al-Qur'an, al-Hadith dan sebagainya di Masjid al-Haram. Mereka mempunyai beratus orang murid dari Semenanjung Tanah Melayu, Brunei termasuk Sarawak dan Sabah, Sumatera, Pulau Jawa, Mindanau-Filipina, Pattani, beberapa negara Arab, India dan China.

Allahyarham Haji Othman bin Haji Muhammad, Bilal Masjid Ubudiyah, Bukit Chandan, Kuala Kangsar Perak menceritakan kepada saya pada tahun 1960-an, bahawa Sheikh Abdullah Fahim telah menuntut ilmu di Makkah al-Mukarramah daripada lebih 45 orang ulama yang masyhur dan antaranya menjadi ahli falsafah Islam.

Menurutnya, Sheikh Abdullah Fahim mempunyai kelulusan dalam lebih lima belas jenis ilmu Islam dan dua kelulusan istimewa yang diperolehinya ialah ilmu falak dan kesusasteraan Arab.

Allahyarham Sheikh Abdullah Fahim telah turun (atau pulang) ke Tanah Melayu pada tahun 1921. Allahyarham tinggal di Kampung Limbung Kapal, Alor Setar dan menjadi guru di Ma'ahad Mahmud dan kemudian menjadi guru agama kepada Sultan Kedah. Sepanjang tinggal di Kedah selama kira-kira tujuh tahun, Allahyarham telah mendalami bahasa Melayu, kerana selama tinggal bersama keluarganya di Makkah al-Mukarramah Allahyarham menggunakan bahasa Arab.

Kemudian Allahyarham Sheikh Abdullah Fahim berpindah ke Kepala Batas, Seberang Prai dan mengajar di sana selama beberapa bulan sahaja.

Apabila bapa saudaranya, Allahyarham Haji Muhammad bin Haji Muhammad Salleh - bapa kepada Haji Othman, Bilal Masjid Ubudiyah, Bukit Chandan, iaitu Mudir (pengetua Sekolah Agama Islam) Madrasah Mariyah atau Madrasah Idrisiyah Bukit Chandan, Kuala Kangsar - telah meninggal dunia, maka Sheikh Abdullah Fahim telah berpindah ke Kuala Kangsar pada tahun 1928 untuk menggantikan tempat Allahyarham Haji Muhammad. Madrasah Mariyah atau Idrisiyah adalah sekolah menengah agama Islam di bawah

wakaf Almarhum Sultan Idris Shah (pertama), iaitu ayahanda kepada Almarhum Sultan Alang Iskandar Shah.

Antara murid-murid lepasan sekolah tersebut yang telah menjadi ulama, Allahyarham Haji Ghazali guru agama Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim, Ustaz Mohd Sharif Babol (Lenggong, Perak), Sheikh Ismail Hamzah, Mufti Kerajaan Perak, Sheikh Hamzah Mu'ti, Dato' Haji Yang Ghazali bin Abduillah, Mufti Kerajaan Selangor, Abdullah bin Lebai Saleh (Dolah Kuak)*, Haji Abdul Aziz bin Abdul Salam, Kadi Kerajaan Perak, Haji Mohammad Saman Kati, Haji Zakaria bin Mat Dohor, Kadi Kerajaan Perak dan Mohd Arif bin Haji Yassin, Kadi Kerajaan Perak.

Antara yang menceburkan diri secara langsung dalam politik dan sebelum meninggal menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri Perak, ialah Mohd Kasim bin Haji Din.

Beberapa orang pula menjadi ahli perniagaan terkenal antaranya, Allahyarham Yahaya Arif dan Datuk Abdul Aziz bin Ahmad, Pustaka Antara, Kuala Lumpur.

Masa menjadi Mudir (pengetua) Madrasah Mariyah atau Madrasah Idrisiyah, Sheikh Abdullah Fahim berhubung rapat dengan beberapa orang ulama di Perak, antaranya Allahyarham Sheikh Tahir Jalaluddin, Haji Mohammad Arshad Karai, Haji Muhammad Zin Minangkabau dan Sheikh Haji Nawawi Muhammad.

Sebagai seorang penulis Islam, yang boleh menulis dalam bahasa Melayu dan Arab, Sheikh Abdullah Fahim mempunyai ramai rakan-rakan daripada penulis-penulis Islam, antaranya Syed Sheikh al-Hadi, Sheikh Tahir Jalaluddin dan Fadhlullah Shuhaimi.

Tulisan-tulisan Sheikh Abdullah Fahim dalam bahasa Arab termasuk syair, banyak disiarkan dalam majalah-majalah bahasa Arab yang diterbitkan di beberapa buah negara Arab sekitar tahun 1920-an.

Pada masa di Tanah Melayu, iaitu sebelum perang dunia kedua Sheikh Abdullah Fahim banyak menulis risalah-

* Lihat Mokhtar Petah, *Abdullah Kuak*, Minggu Tempo, 16 Mei 1995.

risalah, kertas-kertas kerja, rencana agama dan kesedaran politik Islam dalam beberapa buah majalah Melayu yang terbit di Singapura dan Pulau Pinang.

Tulisan-tulisan Sheikh Tahir Jalaluddin, Fadhlullah Shuhaimi di Singapura*, Syed Sheikh al-Hadi, Sheikh Abdullah Fahim dan beberapa orang pengarang Melayu lagi termasuk Abdul Rahim Kajai, Zaaba dan Othman Kalam dan ramai lagi pengarang-pengarang dan sasterawan-sasterawan Melayu mengandungi bayangan yang melaung bangsa Melayu ke arah kebangkitan dan menegakkan perjuangan suci*.

Pada tahun 1953 hingga 1955 saya mendampinginya, iaitu ketika saya menuntut di sekolah menengah agama Islam, Daeratul Maarif al-Wataniyah, Kepala Batas, Seberang Prai. Allahyarham saya anggap sebagai datuk, bapa dan guru saya.

Sungguhpun pada tahun itu anak lelakinya, Haji Ahmad Badawi menjadi mudir (pengetua) sekolah tersebut dan saya mesti mengikuti kelas pada sebelah pagi, petang kelas bahasa Inggeris atau saya menghabiskan masa saya untuk mengarang, malam belajar ilmu tafsir al-Qur'an dan al-Hadith secara bersila di dalam masjid Kepala Batas, namun secara sembunyi-sembunyi saya belajar beberapa ilmu lain daripada Sheikh Abdullah Fahim di masjid dengan menggunakan cahaya lampu jalanraya pada waktu tengah malam dua kali seminggu.

Ketika menuntut ilmu daripada ulama itulah saya mula berkenalan dengan Raja Muda negeri Perak, Raja Idris ibni Sultan Alang Iskandar Shah dan adindanya, Raja Ahmad Shahbuddin atau Raja Tam.

Apabila Raja Idris menjadi Sultan Perak dan saya bekerja sebagai wartawan di negeri Perak, maka hubungan Baginda

* Lihat Mokhtar Petah, *Sheikh Muhammad Fadhlullah*, Minggujan Tempo, 21 Disember 1992.

* Mokhtar Petah, *Bangsa Melayu Menggugat Dunia*, Kota Bharu, Kelantan, Mei 1996.

dengan saya tidak mempunyai jurang pemisah antara seorang raja pemerintahan dengan seorang rakyat murba yang lahir di kampung air meleleh di luar bandar. Oleh kerana saya berasal dari kampung, maka Raja Perempuan Perak, Raja Mazuwin binti Raja Ariff Shah menggelarkan diri saya "wartawan kampung".

Apabila berlaku krisis politik di negeri Perak pada tahun 1974-1981, Sultan Idris Shah* telah berkenan menerima saya menjadi Penasihat Hal-Ehwal Politik peribadinya. Tugas saya seperti tugas Penasihat Politik kepada peribadi presiden sesebuah negara republik - nasihat daripada penasihat mesti diikuti walaupun tidak semua.

* Mokhtar Petah, *Sultan Idris Shah*, Kuala Lumpur Media Islam 1992.

Fitnah Inggeris

SEKITAR tahun 1932, Sultan Perak - Sultan Alang Iskandar, bekas mahasiswa Universiti Oxford England – telah mengambil langkah untuk menyusun semula perjalanan undang-undang syariah di negeri itu yang berpandukan al-Qur'an dan al-Hadith.

Almarhum mahu "**Undang-undang 99**" yang menjadi pegangan raja-raja memerintah negeri Perak semenjak di Tanah Abang diamalkan semula dalam negeri Perak.

Berikut ini adalah cabutan daripada "Undang-undang 99" - PAPERS ON MALAY SUBJECTS - dari Muzium Diraja Perak.

FASAL menyatakan kitab yang di-turunkan Allah ke-dalam dunia ini, banyak-nya sa-ratus empat-puluh empat buah; yang sa-ratus itu masok kepada empat [puluh] buah; yang empat puluh masuk kepada empat; yang empat itu masok kepada sa-buah.

Maka di-turunkan pula hukum tujuh perkara menghukumkan hamba Allah Taala di-dalam dunia; satu hukum kepada Nabi Adam, kedua hukum kepada Nabi Daud, ketiga hukum kepada Nabi Sulaiman, keempat hukum kepada Nabi Musa, kelima hukum pada Nabi Isa, keenam hukum kepada Nabi Ibrahim, ketujuh hukum kepada Nabi Mubammad. Maka Nabi Mubammad turunkan pula empat perkara hukuman kepada sababat empat itu: hukum dunia kepada Abu Bakar, hukum yang lemah; kepada Baginda

Omar, buktum kuat keras; kepada Baginda Osman, di-beri buktum lemah sa-dikit, kuat sa-dikit; kepada Baginda Ali di-beri buktum yang murab. Maka demikian itu-lah di-bukumkan di-atas sekalian bamba Allah anak Adam, apa-apa bichara berbukum salah dan benar, sekalian bamba di-dalam dunia ini. Maka tiap-tiap di-bukumkan buktum yang lemah itu-pun, jika betul tiada dengan aniaya boleh juga di-bukumkan; maka buktum yang kuat keras itu pun jika tiada aniaya boleh juga di-bukumkan, dan buktum lemah sedikit keras sedikit itu pun jika betul dengan salah-nya boleh juga, dan buktum yang murab itu pun, jika betul boleh juga di-bukumkan dengan benar-benar-nya anak Adam. Babawa maka ini-lah undang-undang sembilan puloh sembilan keturunan dari-pada Raja Nasruan Adil, anak Raja Kobat, nama negerinya Medayan, raja mashrek maghrib.

6. "Undang-undang orang mengambil perempuan orang, apa buktum-nya?" Maka sembah Menteri, "Di-buang dari-pada mukmin itu, jika tiada di-buang di-denda sa-paba tiga tabil emas; perempuan itu di-derakan di-pintu masjid di-chukur akan dia tetapi jika lalu mengadakan denda lepas-lah dia."

7. "Undang-undang sa-sa-orang perempuan bendak cberai dengan laki-nya, apa buktum-nya?" Maka sembah Menteri, "Hukum-nya, jika sudah sampai tiga kali ka-balai ia mengadu, boleh juga di-cberaikan, tetapi kena perempuan itu menehus talak sa-banyak belanja nikah-nya, dan kena undang-undang balai sa-paba emas. Dan jika laki-laki bendak cberai, nescaya kena timbang di-dalam tiga bulan dua paba emas, belanja nikah di-bayar semuanya dengan emas; karna jikalau mana-mana anak Adam nikah, belanja-nya tiada lebih dari-pada sa-tabil sa-paba emas. Maka timbangan itu, jika tiada emas, baharu-lah boleh yang lain-lain, karna dalam tiboh anak Adam itu darab ada-nya."

JADI RAJA

11. Undang-undang orang jadi raja atau jadi penghulu di-dalam sa-buah negeri atau mukim: maka titah Raja Nasruan Adil, "Bagaimana adat-nya?" Maka sembah Menteri, "Ada-pun butang penghulu kepada rakyat-nya, pertama-tama mati rakyat-nya di-tanam, kedua bilang rakyat-nya di-cbari, ketiga kusut di-selesaikan, ke-empat jika salah di-patutkan. Maka butang rakyat kepada penghulu, datang ia; dan di-suroh, pergi ia; dan lagi tatkala orang mengadap bicbara itu libat baik-baik rupa-nya jika orang yang salah itu, salah rupa-nya, salah duduk-nya, salah berdiri-nya, salah perkataan-nya serba yang salah sa-barang laku-nya, maka mereka yang salah itu di-salahkan juga, dan demikian pidu yang benar itu bendak-lab di-benarkan juga hukum-nya, tetapi boleh di-bezakan antara salah kecil dan salah besar di-atas mereka-mereka sekalian, dan lagi di-atas bicbara mereka itu di-bukumkan betul-betul, jangan di-ambil paedah di-atas mereka-mereka itu tatkala di-dalam mana-mana bicbara pun."

12. Undang-undang orang jadi pegawati perentab di-dalam mukim mana-mana: maka titah Raja Nasruan Adil, "Apa bucum-nya?" Maka sembah Menteri, "Boleh dapat makanan pada di-atas orang Islam: pertama bakim yang menghukumkan daerah mukim itu, kedua-nya imam, ketiga-nya penghulu yang memelihara masjid, ke-empat khatib, kelima bilal, keenam pawang, ketujuh bidan. Sebab ada pelihara-nya di-atas mukim; jikalau ada di-kuatkan siapa mereka yang tiada sembahyang Jumaat, kena dam se-tengah paba emas; ada pun imam itu mau-lab membetulkan tahun dan bulan dan hari, betulkan apa-apa ugama Islam, ya'itu petua di-atas sakalian ma'mum-nya; dan bucum orang menjadi khatib itu menegakkan daripada sekalian benchana; dan bila itu raja di-dalam masjid dan pawang itu raja di-dalam rumah orang yang berubat karna sakit dan ladang atau di-tempat galian; bidan itu raja di-dalam rumah orang yang sakit bendak bersalin tetapi sekalian-nya itu tualok kepada penghulu semua-nya."

BUNUH ORANG

23. "Undang-undang orang membunuh sama Islam: maka titah Raja Nasruan Adil: "Apa-lah hukumnya?" Maka sembah Menteri, "Ya tuan-ku, jika di-bunuh orang Islam sama Islam tiada boleh di-bunuh ia jika di-bunuh jadi di-belakan binasa-lah kedua-nya, jadi mati kafir yang membunuh; yang boleh di-bukumkan kena diat empat tabil dua paha emas sa-kurang-kurang-nya dua derbam, di-sedekah-kan supaya lepas denda sa-tabil sa-paha emas."

JADI RAJA ATAU ORANG BESAR

24. "Undang-undang mengadap raja-raja atau orang besar-besar: maka titah Raja Nasruan Adil, "Apa hukum-nya?" Maka sembah Menteri, "Tatkala dudok di-balai itu mau-lah tundukkan kepala dan tiada boleh di-liarkan mata dan jangan memandang muka-nya dan suara jangan di-besarkan. tetapkan diri seperti dudok diam di-dalam adat."

25. "Undang-undang orang menjadi Hakim di-balai tatkala datang pendawaan, apa buhum-nya?" Maka sembah Menteri, "Hakim itu pertama-tama dabulu ingatkan Allah dan Nabi, kedua ingatkan diri sendiri, ketiga semua-nya orang itu, keempat ingat-kan chucha pemanah bari-nya, kemudian baharu di-pereksa daripada mula datang kesudaban-nya, jika sudab demikian itu jikalau orang yang salah rupa muka-nya dan chakap-nya pun salah, dudok-nya pun salah, berjalan pun sulah, daripada rupa-nya." Maka titah Raja Nasruan Adil, "Apa pula buhum-nya?" Maka sembah Menteri Khodia Berdza Amir Hakim, "Boleh cbarikan mana-mana jalan-nya."

AMBIL PEREMPUAN ORANG

67. Undang-undang orang mengambil perempuan orang; maka titah Raja Nasruan Adil, "Apa buhum-nya?" Maka sembah Menteri Khoja Berdza Amir Hakim, "Ya tuan-ku, jika bertemu di-dalam tiang empat itu, boleh di-tikam

oleh laki-laki tiada apa-apa dawa sa-belah perempuan itu dan kerat rambut-nya, jika sudah sampai pada raja atau pada penghulu mukim itu, tiada-lah boleh di-hunoh lagi, hukum-nya perempuan itu turun badan sahaja lagi, jika butang pulang pula mereka yang mengambil perempuan itu dan - lagi belanja nikah perempuan itu pulang pada laki-nya itu, dan salah kepada laki-nya itu kena denda sa-tabil sa-paha emas. Jika lalu di-bayar-nya boleh mereka itu lepas boleh nikahkan, dan jika tiada terbayar-nya apa-apa adat negeri itu, tiada boleh di-nikahkan, orang itu di-balau daripada mukim itu serta di-dendakan sa-tabil sa-paha emas, jika tiada bayaran-nya ambil barang-barang-nya apa yang ada pada badan-nya, sebut seperti binatang."

AMBIL TUNANG ORANG

68. "Undang-undang mengambil tunangan orang, apa hukum-nya?" Maka sembah Menteri, "Tiada boleh di-hunoh hingga boleh di-pikul jika kesalaban itu sampai pada penghulu boleh di-nikahkan tetapi belanja-nya ganda, yang ganda itu pulang pada tunang-nya dan kena denda sa-tabil sa-paha emas; dan jika ada sa-suatu tanda tunang-nya itu yang beri kepada perempuan itu, satu pulang dua, jika barang makan barang pakatan yang sudah di-pakai oleh tunang-nya, tiada-lah boleh pulang balek, jika laki-laki yang mengambil itu tiada lalu membayar mana-mana adat negeri serta kaum-nya pun tiada boleh di-nikahkan, dan boleh di-balau dan di-pukul dan di-rampas; mereka itu membuat angkara nama-nya."

99. Undang-undang raja-raja dengan orang-orang besar-besar dan orang rakyat, dan rakyat dengan orang besar-nya, maka apa hukum-nya?" Maka sembah Menteri, "Ya tuan-ku, jika ada barang apa-apa yang datang baik atau jahat, jangan di-taroh di-dalam hati mau-lah di-titahkan pada orang besar-besar itu, jika ada apa-apa baik dan jahat mau di-sehutkan pada raja-nya, jangan-lah di-taroh di-dalam hati. Dan lagi raja-raja atau orang besar-besar jikalau apa-apa bicara baik dan jahat itu mau-

lah di-nyatakan pada rakyat boleh tahu ia dan ingat; dan tiap-tiap raja dan orang besar-besar itu barang apa-apa bicharu bendak di-terangkan; jika di-sembunyikan apa-apa titahkan sa-mula, jangan tidur adat negeri ada-nya." Terkarang pada Saiyid Jafar bin Saiyid Unus, Dato' Penghulu Kuala Teja, di-dalam Kinta, negeri Perak.

Pada suatu hari Baginda memanggil alim ulama berhimpun di istananya, di Bukit Chandan, Kuala Kangsar untuk berbincang sesama mereka bagi mencari jalan untuk melaksanakan undang-undang Islam di negeri Baginda. Baginda telah memerintahkan alim ulama yang hadir itu supaya menyusun kertas kerja bagi melaksanakan undang-undang tersebut.

Antara alim ulama yang hadir itu ialah Sheikh Haji Nawawi bin Mohammad, Haji Mohammad Zin Minangkabau, Sheikh Tahir Jalaluddin dan Sheikh Abdullah Fahim. Sheikh Tahir Jalaluddin tinggal di Muar, Johor. Dia dipanggil ke istana itu kerana dia seorang daripada ulama-ulama besar anak Perak.

Sultan Alang Iskandar menitahkan alim ulama itu menyiapkan secepat mungkin kertas kerja itu. Sheikh Abdullah Fahim telah diperkenankan oleh Baginda untuk menjadi pengerusi alim ulama yang akan menyusun kertas kerja undang-undang Islam di negeri Perak itu.

Almarhum Sultan Idris Shah dan Temenggong Dato' Wan Hamaruddin menceritakan kepada penulis, bahawa akan hal alim ulama telah berhimpun di istana Sultan Perak itu telah diketahui oleh Residen Inggeris yang pada masa itu tinggal di Kuala Kangsar. Pihak kerajaan Inggeris menaruh perasaan curiga akan kehadiran Sheikh Abdullah Fahim dan Sheikh Tahir Jalaluddin. Mereka itu dipandang oleh pihak kerajaan Inggeris sebagai ulama "kaum muda" dan mereka telah menyertai pergerakan anti-Inggeris di luar negeri seperti di Hijaz, Mesir, Iraq dan Palestin.

Esoknya, pihak Residen Inggeris telah mengarahkan seorang ulama atau kadi untuk membawa surat sulit Residen

Inggeris untuk disebarkan kepada Sultan Alang Iskandar. Kandungan surat rahsia itu adalah berhubungan dengan alim ulama yang telah berhimpun di istana Sultan, terutama mengenai Sheikh Abdullah Fahim dan Sheikh Tahir Jalaluddin.

Residen Inggeris itu telah menulis surat fitnah terhadap dua orang ulama itu. Mereka disifatkan orang-orang yang memusuhi kerajaan Inggeris dan sedang menjalankan langkah untuk menggulingkan Sultan Alang Iskandar dan raja-raja Melayu.

Seperti kebanyakan raja-raja di dunia, bahawa kuasa di tangan mengeneipikan fikiran dalam kepala, maka sebaik-baik sahaja Almarhum Sultan Alang Iskandar selesai membaca surat fitnah daripada Residen Inggeris itu, kemurkaan kepada alim ulama itu telah menguasai peribadinya. Almarhum telah mengeluarkan perintah menghalau Sheikh Abdullah Fahim dan Sheikh Tahir Jalaluddin dari negeri Perak dalam tempoh 24 atau 36 jam.

Sheikh Abdullah Fahim telah meninggalkan Bukit Chandan dengan diiringi oleh orang-orang dari Kepala Batas, Sungai Dua dan kawasan sekitar dalam beberapa buah bas dan kereta. Sheikh Tahir Jalaluddin pulang ke Muar.

Pada hari Sheikh Abdullah Fahim meninggalkan murid-muridnya yang berendam air mata di Bukit Chandan, Sultan Alang Iskandar berada di Ipoh.

Waktu hendak meninggalkan Bukit Chandan, Sheikh Abdullah Fahim sentiasa mengucapkan "*Masya Allah*". Ucapan itu telah menjadi ucapan biasa bagi dirinya.

Sebaik-baik sahaja Sheikh Abdullah Fahim meninggalkan Bukit Chandan, Allah mentakdirkan semua kawasan Bukit Chandan termasuk istana Sultan Perak telah tiada air. Semua perigi menjadi kering dan air di dalam takungan di istana Sultan juga kering.

Sejak hari itu hingga esoknya penduduk-penduduk Bukit Chandan terpaksa turun mandi dan mengambil air di Sungai Perak. Almarhum Sultan Idris Shah memberitahu, bahawa sebaik-baik sahaja ayahandanya berangkat tiba dari

Ipoh, Baginda dimaklumkan akan perihal seluruh Bukit Chandan telah kekeringan air. Tiba-tiba Baginda tunduk dan mengucap *istighfar*. Baginda telah sedar akan kesilapannya menghalau ulama-ulama yang dipandang dan dihormati oleh orang ramai itu.

Almarhum telah memerintahkan Temenggong Dato' Wan Hamaruddin dan beberapa orang Orang Besar-besar Negeri supaya pergi ke Kepala Batas malam itu juga untuk menjemput Sheikh Abdullah Fahim pulang ke Bukit Chandan. Baginda juga menitahkan Temenggong supaya menyampaikan "minta ampun dan maaf" Baginda kepada Sheikh Abdullah Fahim kerana menghalaunya dengan tiada usul periksa.

Temenggong Dato' Wan Hamaruddin dan Orang Besar-besarnya telah pergi ke Kepala Batas untuk menemui Sheikh Abdullah Fahim. Dalam pertemuan mereka dengan ulama itu, mereka menjadi kecewa kerana Sheikh Abdullah Fahim telah membuat keputusan muktamad tidak akan pulang ke Bukit Chandan.

"Sampaikan salam saya kepada Baginda, saya akan menetap di sini, nak buka sekolah agama...", kata Sheikh Abdullah Fahim kepada Temenggong Dato' Wan Hamaruddin.

"Baliklah, ada air, ada air,... *masya Allah, masya Allah, masya Allah.*" kata Sheikh Abdullah Fahim.

Temenggong Wan Hamaruddin dan Orang Besar-besarnya tiba di Bukit Chandan pada waktu Subuh. Mereka telah diberitahu oleh penduduk-penduduk, bahawa sejak malam tadi air telah ada semula di Bukit Chandan.

Sultan Alang Iskandar yang telah menerima khabar bahawa Sheikh Abdullah Fahim tidak mahu pulang ke Bukit Chandan terlalu sedih.

Sementara menunggu sekolah agama dibina (sekarang terkenal dengan nama Daeratul Maarif al-Wataniyah), Sheikh Abdullah Fahim mengajar di masjid Kepala Batas. Ramai murid-muridnya di Bukit Chandan telah datang belajar di Kepala Batas. Murid-murid itu menjadi rakan karib anaknya.

Ahmad Badawi masa di Bukit Chandan.

Kira-kira tahun 1934 barulah sekolah yang dibina oleh orang ramai itu siap. Sheikh Abdullah Fahim mengajar dengan dibantu oleh beberapa orang guru muda.

Cerita Almarhum Sultan Idris Shah kepada penulis, bahawa peristiwa itu meninggalkan kesan yang mendalam dalam diri ayahandanya. Tidak berapa lama kemudian ayahandanya telah menyamar sebagai orang kebanyakan telah pergi ke Kepala Batas menemui Sheikh Abdullah Fahim dan memohon maaf kepadanya.

Almarhum Sultan Alang Iskandar telah menyuruh putera-puteranya - Sultan Idris (belum menjadi Raja Muda), Raja Ahmad Shahbuddin (Raja Tam) dan Raja Ismail supaya pergi berguru kepada Sheikh Abdullah Fahim dan memandangnya seperti datuk atau bapa.

Semenjak itulah Almarhum Sultan Idris telah menuntut ilmu usuluddin, tasawuf dan beberapa ilmu lain, termasuk ilmu dapat mengetahui akan tiba kematian, iaitu dengan mengamalkan ayat al-Qur'an.

Almarhum Sultan Idris Shah telah mengakui yang Allahyarham Sheikh Abdullah Fahim adalah seorang yang *basysyaf* dan mempunyai ilmu *ladunni*.



Kekeramatan

BAGI orang-orang Islam yang memahami akan keistimewaan alim ulama yang diakui oleh Nabi Muhammad s.a.w. yang mereka itu waris para nabi, maka tentulah percaya, bahawa pada kebanyakan ulama yang warak, mujahid dan ikhlas dianugerahi Allah ke atas mereka akan **kekeramatan - karamah**. Demikian juga Allahyarham Sheikh Abdullah Fahim pada masa usianya meningkat lebih setengah abad. Allahyarham mempunyai karamah - kekeramatan - atau kuasa Allah dengan serta merta setelah perbuatan dilaku atau perkataan dikeluarkan.

Antara karamah - kekeramatannya - lahir daripada petunjuk Allah kepadanya menerusi *ilham, firasat dan ladunni* atau ketajaman mata hati, ialah **tentang tarikh kemerdekaan negara 31 Ogos 1957, menghendaki rombongan Tunku Abdul Rahman ke London berhubung dengan tuntutan kemerdekaan tanahair dan Bukit Chandan kekeringan air.**

Ada lagi beberapa kejadian ganjil telah berlaku setelah Allahyarham mengeluarkan perkataannya, iaitu seperti yang telah diceritakan oleh dua orang yang rapat dengannya seperti berikut:

Setiausaha Politik kepada Menteri Luar Malaysia Encik Abdul Fatah bin Abdullah, anak tumpah darah Kepala Batas dan rapat dengan keluarga Sheikh Abdullah Fahim

memberitahu penulis, bahawa kira-kira pada tahun 1950-an telah berlaku kejadian daripada kekeramatan ulama itu. Pada suatu malam, Sheikh Abdullah Fahim sedang beribadat seperti biasa di dalam masjid Kepala Batas. Sekumpulan lelaki Cina di dalam sebuah kedai di seberang jalan raya tidak jauh dari masjid itu mengadakan majlis minum-minum, mereka menyanyi dan keadaan riuh-rendah. Oleh kerana terlalu bising Sheikh Abdullah Fahim telah keluar dari masjid itu dan berdiri di halamannya dan merenung ke arah orang-orang Cina yang membuat bising itu sambil mulutnya mengucapkan "*Masya Allah*" beberapa kali. Sebentar kemudian dengan tiba-tiba datang ribut dan hujan lebat dan pokok besar (pokok dedap) dekat rumah kedai itu tumbang dan menghempap sebahagian rumah kedai tersebut.

Imam masjid Kepala Batas dan bekas murid Sheikh Abdullah Fahim, Haji Abdul Rahim bin Abu Bakar dalam satu temubual penulis dengannya di Kepala Batas pada 8 April, 1996 telah menerangkan kekeramatan Sheikh Abdullah Fahim seperti berikut:

"... Tentang karamah dia (Sheikh Abdullah Fahim), dia pergi ke kedai (di pekan Kepala Batas), seorang Cina *duk* jual buah-buahanlah, kemudian Cina tu *semawa* kepada dia buah-buah buruk, buah tak masak, dia kata kepada Cina tu tak mahu, tak mahu, tak laku, dia kata tak laku sahaja. Lepas tu sampai belas-belas tahun kedai tu, siapa sewa pun, *duk* tak laku situ kedai tu. Aaa, Cina tu nak pekenakan dia... Kedai tu *mai* Cina mana, jual apapun tak laku..."

"Kemudian ada lagi satu, orang-orang Cina dalam pasar lama dulu kalau dia cukup suka masuk ke kedai tu, barang-barang kedai tu laku."

"Ada lagi satu, *ana* pergi makan kenduri arwah dengan dia dekat Permatang Bertam *nun*, ada satu kilang papan orang Melayu punya, jual *kat* Cina, jual *kat ana* pun tak apa, Cina tu buka kilang tu tak maju, tak lama kilang tutup, kemudian

tanah tapak kilang tu dibeli oleh orang Melayu..., sampai *kat la ni* tanah tu jadi hak orang Melayu..."

Mengenai rumah tempat tinggal Sheikh Abdullah Fahim dan keluarganya di Kepala Batas, Haji Abdul Rahim berkata:

"Bila dia pindah dari Bukit Chandan, dia tinggal di rumah tula. Kami di Kepala Batas ni nak *pebaik*, nak bagi jadi elok, dia tak mahu. Dia kata *biaq pi*, jangan *pebaik*."

"Dia mengajar di sekolah yang ada sekarang ni, tapi sekolah lama, sekolah-sekolah baru."

"Masa tu banyak pondok, ada dua tempat, satu di belakang sekolah, satu lagi dekat padang belakang rumah dia, tapi pondok-pondok tu dah tak ada lagi."

"Rumah *la ni* (telah jadi rumah UMNO Bahagian Kepala Batas) kami kenal rumah sejarah, kerana Tunku Abdul Rahman telah datang jumpa Sheikh Abdullah Fahim bertanyakan tarikh yang baik untuk kita sambut merdeka."

"Saya ingat benarlah, Sheikh Abdullah Fahim kata 31 Ogos tarikh yang paling baik untuk kita sambut merdeka."

Bekas Ahli Dewan Rakyat kawasan Bayan Lepas, Haji Subky bin Abdul Rauf - cucu tiri Sheikh Abdullah Fahim dan tinggal bersamanya - menceritakan tentang kekeramatan ulama itu:

"... Mengenai kekeramatan dia, saya masih ingat, iaitu dia nak beli buah mempelam, buah mempelam tu tak masak lagi, Cina tu kata, Pak Aji buah ni tak masak, tak boleh makan lagi, dia kata, tak masak tak apalah, dia pun tak beli."

"Jadi buah tu sampai beberapa minggu kemudian pun tak masak-masak, Cina pun naik hairan, pasal apa, buah ni selalunya masak, tapi buah ni tak masak."

"Jadi Cina tu tanya kepada kawan-kawannya pasal apa buah mempelamnya tak masak-masak. Kawannya tanya *kot* dia ada kata apa kepada sesiapa ke. Dia menjawab, dia ada cakap dengan satu orang tua, iaitu Tok Aji, itu bapa Aji Ahmad. Jadi kawan-kawannya kata, *bang* jangan main-main dengan dia, dia ni macam keramat. Kalau *bang* kata pada dia tak boleh jual, tak apa, jadi sampai beberapa hari kemudian tak boleh jual buah tu. Jadi itulah satu contoh yang dia ni kita nak kata keramat pun, kuasa Allah Subhanahu wa Ta'ala. Jadi bagi keyakinan orang ramai kata dia macam keramatlah. Jadi kalau dia kata tak usah, maka tak usah buatlah, kalau kita buat juga, kita akan menerimalah... Ha, bagi kami keluarga dia, apa yang dia kata tu kami kena ikutlah, kalau dia kata jangan, tak buat, kalau dia kata buat, kami buat."

"Anak dia, ustaz Haji Ahmad Badawi pun kalau nak cakap, nak bincang dengan dia, dia tanya sesuatu biasanya dalam bahasa Arab. Satu cerita menarik perhatian saya, ialah Haji Ahmad Badawi ni menghisap rokok yang banyak, tapi walaupun yang Sheikh Abdullah tahu yang dia ni hisap rokok, tapi dia tak pernah tunjuk depan ayah dia yang dia tu hisap rokok. Dia sentiasa sembunyi tangan dia (sedang pegang rokok). Kalau sebatang rokok tu jadi *babu* di tangan dia saja bila sedang bercakap dengan Sheikh Abdullah Fahim. Dia tak hisap dengan bapa dia, walhal bapa dia (Sheikh Abdullah Fahim) hisap rokok juga."

"Kerana dia (Haji Ahmad Badawi) hormat orang tua, dia tak hisap hingga rokok jadi *babu* di tangan dia."

"Itulah satu contoh anak menghormati bapa. Haji Ahmad Badawi sangat menghormati orang

tuanya hingga orang tuanya meninggal dunia.”

“Sebagai keluarga yang terdekat kepada Abdullah bin Ibrahim atau dikenali dengan nama Sheikh Abdullah Fahim atau masyarakat tempatan memanggilnya Tok Ngah Lah. Saya adalah cucu kepada Haji Abdullah yang boleh dikatakan besar dan mendapat pendidikan agama di Kepala Batas yang mana tinggal bersama Datuk Seri Abdullah Badawi. Jadi Sheikh Abdullah Fahim ni satu orang yang mempunyai pendidikan agama Islam yang benar-benar mahu melihat supaya keluarganya mempunyai didikan agama Islam yang sempurna.”

“Sebagai contohnya meminta kami supaya baca Qur'an lepas sembahyang dan sebelum nak tidur meminta kami membaca satu ayat '*lau anzalna*' yang merupakan satu '*azimat*' dan kalau boleh hafaz '*lau anzalna*' itu.”

KETERANGAN:

Lau anzalna merupakan ayat 21-24 surah al-Hasyr yang ertinya seperti berikut:

Kalau Qur'an ini Kami turunkan ke atas sebuah gunung, tentu kamu akan melihat gunung itu tunduk dan belah kerana takutnya kepada Allah. Itulah perumpamaan yang Kami ciptakan untuk manusia, supaya mereka dapat memikirkan.

Dialah Allah, tiada Tuhan selain daripadanya. Maha Mengetahui perkara yang tersembunyi dan yang terang. Dia Pemurah dan Penyayang.

Dialah Allah, tiada Tuhan selain daripadanya. Pemerintah, Maha Suci, Pembawa Keselamatan, Pemelihara Keamanan, Penjaga segala sesuatu, Maha Kuasa, Maha Perkasa, Maha Agung, Maha Mulia (Suci) Allah dari apa yang mereka persekutukan.

Dialah Allah, Pencipta, yang Mengadakan, Pembentuk rupa, Dia mempunyai nama-nama (sifat-sifat) yang baik. Apa yang ada di langit dan di bumi mentasbib memuliakan-Nya. Dan Dia Maha Kuasa dan Maha Bijaksana.

Cerita Haji Subky seterusnya:

"... Bila masuk waktu dia mengingatkan kami supaya sembahyang, bila masuk waktu sembahyang, *solah, solah, solah*,... walaupun kami tidur, *solah, solah* tu tetap disebut. Kalau kami lambat bangkit juga, dia bawa satu bantal atau serban dia pukul belakang kami, jadi kami terpaksa kena bangkitlah."

"Begitu juga pada waktu makan, kami kena makan sekali (bersama) dengannya. Dia tak banyak cakap, tapi dia tanya kami sudahkah baca '*Bismillab*'. Pendek kata kami cucu-cucu kepada Haji Abdullah Fahim ni dididik dengan didikan agama yang begitu sempurna."

"Mengingatkan kami membaca Qur'an, kitab-kitab dan saya mengikuti kelas umum yang diadakan di masjid waktu lepas Maghrib hingga Isya'."

"Kelas umum ini bukan saja dibuka kepada pelajar-pelajar saja, tapi dibuka kepada orang ramai, kepada masyarakat kampung tiap-tiap malam. Dia mengajar tafsir *Jalallain* dan Hadith *Sabih Muslim dan Bukhari*."

Mengenai makanan yang digemari oleh Sheikh Abdullah Fahim, Haji Subky bercerita:

"Pada waktu pagi, *futur* - makan pagi, dia suka makan roti atau dia suka makan '*jubun*' iaitu keju ataupun atok saya atau mak Datuk Abdullah buatkan susu masam, cich dengan roti."

"Dia makan nasi tak banyak, tapi ikut waktu. Dia selalu makan lepas waktu sembahyang."

"Dia banyak menggunakan masanya dengan membaca kitab dan menulis (mengarang)."

Dalam usia yang telah tua, oleh kerana umat Islam di Pulau Pinang sangat memerlukannya untuk menjadi Mufti kerajaan negeri itu, maka Sheikh Abdullah Fahim telah memegang jawatan tersebut kira-kira lima tahun sehingga Allahyarham meninggal dunia di rumahnya jam 8.00 malam 28 April (Khamis) 1961.

Jenazahnya telah disemadikan di pusara yang terletak di sisi (sebelah barat) masjid Kepala Batas.

Allahyarham meninggalkan seorang isteri, iaitu Hajjah Shari'ah binti Haji Hassan, anak lelaki, Datuk Haji Ahmad Badawi, cucu-cucu, iaitu Datuk Seri Abdullah Badawi, Ibrahim yang kini pengusaha kilang makanan "Berahim" di Bangi, Mansur pegawai di Jabatan Pendaftaran Negara, Pulau Pinang dan cucu perempuan Aminah.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ الْحَمْدُ لِلَّهِ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
 وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ (أما بعد)
 تعارف، سردیامعلوم برکتی، تاهن به او اور ان کا مزید سہولیات
 ذری فرمکت کتاب وہ ہفتکا فرمکت کاتبی
 عوام، قاضی، علماء، منتہری، ہفتکا راج، کلین فرمکت بر مذہب
 دینی مذہب الامام الشافعی اجماعاً تبادا سورج نوریم بر مذہب
 لاین در فرما مذہب شافعی (يَحْرَمُ خَرْقُ الْاِجْمَاعِ)
 ۱ امبیل فرمکت حکم، فقہ شافعی در فرما کتاب تحفہ، دان
 کتاب نہایہ ہفتکا کتاب الام دان مختصرات دان ترجمہ
 کتبہ ہما ملا یوسف فرقی سبیل المرقدی، بغیۃ اللہلاب
 دان نطمع البدری دان لایلی
 ۲ اصول الدین اتسی فرجا نذرانی الحسن الاشعری
 دامبیل کن در فرما شروع دان حواشی ام البراہین دان جہوزہ
 دان سبکی در فرما کتاب، ملا یوسف
 ۳ علم تصوف اتسی فرجا نذر الامام الغزالی
 دامبیل کن در فرما نورا العابدین، اہباء علوم الدین
 دان ترجمہ کن کتبہ ملا یوسف فرقی سیر الساکین
 کتاب اتسی کتاب، دان سؤفغان سکالا حکوم والمرکز کسوا
 مستنبط در فرما قرآن دان حدیث یقہ ہا لرسی دان
 دان قیس اولہ علماء اجلاء دعمل دتندی سوہ لیبہ در فرما
 سریو تاهن دان ترجمہ کتبہ ہما ملا یوسف برکتی، تاهن
 برکتی




Rumah peninggalan Sheikh Abdulah Lahim di Jalan Reau, Bayan Lepas, Pulau Pinang.



Rumah peninggalan Allahyarham Sheikh Abdullah Fahim dan Datuk Haji Ahmad Badawi di Kepala Batas, kini menjadi pejabat UMNO bahagian Kepala Batas. Di dalam rumah inilah penetapan tarikh kemerdekaan negara 31 Ogos 1957 ditentukan oleh Sheikh Abdullah Lahim.



Bangunan Sekolah Daeeratul Maarif al-Watanyah, Kepala Batas yang telah ditubuhkan oleh Allahyarham Sheikh Abdullah Fahim. Sekolah ini dibina semula mengikut bentuk bangunan asal



Masjid Kepala Batas tempat Allahyarham Sheikh Abdullah Fahim mengajar tafsir al-Qur'an, al-Hadith dan beribadat



Haji Sulaiman Paestri.




Bekas ahli Dewan Rakyat kawasan Bayan Lepas, i. Haji Subky Abdul Rauf yang masa kanak-kanak dan remajanya tinggal bersama Snokh Abdulah Fahim.



Bekas ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang dan Setiausaha UMNO bahagian Kepala Batas, Haji Md. Noor bin Ahmad.



Guru Sekolah Daeratul Maarif al-Wataniyah, Kepala Batas, Ustaz Haji Abdul Razak bin Mohd. Isa mund kepada Snokh Abdulah Fahim.



Allahyarham Haji Mat Saman Kati.



Ustaz A' bin Haji Hussein bekas mend Allahyarham Datuk Haji Ahmad Badawi.




Bapa Dr. Mahathir Mohammad, Mr. Mohammad Iskandar.




Haji Ahmad Tuan Hussein, Ahli Dewan Rakyat PAS yang tunggal dalam pilihanraya 1955.



Almarhum Sultan Alang Iskandar.




Al-Fahm Alahyarham Sheikh
Abdulrahman bin Husayn al-Fahm, Hujjan
Shar'iah bint Husayn al-Fahm.



Al-Fahm Alahyarham Sheikh Abdulrahman bin Husayn al-Fahm d. Tanah Perkuburan Islam
Kepala Batas (batu nisan kecil) dan sebelahnya pusara Alahyarham Datuk
-la Ahmad Badawi (batu nisan besar).




Almarhum Sultan Idris Shah dengan Raja Azam bin Raja Kamaruzzaman yang telah menyertai pertimpunan orang Melayu menentang MALAYAN UNION dan menubuhkan UMNO pada 11 Mei 1946.





BAHAGIAN

2



Ulama dan Ahli Politik

ALLAHYARHAM Datuk Haji Ahmad Badawi bin Sheikh Abdullah Fahim terkenal sebagai seorang ulama dan ahli politik yang gigih berjuang untuk bangsa, tanahair dan agama semenjak Tanah Melayu belum mencapai kemerdekaan hinggalah akhir hayatnya. **Allahyarham adalah salah seorang tokoh penting dalam sejarah perjuangan bangsa Melayu.**

Sepanjang hayatnya — semenjak meningkat remaja hingga ke hujung usianya, Allahyarham memiliki jati diri sebagai seorang tokoh penting dalam sejarah perjuangan bangsa Melayu.

Sebagai seorang ahli sukan, Allahyarham telah mempelopori permainan bola sepak di Arab Saudi, iaitu menubuhkan dua pasukan bola sepak di sana pada tahun 1938. Sebagai seorang ahli agama, Allahyarham menjadi Mudir (Pengetua) sekolah agama — Daeratul Maarif al-Wataniyah, Kepala Batas, Pulau Pinang dan pensyarah atau mubaligh sambilan. Murid-murid Allahyarham berada di seluruh tanahair dan ada yang menjadi ulama, ahli perniagaan, wartawan dan pengarang, petani yang maju dan ahli politik. Allahyarham telah berjuang menuntut kemerdekaan tanahair bersama Allahyarham Dato' Onn bin Jaafar, Kapten Hussein Onn (Tun), Tunku Abdul Rahman Putra, Tun Abdul Razak bin Dato' Hussein dan ramai lagi.

Perjuangannya telah disambung terus-menerus hingga ke akhir hayatnya. Pendeknya Allahyarham Datuk Haji Ahmad Badawi telah ditakdirkan oleh Allah menjadi seorang pejuang tanahair, bangsa dan agama hingga ke akhir hayatnya. Kewajipannya ditunjukkan dengan tulus ikhlas. Allahyarham tidak menghimpun kekayaan untuk diri dan keluarganya di sepanjang lebuhraya perjuangannya.

Allahyarham Datuk Haji Ahmad Badawi tidak melakukan kejahatan dalam arena politik, dalam perjuangan dan pada masa dia memiliki kuasa. Allahyarham telah mengawal dirinya seperti pandangan seorang ulama dan ahli sains politik Islam, Ibn Khaldun:

Kejahatan (*corrupt* dan kecurangan) adalah sifat yang paling rapat dengan manusia apabila dia tidak terdaya (gagal) memperbaiki kebiasaan (watak dan kemahuan)nya dan jika agama (Islam) tidak dipergunakan sebagai landasan untuk memperbaiki dirinya. Sebilangan besar manusia wujud dalam keadaan demikian, kecuali mereka yang telah mendapat taufiq daripada Allah.*

Allahyarham seringkali berkata kepada saya, bahawa perjuangan orang Melayu tidak berakhir dengan tercapai kemerdekaan, kerana perjuangan itu terlalu panjang dan jauh untuk mengisikan kemerdekaan.

"... Kalau tak mahu berjuang lepas merdeka, kita dijajah lagi, dijajah oleh pengaruh luar, kaum kapitalis dan kemaksiatan," katanya.

Bercakap mengenai rasuah waktu Allahyarham singgah di rumah saya di Ipoh pada tahun 1975, Allahyarham berkata, "... Islam melarang perbuatan rasuah di kalangan pemerintah dan rakyat, kerana perbuatan rasuah itu sama jahatnya dengan merompak atau menyamun."

Allahyarham Datuk Haji Ahmad Badawi lahir di Makkah

* Ibn Khaldun, *Muqaddimah Ibn Khaldun*, Qahirah, Darul Kutub, 1385.

al-Mukarramah, kerana datuknya, Sheikh Ibrahim bermastautin di sana. Bapanya, Allahyarham Sheikh Haji Abdullah Fahim telah menuntut ilmu agama Islam di sana dan kemudian menjadi guru di Masjid al-Haram.

Abang Allahyarham, Haji Ahmad Ghazali meninggal dunia di Makkah al-Mukarramah dan ibu mereka juga telah meninggal dunia di sana.

Sheikh Ibrahim bin Haji Tahir berasal dari Kampung Kubur Panjang, Kedah. Allahyarham daripada keturunan orang Melayu Pattani. Di segi nasabnya, Sheikh Ibrahim adalah berkeluarga dengan nasab Allahyarhamah Wan Tempawan binti Hanafi isteri kepada Mr. Mohamad Iskandar.*

Gelaran "**Badawi**" pada diri Allahyarham Haji Ahmad Badawi adalah gelaran bagi satu kaum Arab di Makkah al-Mukarramah, iaitu kaum yang tinggal di pedalaman. Mereka bijak, berani dan pandai memanah dan menggunakan "*manjaniq*". Ketika kanak-kanak, Allahyarham Datuk Haji Ahmad Badawi adalah seorang budak yang sangat nakal, berani dan pintar. Maka kerana kenakalan, keberanian, dan kepintaran yang ada padanya, orang-orang tua rakan datuk dan bapanya menggelarkan dirinya "**Ahmad Badawi**".

Menurut rakan karib Allahyarham, iaitu Setiausaha Politik kepada Menteri Luar Malaysia, Haji Abdul Fatah bin Abdullah, bahawa gelaran "Badawi" itu adalah nama ijazah yang telah diterima oleh Allahyarham Datuk Haji Ahmad Badawi, kerana Allahyarham telah menuntut kepada 40 orang guru agama di Makkah al-Mukarramah dan ijazah itu bernama "**al-Badawi**".

Gelaran itu bertambah kukuh pada Allahyarham Datuk Haji Ahmad Badawi kerana masa usia remajanya, Allahyarham telah melibatkan diri dalam pertubuhan orang-orang Arab menentang penjajah Inggeris, Perancis dan

- * Diceritakan kepada penulis oleh Allahyarham Tunku Abdul Rahman Putra dan Datuk Senu Abdul Rahman.
- * Muhammad Idris Abdul Rauf al-Marbawi — alat peperangan orang dahulukala, *Qamus Idris al-Marbawi*, Mesir, Mustafa al Halabi wa auladihi, 1350H - 1930M.

Yahudi yang bernama "**Badawi**". Pertubuhan ini cabang daripada pertubuhan "**al-Fatah**" yang berpusat di Mesir dan bergerak di Palestin, Lebanon, Jordan dan Libya.*

Kemudian, apabila bangsa Melayu bangun berjuang untuk menuntut kemerdekaan daripada Inggeris, Allahyarham Datuk Haji Ahmad Badawi menyertai perjuangan tersebut, maka nama "Badawi" menjadi suatu nama yang agung pada pejuang tanahair khasnya dan rakyat negara ini amnya. Nama agung ini berpindah pula kepada seorang anak lelakinya, iaitu Datuk Seri Abdullah Badawi, Menteri Luar Malaysia. Kini nama itu terkenal di kalangan anggota-anggota Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan para pemimpin negara seluruh dunia.

Allahyarham Datuk Haji Ahmad Badawi telah dipilih menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang kawasan Kepala Batas (sekarang menjadi nama bagi kawasan Dewan Rakyat yang diwakili oleh anaknya, Datuk Seri Abdullah Badawi) dalam pilihanraya 1959. Semenjak pilihanraya itu, Allahyarham terus dipilih menjadi wakil rakyat kawasan tersebut. Dari tahun 1969 Allahyarham menjadi Ahli Majlis Kerja Kerajaan Negeri (EXCO) hingga akhir hayatnya. Allahyarham pernah memegang jawatan Ketua Menteri Pulau Pinang selama beberapa bulan, iaitu semasa Ketua Menteri, Dr. Lim Chong Eu di luar negeri.

Ketika Allahyarham menjadi Ahli Majlis Kerja Kerajaan negeri Pulau Pinang, Allahyarham sering datang menemui saya (penulis) di Ipoh. Setiap kali bertemu dengan saya, Allahyarham telah bercakap tentang politik tanahair, keadaan dalam UMNO, nasib orang-orang Melayu Pulau Pinang dan mengenai kebangkitan umat Islam.

* Diceritakan oleh Allahyarham Haji Osman bin Haji Mohd Saleh, Imam Masjid Ubudiyah, Bukit Chandan, Allahyarham Sheikh Haji Zubir bin Haji Ahmad, Mudir Madrasah Idrisiyah, Bukit Chandan, Kuala Kangsar dan Allahyarham Haji Mat Saman Kati.


Allahyarham telah membuat ramalan, bahawa pada suatu masa nanti semua parti politik orang Melayu akan bekerjasama dan bersefahaman dalam ikatan persaudaraan Islam.

Allahyarham Datuk Haji Ahmad Badawi berumahtangga dengan Datin Kailan binti Haji Hassan, iaitu adik ipar kepada bapanya, Allahyarham Sheikh Abdullah Fahim.

Isteri Allahyarham Sheikh Abdullah Fahim, Hajjah Shari'ah ialah anak Haji Hassan dengan isterinya yang pertama. Datin Kailan ialah anak Haji Hassan dengan isterinya yang ketiga daripada keluarga Kesultanan Brunei Darussalam.*

Allahyarham Datuk Haji Ahmad Badawi telah meninggal dunia di rumahnya, di Kepala Batas pada jam 4.15 petang, 7 Mei 1977 setelah sakit beberapa hari. Jenazahnya telah dikebumikan di sisi pusara bapanya di tanah perkuburan Islam di dalam kawasan masjid Kepala Batas.

* Diceritakan oleh Haji Subky bin Haji Rauf bekas Ahli Dewan Rakyat (Bayan Lepas), Haji Sulaiman Palestin bekas Speaker Dewan Undangan Negeri, Pulau Pinang dan Almarhum Sultan Idris Shah, Sultan Perak.



Pejuang Tanahair

DATUK Haji Ahmad Badawi adalah satu-satunya ulama yang paling gigih berjuang bersama orang-orang Melayu dalam tempoh tahun 1946 hingga 1957 untuk membebaskan bangsa dan tanahairnya daripada belenggu penjajahan. Perjuangannya adalah dengan hatinya yang tulus ikhlas dan kerana Allah di samping tidak menuntut balasan daripada sesiapa.

Allahyarham merangsangkan dirinya dengan sebuah syair Arab yang bererti:

Bukan pemuda sejati yang berkata (sesuatu itu berlaku) kerana bapaku, sesungguhnya pemuda sejati yang berkata (sesuatu itu berlaku) kerana aku.

Setiap kali Allahyarham mengajar pelajar-pelajar sekolahnya dengan menggunakan buku *Izzatun Nasyieen* — buku kumpulan artikal-artikal politik yang ditulis oleh seorang pengarang dan wartawan Mesir, **Syed Hassan al-Bana**, anggota penerangan **Parti Ikhwanul Muslimin** — Allahyarham sering menyebut syair Arab di atas. Syair itu bukan sahaja merangsangkan dirinya, bahkan merangsangkan setiap orang yang mendengar syarahannya.

“Kita bangsa Melayu beragama Islam, kita dilahirkan ke dunia dalam keadaan merdeka, tapi mengapa kita dijajah, kita diperhambakan oleh orang lain, oleh orang putih?”

Allahyarham selalu bertanya kepada pelajar-pelajarnya dan orang-orang yang datang dan berhimpun untuk mendengar ucapannya.

Kita mesti berjuang untuk membebaskan diri. Kita tidak boleh berdiam diri. Kita tidak boleh kata kalau itu, kalau ini, kerana perkataan "kalau" tidak akan menghasilkan apa-apa. Allahyarham merujuk kepada sebuah syair Arab yang artinya:

***Jika kita tanam "kalau",
maka tumbuhlah "kalau".***

Allahyarham memegang jawatan Mudir (pengetua) Daerahul Maarif al-Wataniyah, Kepala Batas menggantikan tempat bapanya, Sheikh Abdullah Fahim yang telah tua.

Biasanya seorang pengetua sekolah menengah yang mempunyai pelajar lelaki dan perempuan kira-kira 400 orang, mempunyai gaji beratus-ratus atau beribu ringgit pada tiap-tiap bulan, tetapi Allahyarham tidak mendapat gaji. Kalau adapun bayaran yang diterima, hanya berupa elaun kira-kira RM50.00 sebulan.

Kebanyakan wang saku, wang untuk keretanya*, termasuk minyak kereta dan sara hidup keluarganya adalah daripada harta atau wang bapanya, Sheikh Abdullah Fahim.

Allahyarham tidak mengambil gaji daripada sekolah, kerana sekolah tidak mempunyai dana kewangan — hanya bergantung kepada yuran bulan daripada para pelajar sebanyak RM2.00 sebulan. Wang itu diuntukkan kepada guru-guru bawahannya.

Pada tahun-tahun 1946 hingga 1957, dalam satu bulan Allahyarham utukkan kira-kira sepuluh hari tinggal bersama keluarganya dan mengajar pelajar-pelajarnya ilmu politik atau sains politik Islam, tafsir al-Qur'an dan al-Hadith. Hari-hari lain Allahyarham mengembara ke serata tanahair bersama pejuang-pejuang UMNO untuk menerangkan perjuangan

* Kereta jenama Morris 8, model tahun 1951.

UMNO, pentingnya kemerdekaan dan sebagainya kepada orang ramai.

Berbeza dengan ahli-ahli politik dalam UMNO sekarang, Datuk Haji Ahmad Badawi telah menjelajah ke seluruh tanahair dengan keretanya sendiri, yang sanggup lari atas jalan raya sekadar 40 hingga 50 bsj. Tidur di masjid atau surau ataupun di rumah rakan-rakan dan sering makan nasi bungkus yang lauknya sambal ikan bilis dan ikan kembung goreng.

* * *

Di kalangan alim ulama di Utara Tanah Melayu, Allahyarham Haji Ahmad Badawi terkenal seorang alim dan ahli ilmu falak yang peramah, berani, cepat marah dan boleh bersyarah serta syarahannya dapat mempengaruhi beribu-ribu orang.

Sebagai seorang yang rajin dan gigih dari zaman kanak-kanak dan zaman remaja, Haji Ahmad Badawi mempunyai kebolehan menulis khat. Allahyarham boleh menulis khat pada kain rentang dengan menggunakan cat tanpa garisan yang dibuat lebih dahulu.

PEMAIN DAN PENGASAS BOLA SEPAK DI ARAB SAUDI

Sungguhpun Allahyarham pandai bermain bola, tetapi semenjak masuk alam dewasa Allahyarham tidak bermain lagi. Masa mudanya Allahyarham adalah seorang pemain bola sepak yang terkenal di Arab Saudi.

Allahyarham Haji Ahmad Badawi bersama abangnya, Allahyarham Haji Ahmad Ghazali telah menubuhkan dua pasukan bola sepak di Arab Saudi. Kedua-dua pasukan bola sepak itu ditubuhkan sekitar tahun 1937 dan 1938. Allahyarham Datuk Haji Ahmad Badawi sendiri memberitahu penulis, bahawa pasukan pertama telah ditubuhkan pada minggu akhir bulan Disember 1937 dan pasukan yang kedua pada minggu pertama Januari 1938.

Sebuah suratkhbar Arab Saudi, *al-Bilad* yang terbit

di Jeddah pada tahun 1985 telah menyiarkan sebuah rencana khas semuka penuh mengenai sejarah perkembangan bola sepak di Arab Saudi. Dalam rencana itu telah dicatatkan, bahawa Allahyarham Datuk Haji Ahmad Badawi dari al-Jawi — Tanah Melayu - telah melatih pemuda-pemuda Arab Saudi yang terdiri daripada pelajar-pelajar bermain bola sepak.

Rencana itu menyebutkan dua pasukan bola sepak yang telah ditubuhkan oleh Allahyarham Datuk Haji Ahmad Badawi itu, ialah **al-Wadah** dan **al-Ittihad**. Pasukan al-Wadah masih hidup hingga kini.

Seorang bekas wartawan Radio Arab Saudi yang kini menetap di negara ini (enggan disebutkan namanya), telah mengakui, bahawa Allahyarham Datuk Haji Ahmad Badawi adalah anak Melayu yang mempelopori permainan bola sepak di sana dan pemuda-pemuda Arab Saudi belum kenal akan permainan itu.

Bekas wartawan itu mengakui lagi, bahawa dengan berkat usaha Datuk Haji Badawi itu, maka kira-kira 37 tahun kemudian, pasukan bola sepak Arab Saudi telah berjaya merebut Piala Asia sebanyak dua kali.

Haji Sulaiman Palestin bercerita tentang Datuk Haji Ahmad Badawi bersamanya dan ramai pemuda-pemuda Melayu dari Kepulauan Melayu mempelopori permainan bola sepak di Hijaz.

"Haji Ahmad Badawi dan abangnya, Ahmad Ghazali telah menubuhkan pasukan bola sepak yang julung kali di Makkah. Abang dia ni kaki bola. Pada masa itu Arab Saudi tengok bola pun dia orang marah."

"Ghazali ini bermain bola juga. Dia tidak peduli Tok Arab marah. Saya pun dengan Haji Ahmad Badawi ini bercampur bermain bola di Makkah."

"Saya dah tak ingat nama beberapa orang anak Melayu dalam pasukan bola sepak tu, kerana dah lama, tapi saya ada bersama pada masa penubuhan itu..."

Haji Sulaiman Palestin memberitahu, bahawa beliau mula berkenalan dengan Datuk Haji Ahmad Badawi ketika beliau di Makkah. Menurutnya gelaran Badawi yang dipakai oleh ahli politik itu kerana dia dilahirkan di negeri Arab, maka rakan-rakannya yang terdiri daripada orang-orang Arab dan Melayu menggelarkan dirinya "Badawi".

Dua jenis seni silat menjadi senjata mengawal diri Haji Ahmad Badawi, iaitu Seni Silat Pattani dan Seni Silat Sendeng yang menggunakan tongkat pendek atau belantan.

Sebagai seorang ahli politik yang telah mempelajari "sains politik Islam", maka Haji Ahmad Badawi terkenal dalam UMNO semenjak ditubuhkan pada bulan Mei 1946 hinggalah negara mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, sebagai seorang ahli politik "Nasional - Islam".

Haji Sulaiman Palestin adalah rakan karib Datuk Haji Ahmad Badawi semenjak zaman remaja lagi, iaitu ketika mereka tinggal di Makkah al-Mukarramah.

Berikut ini adalah kenyataan Haji Sulaiman Palestin tentang Allahyarham Datuk Haji Ahmad Badawi:

"Apabila UMNO ini ditubuhkan pada zaman Dato' Onn bin Jaafar, saya dan Haji Ahmad Badawi ini sahabat rapat betullah, kami sama-sama dengan Dato' Onn... Dato' Onn memperjuangkan cita-cita UMNO ini, tapi malangnya, dalam dua tahun memimpin UMNO, dia telah membawa satu usul untuk membukakan pintu UMNO ini kepada orang-orang bukan Melayu."

"Pada masa itu kami sebagai pemuda, saya salah seorang ahli Pemuda UMNO di bawah pimpinan Kapten Hussein Onn, anak dia. Jadi bila dia bawa usul itu kita tentang. Dengan penentangan itu akhirnya Dato' Onn sendiri telah merajuk dan menarik diri."

"... Dengan itulah, dengan ringkasnya, UMNO telah diambil alih oleh Tunku Abdul Rahman. Pada masa peralihan itu, Haji Ahmad Badawi telah memegang jawatan Ketua Pemuda UMNO

Malaya, selama, saya tak berapa ingat, tiga atau empat tahun sebelum diambil alih oleh Sardon Haji Zubir. Tapi apabila Tun Sardon ambil alih pun Haji Ahmad Badawi tetap sebagai Naib Ketua Pemuda dalam UMNO."

"Maka apabila Tunku Abdul Rahman mengambil alih UMNO ini, mulalah *platform* kita untuk menuntut kemerdekaan tanahair kita ini.... untuk menuntut kemerdekaan, jadi di sana ada dua cara kemerdekaan yang kita boleh dapat. Satu dengan cara revolusi dan satu cara lagi dengan cara *constitution* atau *non violence*. Tunku Abdul Rahman memilih perjuangan UMNO ini dengan cara perlembagaan."

"Maka apabila kita mula nak menuntut kemerdekaan, maka kita bergeraklah dan menuntut yang pertama sekali supaya diadakan pilihanraya. Pada masa itu di negara kita tidak ada Parlimen, hanya *Federal Council*."

"*Federal Council* diketuai oleh Pesuruhjaya Tinggi British, pada masa itu disandang oleh **Sir Donald Mac Givray**. *Federal Council* mengandungi 100 ahli. Jadi tuntutan kita yang pertama untuk mengadakan pilihanraya *Federal Council*, tapi British tak bersetuju kita mengadakan *Federal Council*, dia nak tengok bagaimana kerjasama kita (orang Melayu) dengan *non Malays* - orang bukan Melayu, Pakatan. Jadi kalau kita boleh menuntut pakatan itu baru dia nak bagi kemerdekaan."

"Itulah, dengan kehendak British itulah tertubuhnya **Perikatan**. Sebahagian orang-orang Melayu dan orang-orang bukan Melayu dan termasuk Dato' Onn sendiri mengingatkan kepada kita bahawa kemerdekaan tidak akan dapat kalau kita tidak berkerjasama dan tak buka pintu UMNO kepada orang bukan Melayu. Pada masa itu dia

dah tubuh **Parti Independence of Malaya Party (I.M.P)**, tapi pada kita, kita tak setuju kerana kita mesti menghidupkan nasionalisme Melayu. Nasionalisme Melayu itu mesti dihidupkan. Maka sebab itu kita mesti kekalkan UMNO.”

“Jadi kita tak mahu hilangkan soal kebangsaan, kerana pada masa kita menuntut kemerdekaan itu, kita lemah dalam segala segi, kita tidak ada semangat *academician*, semangat kaya dan semangat apa tak ada pada orang Melayu, cuma pada orang Melayu ada semangat kebangsaan Melayu. Itu saja yang kita nak menghidupkan.”

“Itulah kita gemburkan semangat kebangsaan Melayu ni habis-habisan untuk mendapatkan kemerdekaan itu. Akhirnya adalah satu pilihanraya *municipality*, ada nama Perikatan kita menang. Orang putih tidak ada jalan lain mesti mengadakan *Federal Election*, tapi orang putih tidak mahu kita majoriti, kita akan tubuh kabinet, kita nanti akan adakan kerajaan sementara untuk mencepatkan kita merdeka.”

“Pada mesyuarat yang akhir antara Tunku Abdul Rahman dengan Pesuruhjaya Tinggi British, dia nak beri 49 kerusi. Jadi kita mahu menerima kehendak orang putih, kita terus meminta supaya kita mendapat majoriti, akhirnya dia (British) setuju beri kita 51 dan 49. Jadi dalam pilihanraya tahun 1955 kita bertandinglah, kita menang 50 kerusi dan kalah satu, yang kalah tu saya (Haji Sulaiman Palestin) di kawasan Kerian. Saya kalah kepada PAS, calonnya Haji Ahmad Tuan Husin.*

“Kemenangan itulah yang membolehkan Tunku Abdul Rahman menjadi Ketua Menteri dan membentuk kabinetnya yang pertama.”

* Haji Ahmad Tuan Husin 8,685 undi, Haji Sulaiman Palestin 8,235 undi.

"Masa dalam soal kabinet itulah kita dah nampak bahawa arus kemerdekaan ni *duk* dekat, maka timbullah gerakan daripada Pemuda UMNO, yang sebenarnya saya, Haji Ahmad Badawi, Sardon Zubir, Othman Saad, Na'im Shukran, Haji Hamzah Alang. Pemuda membuat satu keputusan supaya menentukan tarikh merdeka."

"Jadi dalam perwakilan di Melaka itu yang terpilih untuk membawa *motion* ni enam orang, iaitu saya, Haji Ahmad Badawi, Sardon Zubir, Othman Saat, Na'im Shukran, Haji Hamzah Alang. Kami enam oranglah yang mengutarakan cadangan ini dalam mesyuarat di Melaka yang tarikh 31 Ogos 1957."

Menceritakan tentang Datuk Haji Ahmad Badawi, Haji Sulaiman Palestin berkata:

"... Dalam perjuangan yang lain banyaklah saya dengan Haji Ahmad Badawi ni."

"Haji Ahmad Badawi satu orang yang agak peramah, dan satu orang yang agak cepat marah sikit. Tapi dia tidak jadi yang cepat marah melainkan atas satu-satu kebenaran. Aaa, kalau dia dah kata ini yang benar, sudahlah, jadi dia orang yang *very firm* — sangat tegas, orang yang susah hendak digoncang dia punya kerekor dan dia orang yang berpegang kuat kepada Islamisme ini."

"Macam saya pun orang yang menuntut di sekolah Arab (agama Islam), pondok, jadi saya dengan dia sesuai sangatlah, sebab itulah dalam UMNO dulu kita dapat menubuhkan Majlis Ulama UMNO. Daripada Majlis Ulama itu akhirnya lahirnya PAS."

"Anggota Majlis Ulama itu saya masih ingat, iaitu Haji Ahmad Badawi, Haji Ahmad Maliki, saya

sendiri dan Haji Hassan Yunus.* Jadi kita ada kebimbangan pada masa itu. Tunku Abdul Rahman pun ada bercakap secara *personal* dengan saya, bimbang terhadap alim ulama ini yang mula menunjukkan suka menentang kepada kemerdekaan, iaitu mereka kata merdeka tak masalah. Ulama-ulama ini dah mula kempen dalam kampung-kampung. Jadi kita tau ada setengah ulama itu kempen kerana nafsu mereka, ada setengah tu diupah oleh orang putih.”

“Perjumpaan alim ulama anjuran Majlis Ulama UMNO telah diadakan di Rumah UMNO, Club Road Butterworth. Di situlah lahirnya PAS. Haji Ahmad Fuad jadi Yang Dipertua, saya jadi Ketua Penerangan, Haji Ahmad Maliki jadi Setiausaha, Haji Ahmad Badawi menjadi Bendahari.

“Bila dah tubuh PAS ni Tunku Abdul Rahman pun sukalah kerana kita (orang Melayu) ada dua parti dan Tunku kata kita rasmikan PAS ini ke dalam UMNO supaya PAS dapat mengawal Islamisme ini dalam UMNO.”

“Falsafah Tunku ini memang betul, kerana nasionalisme Melayu tidak boleh dipisahkan daripada Islam kerana nasionalisme Melayu mesti Islam. Yang bercanggah dengan Islam, nasionalisme Melayu tidak dipakai.”

“Itu matlamat kita. Malangnya masa itu, Haji Ahmad Fuad bawa *meeting* di Tanah Liat, Bukit Mertajam. Haji Ahmad Badawi, Haji Ahmad Maliki dan saya pergi sekali saja *meeting* di Madrasah al-Masriyah, Tanah Liat, kita taulah dalam jawatankuasa itu orang Dr. Burhanuddin Helmy, Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM), mereka

* Lihat Mokhtar Petah, *Dato' Haji Hassan Yunus*, Mingguana Tempo, 27 Disember 1992.

tentang PAS ini masuk dalam UMNO, bila undi, kalah, kami kalah, Haji Ahmad Badawi kalah. Kami pun keluarlah daripada PAS."

Bekas Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang dan Setiausaha UMNO bahagian Kepala Batas, Haji Md Noor bin Ahmad dalam percakapannya dengan penulis di rumahnya, di Kampung Manggis, Kepala Batas pada 8 April 1996, beliau telah menceritakan tentang Allahyarham Datuk Haji Ahmad Badawi dan anaknya, Datuk Seri Abdullah Badawi:

"... Kalau tak silap saya, pada tahun 1952 satu majlis muzakarah alim ulama se-Malaya telah diadakan di sekolah Daeratul Maarif al-Wataniyah di sini. Boleh dikatakan seluruh alim ulama di Malaya dan Singapura dan Asia Tenggara telah datang dalam muzakarah itu."

"Muzakarah itu diadakan berkaitan dengan salah faham yang timbul daripada Allahyarham Haji Ibrahim Aqibi. Antara orang yang hadir dalam majlis muzakarah itu ialah ayah Allahyarham Tun Sardon Zubir, iaitu Haji Zubir yang mewakili masyarakat Singapura pada masa itu. Masa itulah Datuk Haji Ahmad Badawi dikenali sebagai seorang ulama yang cerdas dalam bidang politik dan masyarakat."

Haji Md Noor telah mengakui, bahawa Allahyarham Datuk Haji Ahmad Badawi adalah seorang pemimpin masyarakat yang jujur dan tidak mementingkan diri sendiri. Kerana mengenangkan jasa Allahyarham, maka beliau (Haji Md Nor) berusaha memujuk anaknya, Datuk Seri Abdullah Badawi supaya menceburkan diri dalam arena politik dan menyambungkan perjuangan bapanya.

"Saya berpendapat, kalau Datuk Seri Abdullah Badawi tidak dicalonkan untuk menjadi wakil rakyat di Kepala Batas ini, maka perjuangan

datuknya, Sheikh Abdullah Fahim dan bapanya, Datuk Haji Ahmad Badawi hilang begitu sahajalah kalau tak disambung oleh keluarganya, itu yang pertama.”

“Yang keduanya, di segi masyarakat menyambut atau menerima kalau kita pilih Datuk Seri Abdullah ini menjadi wakil rakyat sudah tentulah lebih mudah kerana masyarakat sangat menghormati keluarga dia. Jadi kalau orang lain diletakkan ganti tempat bapanya, kemungkinan akan jadi berbagai-bagai dan parti-parti lain pun akan menentang hebat, jadi akan menghadapi berbagai kesulitanlah.”

“Jadi saya dengan dua tiga orang dalam UMNO ini, pada masa itu saya Setiausaha UMNO Bahagian Kepala Batas. Jadi setelah Datuk Ahmad Badawi meninggal dunia, saya sedar yang Pak Lah ini tidak daftar sebagai pengundi di sini. Saya terpaksa menggunakan namanya dan berusaha mendapatkan dia untuk meletakkan dia sebagai calon ganti bapa dia.”

“Yang pertama sekali hendak menghalang parti lawan jangan lawan, setelah calon lain bukan Datuk Lah dipilih dan saya yakin bukan Datuk Lah akan dipilih sebab Datuk Lah disekat atau dihalang atas pendaftaran pengundi di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur.”

“Saya dan dua tiga orang daripada UMNO Bahagian pergi jumpa Datuk Lah, kami kata kepadanya, *la* ni kami buat keputusan nak *anta* balik. Pada peringkat rundingan yang keempat kali. Tiga kali kami jumpa dia (menghadapi pilihanraya tahun 1978). Kami sebenarnya ada dua calon, calon pertama dia (Datuk Seri Abdullah Badawi) dan calon kedua, Tan Sri Murad Mohd Nor, bekas Ketua Pengarah Pelajaran.”

“Jadi kami *pi* jumpa mula Datuk Lah, dia

kata Iss, nanti pilihanraya lagi sekalilah *kot*. Dia tak mahu terima lagi. Dia tolak."

"Kami kata ada calon lain, iaitu Tan Sri Murad, Datuk Lah kata, eloklah. Kami pergi jumpa Tan Sri Murad. Dia tolak. Balik jumpa Datuk Lah, Datuk Lah tolak. Jumpa Tan Sri Murad lagi. Kali ini Tan Sri Murad kata kepada saya, *no*. Ni aku nak beritahu, aku ni pandai dalam hal aku kerja *lu* ini, tapi aku bodoh dalam politik. Adakah *bampa* orang politik ni berfikir, tempat aku pandai *bampa* suruh aku berhenti, tempat aku bodoh *bampa* suruh aku kerja? Lingkup *bampa* habis, dia kata."

"Saya fikir, alasan yang Tan Sri Murad beri tu munasabah. Jadi dia suruh kami pergi sekali lagi, pergi pujuk Datuk Lah. Dia kata, Pak Lah ni dia pandai, tempat dia buat kerja dan dalam politik dia ada asas. Pak dialah, Tok Wan (Sheikh Abdullah Fahim) melibatkan diri secara langsung dalam politik."

"Aku ni, pak aku bukan *bang* (Mohd Nor), kalau pak aku *bang* tak apalah aku ada asas. Saya pergi jumpa Datuk Lah kali yang keempat. Dia kata *anta* balik dulu, dalam dua minggu *ana* beri jawapan. Cukup dua minggu Datuk Lah pun terima..."

IKHLAS

Haji Ali bin Haji Hussein, bekas murid Datuk Haji Ahmad Badawi bergiat dalam bidang dakwah dan menjadi Pengerusi Tetap UMNO Bahagian Pasir Salak, telah bercerita mengenai Datuk Haji Ahmad Badawi seperti berikut:

"Allahyarham Haji Ahmad Badawi ini, di mana saja dia memberi ceramah di seluruh negara kita ini masa itu (sekitar tahun 1953-1956), kadang-kadang *ana* ikut sama, dia selalu menyebut syair Arab yang ertinya:

***Jika kita tanam kalau,
maka tumbulah kalau*.***

"Jika bangsa kita bergantung kepada kalimah kalau, maka tidak akan berhasil cita-cita bangsa Melayu. Orang Melayu mesti berjuang mati-matian untuk menebuskan tanahairnya yang telah dijajah ini."

"Mengingatkan Haji Ahmad Badawi ini, bila dia meninggal, maka *ana* sempatlah bertemu dengan anak-anaknya. Anak-anaknya memberitahu, apa yang ditinggalkan, hanyalah sebuah rumah usang (rumah pesaka di Kepala Batas) dan hutang RM400.00, hutang kereta. Walhal dia menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang dan pernah menjawat Pemangku Ketua Menteri Pulau Pinang. Begitulah luhur dan begitulah ikhlasnya dia memperjuangkan kepentingan bangsa dan tanahair, hingga tidak ada apa pada dia."

Haji Ali bercerita selanjutnya:

"Masa *ana* baru balik berkhidmat di Brunei, *ana* nak pegang jawatan Bahagian Khas Agama, *ana* pergi menemuinya, dia berkata, ha, *bang* tak mati lagi, *bang* masih hidup lagi, *bang duk lu* di Brunei tu, *bang* tinggalkan tanahair *bang pi* Brunei, berjuanglah untuk Brunei."

"Dengan sokongan dialah, maka saya dapat berkhidmat dalam Bahagian Khas Agama di Jabatan Penerangan. Itulah kali terakhir *ana* bertemu dia."

Menceritakan masa beliau bersama dengan Allahyarham Datuk Haji Ahmad Badawi, Haji Ali berkata:

* Erti syair ini, bahawa jika kita hanya sering bercakap sekadar mengutamakan "kalau", maka percakapan itu tidak akan melahirkan sesuatu hasil, hanya bersifat angan-angan.

"Sepanjang masa bergaul dengannya, semenjak tahun 1953, begitulah, selalulah *ana* mengiringi Allahyarham pergi berceramah di beberapa tempat di Seberang Prai, Pulau Pinang dan beberapa tempat lagi. Allahyarham selalu mengingatkan pemuda-pemuda Melayu, supaya berjuang dengan hati yang ikhlas."

"Katanya, kita ni kalau berjuang dengan ikhlas kita akan dikenang oleh orang, tapi jangan ucapkan ikhlas, seperti saya berjuang dengan ikhlas, siapa ucapkan, itulah yang tidak ikhlas."

"Allahyarham berkata begitu dalam ucapannya dalam satu perhimpunan di Selekoh, Bagan Datoh. Masa itu dia Naib Ketua Pemuda UMNO Malaya. Allahyarham berkali-kali berkata, siapa yang mengakui pada orang ramai yang dia berjuang kerana bangsa dan tanahair dengan ikhlas, dia itulah orang yang tak ikhlas, kerana dia ucapkan ikhlas itu."

"Terbuktilah, apabila Allahyarham meninggal, keikhlasan perjuangannya ternampak kepada kita."

"Allahyarham sering mengingatkan kepada pemuda Melayu akan rukun manusia-manusia ni. Rukun manusia yang diingatkan ialah lima, iaitu:

- * ***Ad Din — agama mesti ada.***
- * ***Tanabair.***
- * ***Merdeka.***
- * ***Ilmu Pengetahuan.***
- * ***Ekonomi.***

"Katanya, kalau ada agama sedangkan tanahair tidak ada, agama tidak dapat ditegakkan. Kalau ada tanahair tapi masih dijajah lagi. Tapi merdeka, agama juga tidak dapat ditegakkan. Kalau sudah ada agama dan ada tanahair dan merdeka, tapi tidak ada ilmu pengetahuan, akhirnya tidak

tercapai cita-cita bangsa kita, apatah lagi tidak ada ekonominya.”

Guru sekolah agama Daeratul Maarif al-Wataniyah, Kepala Batas, Ustaz Haji Abdul Razak bin Mat Isa telah menerangkan tentang Datuk Haji Ahmad Badawi waktu penulis menemukubualnya di rumahnya pada 9 April 1996;

“Ustaz Haji Ahmad Badawi ni, dia terkenal sebagai tokoh seorang guru yang berbudi baik dan baik hati. Dengan pelajar-pelajar dia tidak bersikap sombong.”

“Tentang peribadi dia yang istimewa, wang ringgit dia dibelanjakan habis pun tidak mengapa asalkan untuk kerana Allah. Wang yang dibelanjakan tu kalau orang nak bayar balik tidak apa, kalau tak bayar pun tidak apa.”

“Dia jadi Mudir sekolah Daeratul Maarif ni tak pernah dia ambil gaji. Dulu guru-guru yang mengajar di sekolah tu pun dapat bayaran *ala kulibal* (ala kadar) sajalah. Bukan gaji, hanya berupa sagu hati saja.”

“Allahyarham Haji Ahmad Badawi ni berjuang untuk kemerdekaan negara ini bersama Tunku Abdul Rahman, Dato’ Abdul Razak, Sardon Zubir dan ramai lagi dengan tidak mengharapkan balasan, apalagi nak cari kaya.”

“Dia meninggal dunia tak tinggal harta, hanya anak-anak yang berpelajaran, seorang daripada *depa* tu, Datuk Seri Abdullah Badawi... Yang lagi tu jasa dialah, baik dalam hal agama Islam, masyarakat dan tanahair.”

Bekas murid Allahyarham Haji Ahmad Badawi yang kini menjadi guru agama dan Imam Masjid Permatang Sungai Dua, Seberang Prai, Ustaz Mohd Noor bin Haji Mahmud memberitahu penulis, bahawa Allahyarham Datuk Haji Ahmad Badawi adalah seorang ulama yang banyak membuat

jasa kepada orang ramai.

Menurutnya, Allahyarham tidak pernah rehat, setiap hari menjalankan kerja untuk orang ramai di Seberang Prai khususnya dan di seluruh tanahair amnya.

"*Ana* fikir, susah nak cari seorang ulama dan ahli politik seperti beliau, yang susah nak cari ganti," katanya.

Allahyarham Ustaz Haji Abdul Samad Noh* Ketua Majlis Ulama PAS Perak dan Mudir Maahad al-Yahyawiyah, Padang Rengas Perak ialah rakan Allahyarham Haji Ahmad Badawi ketika di Makkah al-Mukarramah. Semasa hayatnya, Allahyarham telah berkata kepada penulis, Allahyarham Datuk Haji Ahmad Badawi adalah salah seorang rakannya yang rapat masa di Makkah dan sama-sama bermain bola.

"Kami bermain bola pakai seluar panjang, tak pakai seluar pendek," katanya.

Menurutnya, Allahyarham Haji Ahmad Badawi seorang ulama yang bijak, berani dan sederhana.

"Kalau dia duduk dalam PAS mungkin dia jadi pemimpin," kata Allahyarham Ustaz Haji Abdul Samad Noh.

KETEGASAN PEMUDA

Perikatan Pemuda UMNO pada masa di bawah pimpinan Sardon Haji Zubir, Haji Ahmad Badawi adalah bersifat satu barisan yang kuat, berani dan tegas. Pemuda UMNO zaman itu tidak "mengampu" pemimpin dan lebih mementingkan perjuangan daripada segala-galanya.

Perikatan Pemuda UMNO telah mengubah cogan kata "**Hidup Melayu**" kepada cogan kata "**Merdeka**" dan Perikatan Pemuda jugalah yang telah mencadangkan kerajaan peralihan bagi negara ini, iaitu daripada kerajaan Inggeris kepada kerajaan Perikatan.

Pada zaman itu suara Allahyarham sangat lantang. Di mana-mana sahaja Allahyarham berucap, maka disambut dengan tepukan gemuruh daripada orang-orang yang hadir.

* Lihat Mokhtar Petah, *Haji Abdul Samad Noh*, Minggu Tempo, 2 Mei 1993.

Tepukan disambut pula dengan laungan "*Allahu Akbar*".

Satu peristiwa yang bersejarah, ialah pada hari Persidangan Perikatan Pemuda UMNO di Butterworth pada 12 September 1952, Allahyarham Haji Ahmad Badawi telah mengetuai lebih 500 orang pemuda UMNO dari seluruh Seberang Prai dan Kedah, dari sekolah agama Daeratul Maarif al-Wataniyah, Kepala Batas ke Butterworth yang jauhnya lebih 11 batu. Semua pemuda-pemuda UMNO itu memakai seragam – songkok hitam, baju kemeja putih dengan atas dua bahu tersemat kain merah - *red tape* dan di atas kedua-dua kain itu tersemat pula tulisan "PEMUDA UMNO" daripada tembaga.

Sebaik-baik sahaja semua pemuda-pemuda UMNO berhimpun di padang Kelab Melayu Butterworth, maka Ketua Perikatan Pemuda, Sardon Haji Zubir berdiri di atas pentas dan menerima sebilah pedang daripada wakil Pemuda UMNO Kepala Batas. Allahyarham Sardon berucap setelah menerima pedang itu, bahawa sekiranya Inggeris tidak memberi kemerdekaan yang dituntut oleh UMNO maka semua pemuda UMNO di seluruh tanahair akan bangun berjuang dengan menggunakan senjata dan pertumpahan darah.

Allahyarham Datuk Haji Ahmad Badawi yang berucap dalam perhimpunan itu telah membidas kerajaan Inggeris yang berura-ura hendak mengharamkan Perikatan Pemuda UMNO.

Kesimpulan daripada kata-katanya:

- * ***Sebelum mengbaramkan Perikatan Pemuda UMNO, British harus sanggup melangkab mayat pemuda-pemuda UMNO.***
- * ***Sebarang usaha untuk mengbaramkan Perikatan Pemuda UMNO bererti ada keinginan di pihak tertentu untuk melibat air laut Pulau Pinang bertukar menjadi darah.***

Allahyarham Tunku Abdul Rahman yang telah merasmikan Mesyuarat Agung Perikatan itu telah berucap, antara lain kata Tunku:

"Tuan-tuan telah mendengar berita-berita angin yang mengatakan, bahawa ada cadangan pihak yang berkuasa dengan memansuhkan Perikatan Pemuda UMNO ini. Berita itu tentulah bukan berita kosong sahaja, malahan ialah sebagaimana kata pepatah orang tua-tua: *Ada asap ada api dan takkan dahan bergoyang kalau angin tak bertiup.*"

"Dengan kita berhimpun semua sekali secara besar-besaran pada kali ini ialah kerana kita hendak menunjukkan (kepada pihak Inggeris) bahawa kita ini (sanggup) bersama dan mati bersama."

"UMNO ini adalah tersusun daripada beberapa anggota, iaitu Perikatan Pemuda, kaum ibu dan kaum bapa. Salah satu anggota tersebut tidak boleh dibubarkan melainkan sama sekali itu akan ikut terbuang. Ketiga-tiga anggota itu telah menjadi sedarah sedaging yang tidak dapat diasingkan melainkan badan itu mati."

"UMNO ini bergantung kepada pemuda dalam serba perkara. Sekiranya pemuda kuat, maka kuatlah UMNO dan sebaliknya jika pemuda lemah, maka lemahlah UMNO."*

Mungkin kerajaan Inggeris terasa daripada bahang kepanasan perhimpunan itu, maka Pesuruhjaya Tinggi British, **Sir Gerald Templar** telah mengambil langkah mengharamkan ahli-ahli Perikatan Pemuda UMNO memakai pakaian seragam.

Dalam satu perjumpaan yang dianjurkan oleh UMNO cawangan Sauk, Kuala Kangsar pada tahun 1955, Haji Ahmad Badawi menegaskan dalam ucapannya, bahawa kalau agama Islam dan amalan Islam tidak dilakukan oleh orang Melayu

* Senu Abdul Rahman, *UMNO 10 Tahun*, tulisan Jawi, 1956.

pada masa negara mereka telah merdeka, maka kemerdekaan itu akan memberi faedah yang amat sedikit kepada orang-orang Melayu.

Menurutnya, bahawa kalau orang Melayu mengeneipkan Islam setelah merdeka, maka mereka yang berjuang dalam politik tidak akan ke mana, hanya menjadi alat bagi kepentingan orang lain sahaja.

Haji Ahmad Badawi menegaskan, bahawa kemerdekaan itu penting kepada apa bangsa sekalipun, tetapi bangsa yang merdeka mestilah bersatu padu, kalau tidak bersatu, mereka akan dijajah semula oleh golongan kapitalis dan orang-orang yang bercita-cita untuk memiliki negara mereka seperti Tanah Melayu ini.

Kepada ahli-ahli pemuda UMNO di bawah pimpinannya, Haji Ahmad Badawi telah meninggalkan amanatnya, iaitu:

- * ***Berjuang dengan ikhlas dan kerana Allah.***
- * ***Setiap pejuang mesti berani, berdisiplin, mematuhi pemimpin dan jangan menikam kawan dari belakang.***
- * ***Jangan menggunakan landasan perjuangan dan parti politik untuk mencari wang dan kekayaan.***
- * ***Jangan menggunakan wang untuk mendapat tempat dalam parti politik.***
- * ***Dalam apa keadaan sekalipun setiap perjuangan jangan meninggalkan sembarang fardu.***
- * ***Kalau menjadi pemimpin mestilah ada sifat Siddiq, amanah, tabligh dan fatanah.***
- * ***Kalau ada perselisihan dalam barakab (parti), bendaklab berusaha mencari jalan untuk menyelesaikan perselisihan itu.***
- * ***Tiap-tiap pemimpin jangan sombong dan jangan menghina rakyat, kerana pemimpin boleh datang dan boleh pergi kerana adanya rakyat.***

- * ***Jangan menukarkan politik dengan ekonomi, akibatnya kita menjadi hamba orang dan negara tergadai.***

Dalam satu perbualan dengan saya (penulis) pada satu malam pada tahun 1974, Haji Ahmad Badawi berkata:

"UMNO ni mesti dijaga baik-baik, kerana parti ini telah berjaya menyatukan bangsa Melayu dan mencapai kemerdekaan bangsa dan negara kita."

"Berjuang dalam UMNO ni kalau kerana nak mencari makan, baik cari kerja lain, kerana perjuangan bukan untuk mencari makan apa lagi mencari kekayaan."

"*Ana* berjuang dalam UMNO sejak tahun 1946 hingga *kat la ni* (tahun 1974), *ana* tak cari kekayaan, *ana* tak pernah ambil kesempatan dari jawatan *ana*... *Ana* tak pernah tuntutan elaun mesyuarat, duit minyak kereta, sewa hotel ka, cukup dengan bayaran yang *ana* dapat sebagai wakil rakyat (Ahli Dewan Undangan Negeri dan Ahli EXCO Pulau Pinang)."

"Harta *ana* tulah anak-anak *ana*, rumah buruk di Kepala Batas..."

Mengenai elaun perjalanan, elaun mesyuarat dan sebagainya yang tidak diambil oleh Allahyarham Datuk Haji Ahmad Badawi semenjak beliau menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri dan ahli EXCO Pulau Pinang, telah diakui oleh Bahagian Kewangan kerajaan negeri Pulau Pinang.

Pihak kerajaan itu telah menyatakan kehairanan mereka kerana Allahyarham Datuk Haji Ahmad Badawi tidak membuat tuntutan terhadap elaun-elaun tersebut. Menurut mereka Allahyarham sahajalah wakil rakyat di negeri itu tidak membuat tuntutan elaun-elaun yang diperuntukkan kepada Ahli Dewan Undangan Negeri.

Sikap yang ada pada Allahyarham Datuk Haji Ahmad

Badawi tidak mahu menonjolkan dirinya untuk menjadi pemimpin. Tetapi kalau ternyata mempunyai suara atau undi yang lebih ramai mahukan dirinya, maka jawatan itu dipikulnya dengan penuh tanggungjawab. Sebagai seorang ulama, Allahyarham adalah ulama yang bersikap sederhana dan sebagai seorang ahli politik Allahyarham mempunyai sikap sederhana tetapi tegas berani.

Kerana sikap itu, maka Allahyarham mempunyai ramai peminat dan penyokong sama ada dalam UMNO, mahupun di luar parti tersebut. Antara rakan-rakannya dari sekitar tahun 1946 hingga Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, ialah:

- Dr. Burhanuddin Helmy, Yang Dipertua Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM).
- Raja Kamaruzaman bin Raja Mansor, Raja Kecil Tengah Perak.
- Dato' Ahmad Kamil bin Mahmud, Kelantan.
- Mohd Sopiee bin Sheikh Ibrahim, Seberang Prai.
- Haji Ahmad Maliki, Seberang Prai.
- Raja Lop Shahrudin bin Raja Mohammad daripada Persatuan Melayu Chendering Perak.
- Ali bin Haji Arshad daripada Dewan Perniagaan Melayu Selangor.
- Haji Hussein Che Dol, Kedah
- Sheikh Abu Bakar Ashaari, Perlis.
- Dato' Panglima Bukit Gantang, Haji Abdul Wahab bin Toh Muda Abdul Aziz, Perak.
- Mohammad Nor bin Sulaiman daripada Persatuan Melayu, Pahang.
- Haji Nyak Agam, Yan, Kedah.
- Datuk Senu bin Abdul Rahman, Kedah,
- Abdul Hamid Jumat, Singapura.
- Ramli bin Tuku Putih (P. Ramlee), Pulau Pinang.
- Mohamad bin Hanif (penulis), Pulau Pinang.
- Haji Ahmad Fuad bin Hassan, Seberang Prai.
- Mohd Rejab bin Haji Darus, Kedah.

- Dato' Zulkifli Muhammad.*
- Hassan Adli.*

Pada masa krisis kepimpinan dalam UMNO, iaitu Allahyarham Dato' Onn meninggalkan UMNO, maka anaknya, Allahyarham Kpt. Hussein Onn (Tun) telah meletakkan jawatan Ketua Perikatan Pemuda UMNO dan keluar daripada UMNO, maka selama kira-kira empat bulan jawatan Ketua Perikatan Pemuda UMNO dipegang oleh Allahyarham Datuk Haji Ahmad Badawi.

Apabila Sardon Haji Zubir (peguam) telah dipilih memegang jawatan Ketua Pemuda, maka Allahyarham Datuk Haji Ahmad Badawi telah memegang jawatan Naib Ketua Perikatan Pemuda UMNO Malaya.

Dalam satu ucapannya dalam perjumpaan dengan ahli-ahli UMNO di Muar, Johor pada tahun 1951, Allahyarham Datuk Haji Ahmad Badawi telah menyelar golongan Melayu yang berpendidikan Barat yang memperkecil-kecilkan peribahasa Melayu "*Biar mati anak jangan mati adat*". Golongan itu berpendapat peribahasa tidak sesuai lagi dan kuno.

Allahyarham Datuk Haji Ahmad Badawi berkata, bahawa adat dalam peribahasa Melayu itu adalah peraturan dan undang-undang. Kita mesti mempertahankan undang-undang walaupun terpaksa kita membunuh anak kita.

Menurutnya, bahawa dalam Islam, misalnya seorang anak raja atau anak khalifah yang melakukan kejahatan, seperti zina atau membunuh orang, maka anak itu mesti dihukum mengikut undang-undang walaupun si anak itu terpaksa direjam atau dibunuh.

Pada 26 Ogos 1949, Jawatankuasa Agung UMNO telah

Mokhtar Petah, *Zulkifli Mubamad Dalam Kenangan*, Kota Bharu, Kelantan, Pustaka Anan Press, 1965 (cetakan pertama), Mei 1966 (cetakan yang kedua).

Mokhtar Petah, *Zulkifli Mubamad*, Kuala Lumpur, Mingguan Tempo, 7 Februari 1993.

Ibid 28 Februari, 1993.

menganjurkan satu Persidangan Agung wakil-wakil Pemuda UMNO dari bahagian-bahagian UMNO di seluruh Malaya. Tujuan persidangan itu diadakan ialah untuk menyatukan pemuda-pemuda UMNO dalam satu ikatan yang kukuh. 25 wakil pemuda dari 14 bahagian telah hadir.

Persidangan Agung Pemuda-pemuda UMNO telah diadakan di Butterworth itu telah memilih Yang Dipertua UMNO, Dato' Onn bin Jaafar sebagai penasihat, Kpt. Hussein Onn sebagai Setiausaha Hal-Ehwal Pemuda UMNO dan Mohd Sopiee bin Sheikh Ibrahim telah dipilih menjadi Pengerusi.

Untuk memilih dua orang wakil Perikatan Pemuda UMNO ke Persidangan Agung UMNO pada 27 dan 28 Ogos 1949, maka Allahyarham Datuk Haji Ahmad Badawi dan Mohd Sopiee bin Sheikh Ibrahim telah dipilih. Oleh kerana Mohd Sopiee terpaksa belayar ke London, maka tempatnya diganti oleh Major Ibrahim bin Ismail (pada tahun 1981 dan berikutnya mendapat gelaran General Tan Sri).

Semenjak Persidangan Pemuda UMNO dan penubuhan Perikatan Pemuda UMNO itulah, nama Allahyarham Datuk Haji Ahmad Badawi mulai meningkat yang kemudian menjadi pemimpin rakyat Pulau Pinang.



Allahyarham Datuk Haji Ahmad Badawi berdin di barisan belakang no. 7 dan kir: Gambar Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang 1972



Allahyarham Datuk Haji Ahmad Badawi berdiri paling kiri bergambar bersama Ahli-ahli Dewan Undngan Negeri Pulau Pinang 1963



Allahyarham Datuk Haji Ahmad Badawi bersama Allahyarham Tun Saadon bin Haji Zubir

Penutup

Wabai Tuhan kami, janganlah Engkau sesatkan hati kami setelah Engkau tunjukkan kami jalan yang benar dan anugerahkanlah kami rahmat dari sisi Engkau, sesungguhnya Engkau suka menganugerahkan.

Surah Ali 'Imran: 8

Mereka yang telah berjuang untuk membebaskan negara kita ini daripada cengkaman penjajah telah pergi meninggalkan kita buat selama-lamanya. Kita telah ditinggalkan oleh mereka di atas bumi yang merdeka, sebagai bangsa yang merdeka dan memiliki kemanusiaan dengan jiwa yang merdeka. Maka, kita hendaklah menyenangkan mereka dan jadikan titik perjuangan mereka sebagai bahan kajian dalam sains politik kita. Contohilah perjuangan mereka untuk kita menyambungkan perjuangan mereka.

Kita yang mereka tinggalkan ini, harus mencerminkan diri kita sendiri – melihat ke dalam diri kita - apakah kita ini sebenar-sebenar pejuang yang memikul amanat Allah ke atas diri kita? Atau kita hanya menjadi pejuang-pejuang yang hipokrit – berpura-pura - dengan tujuan untuk mengaut kekayaan dan kemewahan?

Allahyarham Sheikh Abdullah Fahim adalah ibarat api yang bercahaya di atas puncak lilin untuk menerangkan

jalan bagi Allahyarham Tunku Abdul Rahman Putra dan para pendukung UMNO untuk mendapatkan tarikh kemerdekaan negara pada 31 Ogos 1957. Dan puteranya, Allahyarham Datuk Haji Ahmad Badawi telah berjuang bersama-sama Allahyarham Tunku Abdul Rahman Putra dan para pendukung UMNO untuk memperolehi kemerdekaan. Allahyarham adalah seumpama sebatang lilin yang membakar diri untuk menyenangkan orang lain.

Dengan petunjuk Allah, pejuang-pejuang kemerdekaan tanahair telah berjuang ibarat merengkuh dayung sebuah sampan kecil menongkah ombak yang besar dan akhirnya dengan pertolongan Allah Subhanahu wa Ta'ala, perjuangan mereka mencapai kejayaan, iaitu tanahair dan bangsa kita memperolehi kemerdekaan.

Sekarang kita yang terdiri daripada generasi baru atau generasi yang hidup selepas negara mencapai kemerdekaan mestilah sanggup menyambungkan perjuangan mereka dan mengisi kemerdekaan negara dan bangsa kita dengan cara yang sungguh-sungguh dan pendeknya sanggup berkorban apa sahaja untuk negara yang tercinta ini.

Kita boleh mencontohi perjuangan beberapa orang pemimpin kita selepas negara mencapai kemerdekaan yang telah menyambung perjuangan para pejuang kita yang silam.

Kita kini anak bangsa yang telah merdeka. Anak bangsa yang mesti membela nasib sendiri dan tidak bergantung kepada orang lain untuk membelanya. Kita tidak boleh menjadi bangsa yang lemah dalam negara yang merdeka, kerana jika kita lemah ada kemungkinan kemerdekaan yang kita miliki tidak memberi apa-apa erti kepada kita.

Bangsa yang kuat dan bermanuah adalah bangsa yang mengenang jasa perjuangan orang-orang yang telah memerdekakan mereka. Dan kita adalah manusia yang patut mengenangi jasa pejuang-pejuang yang terdahulu daripada kita. Dengan itu kita bernama insan yang tahu membalas budi.

Kita mestilah berpegang kuat kepada **Rukun Manusia** yang telah diamanahkan oleh Allahyarham Datuk Haji Ahmad

Badawi, iaitu **kita mesti kuat berpegang kepada agama Islam, mencintai dan mempertahankan tanahair, memiliki diri dan jiwa yang merdeka, berilmu pengetahuan dalam semua bidang dan mempunyai ekonomi yang kukuh.**

Waktu-waktu saya menulis buku ini hingga selesai mencetaknya, telah hampir 36 tahun Allahyarham Sheikh Abdullah Fahim meninggalkan kita dan Allahyarham Datuk Haji Ahmad Badawi pula telah hampir 20 tahun pergi tidak kembali lagi.

Dengan hati yang terlalu kecil, penulis meminta pembaca sudi kiranya menghadiahkan al-Fatihah untuk mereka – **al-Fatihah.**

Wabillahit taufiq wal hidayah. Amin.



Lampiran

DALAM Kongres Kedua Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) di Melaka pada tahun 1946, Allahyarham Dr. Burhanuddin Helmy telah memberi ucapan amanat kepada bangsa Melayu dan dia telah bersyair yang mengandungi falsafah dan syairnya itu menjadi popular di kalangan pejuang-pejuang tanahair.

***Di atas runtuban Melaka lama,
Aku termenung seorang diri,
Mengenang Melayu kala jayanya,
Masa kebesaran nenek babari...***

Dan Dr. Burhanuddin, salah seorang pemimpin Melayu, keturunan dari Sungai Jambu, Batusangkar di pihak ayah dan putera Melayu di Parit, Perak di pihak ibu, tatkala mencari ilham di Melaka pada tahun 1946 bersyair pula:

***Di atas runtuban kota Melaka,
Kita bangunkan jiwa merdeka,
Bersatulah Melayu seluruh baka,
Membela hak keadilan pusaka...***

Demikian pujangga HAMKA menulis dalam buku karyanya *Dari Perbendaharaan Lama* yang telah diterbitkan di Kuala Lumpur pada tahun 1981.

Sungguhpun Dr. Burhanuddin al-Helmy telah menyertai sebuah organisasi politik Melayu iaitu Kesatuan Melayu Muda (KMM) pada tahun 1939, tetapi dia tidak aktif.

Pada tahun 1940 dia tidak ditangkap oleh Kerajaan British seperti Ketua KMM Ibrahim Yaakob, Ishak Haji Muhammad, Sultan Jenain dan Ahmad Boestamam, kerana dia tidak dianggap merbahaya.

Kira-kira lima hari sebelum Indonesia mengisytiharkan kemerdekaan pada 17hb. Ogos 1945, iaitu pada 12hb. Ogos 1945 Dr. Burhanuddin al-Helmy dan Ibrahim Yaakob telah bertemu dengan dua pemimpin revolusi Indonesia, Ir. Soekarno dan Dr. Hatta di Lapangan Terbang Taiping dan di Rumah Hantu (rumah kegiatan freemason) di bandar itu.

Mereka membincangkan tentang masa depan Tanah Melayu dan Indonesia mengisytiharkan kemerdekaan bersama pada 17hb. Ogos 1945.

Ir. Soekarno dan Dr. Hatta dalam perjalanan pulang ke Jakarta setelah mengadakan pertemuan dengan Pemerintah Tentera Jepun Asia Tenggara di Saigon.

Rancangan Dr. Burhanuddin al-Helmy dan Ibrahim Yaakob telah gagal kerana sebelum hari kemerdekaan Indonesia diisytiharkan, pada 14hb. Ogos 1945 Jepun telah menyerah kalah kepada kuasa Berikat setelah negaranya dimusnahkan dengan bom-bom atom.

Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) — organisasi politik orang Melayu pertama selepas British datang semula ke Tanah Semenanjung ini telah ditubuhkan dalam satu kongres orang Melayu di Ipoh pada 17hb. Oktober 1945.

Kelahiran parti politik itu hasil usaha Mokhtaruddin Lasso dan Ahmad Boestamam yang menerbitkan akhbar *SUARA RAKYAT* di Ipoh dan dalam penubuhan itu Mokhtaruddin Lasso telah dipilih menjadi Yang Dipertua Agung parti tersebut.

Mokhtaruddin Lasso adalah salah seorang daripada tokoh-tokoh **Parti Komunis Indonesia (PKI)** yang

menjalankan gerakan komunis dan perjuangan rakyat Indonesia. Dia pernah menjadi anggota sidang pengarang suratkhbar *MAJLIS* di Kuala Lumpur pada masa British memerintah negara ini.

Tetapi dalam kongres pertama parti itu di Ipoh juga, pada 30hb. November hingga 3hb Disember 1945, Mokhtaruddin Lasso telah menghilangkan diri, maka Dr. Burhanuddin al-Helmy telah dipilih dengan sebulat suara untuk memimpin Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM).

Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) yang dipimpin oleh Dr. Burhanuddin al-Helmy telah menyertai 39 buah pertubuhan Melayu seluruh tanahair (termasuk Persatuan Orang Asli Gombak) telah menyertai perhimpunan orang Melayu dan menubuhkan **Pertubuhan Kebangsaan Melayu Malaya (PEKEMBAR)** atau **UMNO** pada 11hb. Mei 1946.

Dr. Burhanuddin al-Helmy memimpin partinya dengan berpegang kepada cita-cita politik, bahawa kemerdekaan Malaya adalah hasil perjuangan bangsa Melayu dengan dasar — satu negara - negara Melayu, satu bangsa - bangsa Melayu, satu bahasa - bahasa Melayu dan satu agama (agama negara) - agama Islam.

Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) akan membentuk sebuah negara republik — tidak mempunyai raja tetapi berpresiden dan bendera negara berwarna merah putih.

Kerana tidak sesuai dengan keputusan UMNO yang mahukan negara ini merdeka dengan mengakui martabat dan kekebalan raja-raja Melayu dengan bendera parti itu mengandungi warna kuning kebesaran raja-raja Melayu, maka wakil PKMM — Ishak Haji Muhammad dan Ahmad Boestamam telah meninggalkan Mesyuarat Agung UMNO kali yang kedua di Ipoh pada 29 dan 30hb. Jun 1946 dan PKMM terus berpecah daripada UMNO.

Sesungguhnya peranan dan perjuangan Dr. Burhanuddin al-Helmy dalam memerdekakan negara ini daripada penjajahan tidak dapat ditandingi oleh tokoh-tokoh politik yang lain, kerana dia memiliki dua aliran yang menjadi

pegangannya, iaitu nasionalisme Melayu dan Islamisme.

Walaupun British dan orang-orang Melayu yang berpendidikan menganggap Dr. Burhanuddin al-Helmy seorang komunis atau pro komunis, tetapi sebenarnya dia menentang komunis kerana jasmani dan rohaninya adalah Islam.

Pada masa Tanah Melayu dikuasai oleh tentera Jepun, Dr. Burhanuddin al-Helmy telah diberi jawatan tinggi, iaitu *Advisor of Malay Custom and Culture* (Penasihat Adat Istiadat dan Kebudayaan Melayu). Dia berpejabat di Markas Pentadbiran Tentera Jepun di Taiping.

Jawatan yang dipegangnya digunakan sebagai jambatan untuk berjuang bagi membebaskan Tanah Melayu daripada sebarang rupa penjajahan, walaupun oleh bangsa Melayu sendiri.

Dia mempunyai pegangan, bahawa bukanlah raja-raja Melayu yang boleh mengekalkan bangsa Melayu seperti tak hilang di dunia tetapi dengan kekuatan dan keyakinan orang-orang Melayu mempertahankan agama Islam sebagai "Addin".

Sebagai pegawai dalam pemerintahan tentera Jepun, Dr. Burhanuddin al-Helmy mendampingi rakan-rakannya seperti Ustaz Abu Bakar al-Baqir dan bergaul rapat dengan para penuntut Maahad al-Ehya ul Sharif, Gunung Semanggul dan pada bulan Julai 1945 bersama Ibrahim Yaakob, Onan Siradj, Mustapha Hussein dan beberapa orang tokoh penting dalam Kesatuan Melayu Muda (KMM), Dr. Burhanuddin al-Helmy telah menubuhkan **Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung (KRIS)**. Organisasi ini bertujuan memerdekakan Tanah Melayu serentak dengan Indonesia dua negara itu akan bekerjasama atas dasar "saudara kandung". Tetapi harapan itu tidak mencapai kejayaan kerana tentera Jepun menyerah kalah sebelum Soekarno - Hatta mengisytiharkan kemerdekaan Indonesia.

Atas daya fikirannya bersama Ustaz Abu Bakar al-Baqir, Dr. Burhanuddin al-Helmy mengadakan Kongres Ekonomi Melayu Se-Malaya di Maahad al-Ehya ul Sharif pada 22-

24 Mac 1947 dan berjaya melahirkan **Pusat Perekonomian Melayu Se-Malaya (PEPERMAS)** dan **Majlis Agama Tertinggi Se-Malaya (MATA)**.

Oleh kerana Dr. Burhanuddin al-Helmy mempunyai kecenderungan membentuk Negara Islam dan sifatnya yang terlalu berlembut, maka Ishak Haji Muhammad dan Ahmad Boestamam memainkan peranan-peranan untuk mengalihkannya daripada jawatan Yang Dipertua Agung PKMM dalam kongres PKMM di Singapura pada bulan Disember 1947, dengan kerelaannya sendiri, maka dia memegang jawatan Penasihat Agung parti politik Melayu itu sahaja.

Dr. Burhanuddin dilahirkan di Kampung Changkat Tualang, Kota Bharu, Perak pada 29hb. Ogos 1911. Bapanya keturunan dari Sungai Jambu, Batusangkar, Indonesia — Haji Muhammad Noro, seorang alim lagi warak dan ahli tasawuf, bekerja sendiri di kampungnya sebagai petani biasa.

Ibunya bernama Sharifah Sahra adalah daripada keluarga orang-orang Melayu berketurunan "Syed" di Kota Bharu, Perak.

Masa saya membuat penyelidikan dan pengkajian untuk "*political science*" saya daripada sebuah universiti di Indonesia di bawah Jabatan Presiden Soekarno, saya telah mendapati beberapa cerita ketika Dr. Burhanuddin al-Helmy masih dalam alam kanak-kanak di kampungnya.

Dia mulai sembahyang fardu semenjak umurnya tiga tahun dan pada usia sepuluh tahun dia telah khatam al-Qur'an dan menghafal lebih separuh isi kitab suci itu.

Sebelum belajar di sekolah Melayu di Kampung Bakap, Kota Bharu, Perak dia belajar di Sekolah Melayu Behrang Ulu dekat Tanjung Malim setakat darjah tiga. Ketika dia belajar dalam darjah empat dan lima di sekolah tersebut, dia telah menerbitkan sejenis suratkhbar kecil berukuran kira-kira 18 x 26cm bernama *Berita Minggu*. Suratkhbar itu ditulis dengan tangan atau taip dan diterbitkan beberapa naskhah sahaja untuk orang-orang kampungnya.

Setelah tamat darjah lima, pada tahun 1924, dia dihantar

oleh bapanya ke kampung datuk neneknya, Sungai Jambu, Batusangkar, Indonesia untuk mendapatkan pendidikan agama Islam di sana. Di sanalah dia belajar ilmu tafsir al-Qur'an dan Hadith dan dikhususkan dalam Ahlul Sunnah wal Jamaah. Kerana dia mempunyai kefahaman ilmu tauhid dan akidah yang sempurna, maka dia diajar ilmu tasawuf oleh bapa saudaranya, seorang ahli tasawuf dan tarekat.

Di sana dia menuntut selama dua tahun dan kemudian pulang ke kampungnya. Dia melanjutkan pelajarannya di institusi pondok Pulau Pisang, Jitra, Kedah.

Oleh kerana pelajaran yang diajar di sana didapati lebih rendah daripada ilmu pengetahuan yang telah ada dalam dadanya, maka dia berpindah belajar di Madrasah al-Mashhurul Islamiah, Pulau Pinang. Di sekolah inilah dia mencapai pelajaran di peringkat Qismul Ali (peringkat tinggi) dan mahir berbahasa Arab.

Pada tahun 1928, dia mengembara ke India — menaiki kapal laut, berjalan kaki dan menaiki kenderaan-kenderaan zaman itu dan kemudian dia menuntut di Universiti (pada masa itu kolej) Islam Aligarh India (kini Pakistan). Dia juga mengikuti "*study*" ilmu perubatan Homeopathy di Ismaeliah Medical College, di New Delhi dan kemudiannya memperolehi Ijazah Doktor Perubatan.

Dr. Burhanuddin al-Helmy memberitahu saya (pada tahun 1950-an dan 1960-an saya berdamping rapat dengannya) bahawa ketika di India dia berpengalaman mengikuti perjuangan dan berkenalan dengan pejuang-pejuang nasionalis India seperti Mohamed Ali Jinnah, Mahatma Ghandi dan Pandit Nehru.

"Saya mendapat banyak nasihat dan idea daripada orang-orang itu, semenjak itu saya bercita-cita hendak menjadi seperti mereka," katanya kepada saya semasa kami di rumah Prof. Zulkifli Mohamad di Kota Lama, Kuala Kangsar.

"Mereka pejuang tanahair, percaya kepada diri sendiri, bercita-cita tinggi...", katanya lagi.

"Masa itu kita susah nak cari orang-orang kita yang

percaya kepada diri sendiri dan berani berjuang macam mereka," tambahnya.

Setelah pulang ke tanahair pada tahun 1935, Dr. Burhanuddin al-Helmy bekerja sebagai guru di Sekolah Agama (Arab) al-Junid, Singapura, iaitu guru bahasa dan sastera Arab.

Di Singapura dia mula bergiat dalam pergerakan orang-orang Melayu dan Islam di sana dan pada tahun 1937, dia menerbitkan sebuah majalah *TAMAN BAHAGIA*. Majalah politik itu membawa akibat kepadanya, iaitu setelah beberapa jumlah majalah bilangan pertama itu tersebar di Singapura, dia ditangkap oleh polis cawangan khas Singapura dan ditahan.

Selepas dibebaskan dan dengan bantuan kewangan daripada Dr. N. Rajah iaitu ahli perubatan Homeopathy, Dr. Burhanuddin al-Helmy membuka klinik Homeopathy di Singapura dan cawangannya di Johor Bharu.

Sebagai seorang pejuang politik, dia tidak kenal serik walaupun dia telah ditangkap dan ditahan oleh polis cawangan khas British. Pada penghujung tahun 1947, Dr. Burhanuddin al-Helmy telah mengetuai satu delegasi Malaya ke persidangan InterAsian Relation Conference di New Delhi, India. Dalam persidangan itulah membuka peluang kepadanya bertemu dan bertukar-tukar fikiran dengan pejuang-pejuang kemerdekaan dari negara-negara dalam Asia.

Pada masa darurat, dari bulan Februari 1948 akibat keganasan anggota-anggota Parti Komunis Malaya dan golongan Komintang, Dr. Burhanuddin al-Helmy menetap di Singapura.

Dalam menentang keputusan Mahkamah Tinggi atas kes Maria Hertogh (Natrah), gadis keturunan Belanda yang memeluk agama Islam akan di-Kristiankan dan mengikut ibu bapanya, maka Dr. Burhanuddin al-Helmy ditangkap dan ditahan oleh polis cawangan khas Singapura. Dia dibebaskan kira-kira setahun kemudian.

Apabila satu golongan yang anti-UMNO menganjurkan Kongres Pemuda Melayu Se-Malaya di Kuala Lumpur pada

tahun 1955, Dr. Burhanuddin al-Helmy diundang menghadirinya dan dia dipilih menjadi Pengerusi Jawatankuasa Pemandu (*Steering Committee*) dan dia diberi mandat mewakili anggota-anggota kongres itu ke Persidangan Afro-Asia di Bandung yang diadakan tidak lama selepas kongres itu.

Dalam Pilihanraya Kebangsaan bulan Julai 1955 dengan menggunakan *platform* Barisan Kebangsaan Melayu yang telah ditubuhkan oleh Kongres Pemuda Melayu se-Malaya, dia berkempen ke seluruh negara dan dalam setiap ucapannya itu dia telah mengecam polisi UMNO pimpinan Tunku Abdul Rahman Putra dan Parti Negara pimpinan Dato' Onn bin Jaafar.

Selepas pilihanraya itu, Dr. Burhanuddin al-Helmy bersama rakan-rakannya telah menubuhkan Parti Rakyat Malaya. Ketika itu Ahmad Boestamam masih dalam tahanan dan dengan daya usahanya dia mendapat persetujuan Ahmad Boestamam untuk menjadi ketua parti itu.

Dr. Burhanuddin al-Helmy menjadi ahli PAS pada bulan Disember 1956 dan dalam muktamar yang kelima parti itu pada 25 Disember 1956 dia dipilih dengan sebulat suara menjadi Yang Dipertua Agung parti tersebut.

Dalam Pilihanraya Kebangsaan tahun 1959, Dr. Burhanuddin al-Helmy memenangi kerusi Dewan Rakyat Kawasan Besut, Terengganu atas tiket PAS.

Dalam pilihanraya 1964, dia tidak bertanding dalam pilihanraya kerana sebuah mahkamah mengisytiharkan kesalahan atasnya berhubung kesilapan teknikal di dalam sebuah syarikat perniagaan.

Dr. Burhanuddin al-Helmy ditangkap dan ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) kerana dituduh menyertai gerakan menentang projek Malaysia oleh Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj.

Kerana dia terlalu diseksa dalam tahanan, tidak dapat buang air besar dan air kecil sehingga lebih 24 jam, makan minum tidak teratur dan jiwanya sentiasa tertekan, maka dia jatuh sakit dan keuzuran. Dia dibebaskan dengan

bersyarat tidak boleh melibatkan diri dalam gerakan politik pada tahun 1966.

Waktu saya menziarahinya di rumahnya di Taiping, dia terlalu uzur dan dia berkata kepada saya kali yang akhir.

"... Saya tidak lama lagi akan meninggal, tapi saya rasa diri saya telah diterima oleh Allah masuk syurga ... Saya telah tunaikan kewajipan saya sebagai anak Melayu dan seorang Islam... Saya harap saudara dan kawan-kawan teruskan perjuangan kita menegakkan negara Islam..." Larangan atasnya tidak boleh melibatkan diri dalam politik ditarik balik pada 22hb. September 1969 dan pada 25hb. Oktober tahun yang sama dia meninggal dunia dan waktu sebelum meninggal dia masih menjawat jawatan Yang Dipertua Agung PAS. Sebagai mengenang jasanya, Kementerian Pendidikan menamakan sebuah sekolah menengah di Taiping dengan namanya dan di Taman Tun Dr. Ismail, Kuala Lumpur beberapa batang jalan memakai namanya juga. **Al-Fatihah.**